

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2022

HARI KHAMIS : 21 JULAI 2022

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 7, 9 HINGGA NO. 105)**

**[SOALAN NO. 7 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN
SOALAN NO. 35]**

NOTA : [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL
RAHMAN [KUALA KRAI]**
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam usaha membantu memperkuuh lagi sistem sekuriti makanan negara memandangkan dunia kini memperlihatkan produktiviti boleh ditingkatkan dengan memperkuuhkan kemahiran teknologi moden yang cekap.

Soalan daripada Yang Berhormat Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] pada 21 Julai 2022

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapa banyakkah penemuan dan rekaan atau inovasi baru dalam bidang pertanian telah dihasilkan sejak 5 tahun lalu. Apakah impaknya

**Soalan daripada Yang Berhormat Tuan Che Alias bin Hamid
[Kemaman] pada 2 Ogos 2022**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan hasil usaha sama penggunaan teknologi terkini dalam industri pertanian dan agromakanan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta agensi yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Izinkan saya menjawab bersekali pertanyaan ini bersama dengan pertanyaan daripada:
 - Yang Berhormat Kangar bertarikh 21 Julai 2022; dan
 - Yang Berhormat Kemaman bertarikh 2 Ogos 2022kerana menyentuh isu yang sama iaitu berkaitan usaha memperkuuhkan sistem sekuriti makanan negara dan penghasilan serta pengaplikasian teknologi terkini dalam industri pertanian daripada MOSTI.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebagai Kementerian peneraju agenda STI negara sentiasa mengutamakan penggunaan dan pengadaptasian teknologi dalam membantu negara memperkuuhkan lagi sistem sekuriti makanan.
3. Sehingga kini, sebanyak 46 penyelesaian teknologi telah dikenal pasti oleh MOSTI dan 27 daripada jumlah tersebut adalah tersedia untuk dilaksanakan segera (*roll-out*) dalam membantu menangani isu sekuriti makanan.

4. Ianya dibahagikan kepada beberapa kluster iaitu:

- biji benih;
- biobaja dan baja penggalak;
- perkhidmatan ujian dan aplikasi;
- penggunaan dron dan robotik;
- kebun komuniti;
- akuakultur; dan
- makanan ternakan.

Senarai tersebut telah dikongsikan dengan pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk penelitian dan tindakan.

5. Mengenai perancangan Kementerian dalam usaha membantu memperkuuh lagi sistem sekuriti makanan negara, **MOSTI bersama-sama pihak UKM, UiTM, Jabatan Pertanian dan MARDI kini sedang melaksanakan R&D untuk membangunkan varieti baharu tanaman padi** selaras dengan arahan YAB Perdana Menteri yang mahu varieti padi baharu yang bakal dihasilkan mestilah:

- (a) **tidak mudah rosak jika ditelenggami banjir;**
- (b) **tidak perlu banyak menggunakan air;**
- (c) **tempoh kematangan yang lebih cepat; dan**

- (d) **sangat toleran terhadap perubahan iklim seperti perubahan suhu dan kemarau yang melampau yang menghadkan produktiviti tanaman.**
6. Seterusnya, bagi memastikan isu keselamatan sumber makanan, MOSTI juga sedang bekerjasama dengan MAFI bagi **membangunkan sistem pengesanan produk daging halal import berdasarkan teknologi *blockchain* menerusi agensi MIMOS Berhad.** Pembangunan sistem tersebut mampu meningkatkan dan mengembalikan keyakinan rakyat terhadap produk-produk daging yang diimport ke Malaysia. Sistem tersebut dijangka akan siap dibangunkan pada tahun 2024.
7. Bagi menjawab YB Kangar pula, sejak 2017, MOSTI melalui Jabatan dan agensi di bawahnya telah membiaya, membantu, berkolaborasi dan terlibat secara langsung dalam penemuan, rekaan dan inovasi baharu dalam bidang pertanian sekurang-kurangnya melibatkan 53 buah projek. Senarai projek ini, akan dikongsikan kepada YB Kangar cepat mungkin.

8. Seterusnya, bagi menjawab YB Kemaman pula, suka untuk saya kongsikan di sini terdapat sekurang-kurangnya **tujuh (7) buah agensi** di bawah MOSTI dengan kerjasama pelbagai pihak terutamanya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), telah berjaya menghasilkan produk atau kaedah penyelesaian berlandaskan teknologi.

AGENSI PERTAMA: NANOMALAYSIA BERHAD

Di bawah agensi ini terdapat tiga (3) projek utama yang berjaya dilaksanakan iaitu:

- (i) Penggunaan automasi sistem fertigasi, pertanian menegak (*vertical farming*) dan akuaponik;

Projek ini telah dilaksanakan oleh Floraponic Farm Malaysia (FFM) dengan kerjasama pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Manong, Perak.

- (ii) Penternakan Burung Walit Pintar (*Smart Swiftlet Farming*); dan

Untuk makluman YB, projek ini telah diasaskan oleh SS Walit Care yang bertujuan untuk memasarkan sarang

burung yang boleh dimakan (Edible Bird's Nest) atau lebih dikenali sebagai Yan Wo di kalangan masyarakat Cina.

SS Walit Care terletak di Kg. Masjid Hiliran, Kuala Terengganu dan telah menghasilkan lebih daripada 50 buah unit rumah burung di sekitar negeri Terengganu sejak tahun 2010.

Projek ini sangat berpotensi untuk berkembang, di mana pada tahun 2020, jumlah eksport sarang burung adalah sebanyak 3,640 tan metrik dan bernilai eksport sebanyak RM1.385 bilion.

(iii) Baja yang berasaskan teknologi nano (*nanofertiliser*).

Produk baja yang berasaskan teknologi nano (*Nanofertiliser*) ini membolehkan pelepasan nutrien secara terkawal dan mengurangkan penggunaan baja.

Baja nano yang mempunyai saiz rongga nano ini diperbuat daripada bahan yang bersifat pemangkin (catalyst) dalam proses tindakbalas fizikal dan kimia dalam tanah.

Kelebihan baja nano ini di antaranya adalah ia membolehkan pelepasan nutrien secara terkawal sehingga 45% berbanding baja kimia konvensyenal.

Baja nano mampu untuk menyimpan nutrien baja sehingga 60 hari sekaligus meningkatkan hasil tanaman sehingga 30%.

AGENSI KEDUA: AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

Di bawah agensi ini terdapat dua (2) projek utama yang berjaya dilaksanakan iaitu:

- (i) Benih Padi IS21;

Projek ini dilaksanakan dengan kerjasama pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Varieti Benih Padi IS21 ini, dihasilkan melalui teknologi nuklear yang mana terbukti mampu meningkatkan produktiviti pertanian.

Selain itu, varieti Benih Padi IS21 ini juga telah diperakukan oleh Jawatankuasa Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras (JKBKKIPB), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

sebagai benih padi sah dan boleh digunakan oleh petani dibawah skim subsidi Kerajaan.

- (ii) Produk biobaja dan baja penggalak oligokitosan.

Produk ini telah dikomersialkan dan berupaya meningkatkan kecekapan penggunaan baja dalam keseluruhan rantaian tanaman. Selain itu, ia juga boleh:

- (i) menjimatkan sehingga 50% kos baja tanaman;
- (ii) meningkatkan 8% hingga 12% keseluruhan hasil tanaman; dan
- (iii) meningkatkan 20% hingga 35% penjanaan pendapatan pertanian.

AGENSI KETIGA: AGENSI ANGKASA MALAYSIA

Di bawah agensi ini telah dibangunkan Sistem Maklumat Geospatial Tanaman Padi (MakGeoPadi).

Sistem ini telah dibangunkan secara kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Pertanian (DOA).

Sistem ini merupakan satu sistem aplikasi berteraskan teknologi angkasa khususnya teknologi remote sensing dan

Sistem Penentududukan Global (GNSS) serta teknologi berkaitan iaitu Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Sistem ini membolehkan:

- Pemantauan 100% keseluruhan jelapang padi;
- Penjimatan masa turun ke lapangan sebanyak 57%;
- Penjimatan subsidi Kerajaan sehingga 10%; dan
- Memanfaatkan 192,663 pesawah di seluruh Malaysia.

AGENSI KEEMPAT: YAYASAN INOVASI MALAYSIA

Di bawah agensi ini, antara produk yang berjaya ialah Pakej Penanaman Cendawan Berasaskan Sisa Pertanian Secara Komersial Melalui Teknologi Silaj dan Oligokitosan.

Projek ini telah dilaksanakan dengan kerjasama pihak Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Agensi Nuklear Malaysia.

Projek ini telah menggunakan dana MyIS Komuniti dan terbukti telah menghasilkan kesan berganda kepada peserta melalui pemindahan teknologi & pengetahuan.

**AGENSI KELIMA: AGRO-BIOTECHNOLOGY INSTITUTE,
NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY
MALAYSIA (ABI-NIBM)**

Di bawah agensi ini, antara produk yang berjaya dibangunkan ialah penghasilan benih rumpai laut merah *Kappaphycus alvarezii* menggunakan kaedah kultur tisu.

Projek ini telah dilaksanakan bersama pihak Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Cawangan Langkawi.

Memandangkan spesis ini mudah mendapat serangan penyakit, ABI-NIBM telah membangunkan teknologi pengkulturan tisu bagi menghasilkan benih rumpai laut secara konsisten.

Selain itu, ABI-NIBM juga telah membangunkan fasiliti asuhan dan pemulihan rumpai laut bagi mengatasi masalah yang timbul disebabkan bencana alam dan penyusutan kualiti rumpai laut.

AGENSI KEENAM: CRADLE FUND SDN. BHD.

Di bawah agensi ini terdapat dua (2) projek utama yang berjaya dilaksanakan iaitu:

- (i) Projek dalam bidang *urban farming* dan *urban gardening* bersama HAVVA Agrotech Sdn Bhd.

Projek ini menitik beratkan konsep sustainable farming dan melalui teknologi ini, pengusaha dapat mengurangkan penggunaan air sebanyak 90% dan menggunakan kawasan tanaman yang lebih kecil (100 tanaman dapat ditanam di kawasan yang lazimnya digunakan bagi 1 jenis tanaman dengan kaedah konvensional).

- (ii) Projek penternakan udang galah menggunakan teknologi termaju.

Melalui penggunaan teknologi ini, penternak dapat meningkatkan saiz ternakan dan tumbesaran udang galah sekali gus berjaya meningkatkan hasil pengeluaran ladang-ladang mereka.

AGENSI KETUJUH: MALAYSIA VENTURE CAPITAL MANAGEMENT BERHAD (MAVCAP) BERHAD

Agensi ini telah berjaya membantu dalam pembangunan *Platform Restaurant Supply Chain* atau disebut sebagai *Food Market Hub*.

SOALAN NO : 7

Platform ini bertujuan untuk membantu dan menghubungkan vendor dan restoran untuk membeli dan mendapatkan bekalan makanan daripada pemberong makanan.

Platform ini telah mula digunakan di beberapa restoran di Lembah Klang dan Pulau Pinang dan masih sedang dalam proses adaptasi oleh pihak vendor restoran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR
@ YUSRE BIN MOHD AKIN
[HANG TUAH JAYA]
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN NO. 8

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah kelulusan Lesen Pengilangan secara '*fast track*' melalui platform digital e-Manufacturing License (e-ML) dan apakah mekanisme yang dilakukan oleh Kementerian ini berjaya menambah prestasi pelaburan di dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Platform digital *e-Manufacturing Licence* (e-ML) diperkenalkan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 1 Jun 2020 bagi mempercepatkan kelulusan Lesen Pengilang dalam tempoh masa dua (2) hari bekerja untuk projek pengilangan yang bukan sensitif. Bagi tempoh 1 Jun 2020 sehingga 7 Julai 2022, sebanyak 1,517 projek telah diluluskan Lesen Pengilang melalui platform ini.

Inisiatif ini adalah salah satu usaha oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi menambahbaik dan memudahkan pelabur menjalankan operasi perniagaan di dalam negara seterusnya meningkatkan prestasi pelaburan. Ia juga selaras dengan dasar pendigitalan Kerajaan bagi mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam.

Mekanisme atau pendekatan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian untuk menarik lebih banyak pelaburan ke dalam negara adalah seperti berikut:

Pertama, penggubalan Dasar Pelaburan Baharu Negara yang berteraskan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) bagi mensasarkan pelaburan berkualiti tinggi, berintensifkan modal dan teknologi dengan berteraskan elemen-elemen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social and Governance-ESG*). Pembaharuan kepada agenda pelaburan ini melibatkan lima teras utama iaitu, meningkatkan kompleksiti ekonomi (*economic complexity*), mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, memperluaskan rangkaian domestik, membangunkan kluster baharu dan sedia ada, serta meningkatkan penglibatan menyeluruh. Lima (5) sub-sektor utama telah dikenalpasti di bawah NIA iaitu Elektrikal & Elektronik, Ekonomi Digital, Farmaseutikal, Kimia dan Aeroangkasa;

Kedua, penubuhan *Project Acceleration and Coordination Unit* (PACU) di MIDA dan pelbagai digital platform seperti InvestMalaysia

NO SOALAN: 8

yang dapat mempercepatkan kelulusan dan pelaksanaan projek pelaburan di setiap peringkat. Projek-projek pelaburan, terutamanya projek-projek baharu (*greenfield*) mengambil masa antara 12-24 bulan untuk dilaksanakan kerana syarikat perlu mendapatkan pelbagai kelulusan dan lesen daripada pihak berkuasa tempatan yang berkaitan seperti pemilihan dan pemilikan tapak, permohonan keperluan utiliti dan permohonan agensi teknikal. Bagi tahun 2019 sehingga Mac 2022, daripada 2,923 projek pengilangan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI), sebanyak 1,755 projek (60 peratus) telah dilaksanakan;

Ketiga, pelaksanaan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia bagi membina ekosistem digital yang lengkap serta Dasar 4IR Negara untuk melengkapi Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia bagi merancakkan pembangunan ekonomi digital;

Keempat, penubuhan Pejabat Pelaburan Digital (*Digital Investment Office, DIO*) dengan kolaborasi digital sepenuhnya antara MIDA dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) bertujuan untuk mengkoordinasi, memantau dan mempercepatkan pelaburan digital di negara ini. Peranan DIO adalah sejajar dengan Rangka Tindakan MyDIGITAL untuk menarik pelaburan bernilai RM70 bilion dalam sektor digital menjelang tahun 2025; dan

Kelima, pengenalan pakej pengecualian cukai istimewa bagi menggalakkan syarikat asing memindahkan (*relocate*) operasinya atau menubuhkan operasi baru di Malaysia dan menjadikan Malaysia sebagai pusat rangkaian bekalan antarabangsa. Sehingga 30 Jun 2022, sejumlah 25 syarikat telah diluluskan tawaran galakan cukai.

Segala usaha yang dijalankan Kementerian secara langsung memberikan impak yang amat besar kepada evolusi landskap pelaburan di rantau ini ke arah digitalisasi dalam memastikan Malaysia kekal berdaya saing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT
[BETONG]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR menyatakan berapa jumlah projek dan peruntukan yang disediakan bagi pengurusan banjir dan saliran mesra alam di Sarawak bagi tahun 2022.

SOALAN NO: 9

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12), KASA melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah diluluskan peruntukan sebanyak RM387.38 juta meliputi kerja-kerja bagi Pengurusan Banjir dan Saliran Mesra Alam di Negeri Sarawak.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat dua (2) Projek **Pengurusan Banjir** yang telah siap sepenuhnya dengan kos pelaksanaan berjumlah RM5.75 juta iaitu:
 - i. Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Kawasan Penempatan Semula Kampung Bako, Kuching, Sarawak
 - ii. RTB Kampung Sebemban Lembangan Batang Sadong Sarawak
3. Manakala lima (5) projek RTB sedang dalam pelaksanaan dengan jumlah kos keseluruhan RM168.67 juta. Pada tahun 2022, KASA telah diperuntukan sejumlah RM13.9 juta bagi pelaksanaan RTB berikut:
 - i. RTB Sibu (Fasa 3) Lembangan Batang Rajang, Sarawak
 - ii. RTB Kampung Beradek Semilang, Kuching Sarawak
 - iii. RTB Sungai Stakan, Kuching
 - iv. RTB Sg Miri, Lembangan Sungai Miri, Sarawak
 - v. RTB Daerah Limbang Di Lembangan Sg Limbang, Bahagian Limbang
4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, terdapat lagi dua (2) projek dalam peringkat kajian dengan **anggaran** keseluruhan RM10 juta iaitu:
 - i. Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Batang Lupar, Sarawak
 - ii. Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Batang Saribas, Sarawak

SOALAN NO: 9

5. Selain itu, bagi kerja-kerja di bawah **Saliran Mesra Alam** sejumlah RM7.62 juta telah disalurkan pada Tahun 2022, melibatkan tiga (3) kerja, iaitu:

- i. Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Sarawak
- ii. Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA)
- iii. Kerja-kerja Penyelenggaraan Kolam Takungan

6. Sejumlah RM191 juta telah diperuntukan bagi Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Sarawak yang merangkumi skop utama iaitu:

- i. Naik Taraf sistem saliran;
- ii. Rancangan Tebatan Banjir; dan
- iii. Mendalam dan melebarkan sungai.

7. Seterusnya, sejumlah RM11.96 juta telah diperuntukan melibatkan lapan (8) kajian di bawah Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) yang telah siap sepenuhnya.

8. Selain itu, telah diperuntukan RM430,000.00 melibatkan lapan (8) kerja-kerja sebutharga bagi projek penyenggaraan kolam takungan banjir.

9. Untuk makluman YB juga, Kerajaan Negeri Sarawak juga memperuntukan sebanyak RM6.2 juta yang melibatkan empat (4) kerja rekabentuk projek tebatan banjir dan sejumlah RM0.5 juta satu (1) kerja ukur pengumpulan data lokasi-lokasi banjir di Batang Igan, Sibu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 21 JULAI 2022

SOALAN

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sama ada pihak Kementerian berhasrat mengarahkan Lynas menghantar balik ke Australia sisa buangan radioaktif (WLP) dari kilang Lynas memandangkan pihak Lynas sudah pun mempunyai tapak pelupusan kekal (PDF) untuk sisa radioaktif mereka bertempat di lombong rare earth milik Lynas di Pergunungan Weld di Australia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Syarat pengurusan residu *Water Leached Purifications* (WLP) yang dikenakan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) terhadap Syarikat Lynas telah mengambilkira semua peruntukan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304), syarat pelaburan yang dikenakan oleh pihak MITI serta syor oleh *Parliament Select Committee (PSC)*, 2012.

Kaedah pengurusan residu WLP menurut syor PSC 2012 telah ditetapkan sebagai peruntukan syarat-syarat lesen berhubung dengan pengurusan residu kepada Syarikat Lynas. Antaranya ialah jika **gagal mendapat tapak PDF** yang sesuai, Lynas perlu **membawa keluar dari Malaysia** semua residu yang dihasilkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, Lynas telah mendapat tapak PDF yang sesuai dan telah memulakan proses pembinaan PDF di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan, Pahang bermula 23 Februari 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha dakwah yang telah dilakukan Kerajaan terhadap golongan orang kurang upaya (OKU).

JAWAPAN

**YB SENATOR DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited dan sentiasa berusaha untuk memperkasakan dakwah kepada komuniti Orang Kurang Upaya (OKU). Selaku agensi yang bertanggungjawab kepada hal ehwal Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) turut sama mengambil peranan dan berusaha untuk membantu golongan Orang Kurang Upaya ini dalam pendidikan agama seperti membina Glosari Istilah Islam bagi bahasa isyarat berbentuk buku dan juga aplikasi dengan membangunkan glosari *signage* berkaitan akidah dan munakahat

untuk kategori pekak agar mereka dapat lebih memahami hal-hal yang berkaitan akidah, nikah, cerai dan rujuk (munakahat).

2. Di samping itu, Kerajaan juga memahami kekangan yang dihadapi oleh golongan OKU dalam penyelarasan urusan perkahwinan. Kerajaan, melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai agensi penyelaras, telah menyediakan Modul Bersepadu Kursus Pra-perkahwinan Islam yang sentiasa ditambahbaik dari masa ke semasa. Modul ini telah diguna pakai untuk kegunaan pelaksanaan kursus pra-perkahwinan Islam yang dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam peringkat akhir menyiapkan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya Muslim (PTOKUM). Pelan ini mendukung kepada Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (OKU) Kebangsaan dan juga dasar sedia ada iaitu Dasar Orang Kurang Upaya (OKU) Negara yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pelan ini dibangunkan sebagai inisiatif bagi menjaga *maslahah* dan menyantuni golongan OKU Muslim.
4. Selain itu, JAKIM juga sentiasa menyantuni OKU dengan mengadakan program-program penghayatan Islam samada secara turun padang (bersemuka) dan program atas talian di saluran media massa seperti Facebook, webinar atas talian dan sebagainya. JAKIM telah melaksanakan pelbagai program bagi menyantuni golongan OKU termasuk golongan OKU pekak dan bisu. Pelbagai program dirangka oleh JAKIM dengan kerjasama NGO, Pusat Pengajian Tinggi dan persatuan OKU bagi memastikan golongan OKU ini tidak terpinggir dari arus perdana dakwah sama seperti golongan biasa.
5. Kerajaan juga sentiasa mengambil berat dan prihatin terhadap golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam meningkatkan kefahaman mereka terhadap agama Islam. Sehubungan itu, pelbagai usaha dan inisiatif telah dibuat oleh pihak Kerajaan bagi membantu golongan ini di antaranya ialah:

- i. Penyediaan kemudahan dan fasiliti yang mesra OKU di masjid seperti tandas OKU, bilik wuduk, kerusi roda, kerusi solat, tempat letak kereta dan laluan OKU bagi memudahkan golongan ini mendekatkan diri mereka dengan institusi masjid.
- ii. Program-program agama yang disiarkan di television seperti Forum Perdana, Fikrah, Anda Musykil, Siaran Langsung Solat Jumaat dan lain-lain program agama turut menyediakan khidmat Jurubahasa Isyarat bagi membantu golongan OKU untuk lebih memahami ajaran Islam.
- iii. Mengadakan 2 Siri Bengkel Semakan Modul KAFA Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Masalah Pembelajaran pada 14-16 Jun 2022 di Terengganu.
- iv. Perluasan pelaksanaan KAFA Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) di beberapa buah sekolah terpilih seluruh Malaysia yang melibatkan 389 buah sekolah, 47 orang guru dan 1,191 orang murid.
- v. Kursus Lanjutan Guru KAFA MBPK (pekak, bisu dan buta).
- vi. Pelancaran Mashaf Al-Quran Braille Malaysia (MQBM) yang menjadi wadah kepada OKU untuk mendampingi dan mengkaji isi kandungan serta pengajaran Al-Quran.
- vii. Bagi memudahkan lagi proses pembelajaran dan pengajaran MQBM pihak JAKIM, PERTIS dan USIM telah menghasilkan satu lagi bahan rujukan utama kepada pengajaran MQBM iaitu Modul Pengajaran Mashaf Al-Quran Braille Malaysia sebagai panduan dan rujukan utama khususnya kepada para penulis, penerbit, guru-guru KPM yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam dan Quran Braille di sekolah dan institusi IPTA, IPTS, PERTIS serta tenaga pengajar di bawah JAKIM sendiri.

- viii. Program Penghayatan Ramadhan bersama OKU Pekak di Masjid Negara dan pada bulan akan datang, program berkaitan Quran dan Umrah untuk kumpulan yang sama.
 - ix. Program Raikan Ramadhan dan Tadarus Al-Quran bersama komuniti OKU dengan anjuran bersama Masjid Putra yang diadakan di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihian, Bangi.
6. Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada Orang Kurang Upaya (OKU) kerana meraka juga berhak untuk mendapatkan peluang mempelajari agama serta mengikuti program-program dakwah seperti orang lain. Ia penting agar golongan istimewa ini juga dapat menjadi muslim yang mengamalkan ajaran agamanya dengan sempurna.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan berkenaan projek penyelenggaraan sungai di Kedah :-

- a) berapa peruntukan dipohon oleh JPS Kedah serta bila dan jumlah yang telah diluluskan; dan
- b) adakah Sungai Tanjung Bendahara serta sungai lain yang berhampiran kawasan perumahan termasuk dalam senarai projek selenggara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Penyenggaraan sungai adalah di bawah seliaan Kerajaan Negeri. Manakala kerajaan persekutuan bertanggungjawab menyalurkan peruntukan bagi membantu Kerajaan Negeri untuk mengurangkan impak banjir di Negeri Kedah.
2. Walau bagaimanapun, KASA melalui JPS memberi perhatian secara khusus sebagai langkah mitigasi jangka pendek dan sederhana untuk mengurangkan risiko banjir di bawah Projek Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir yang melibatkan skop kerja adalah:
 - i. Penyiasatan tanah;
 - ii. Kerja Ukur;
 - iii. Rekabentuk terperinci;
 - iv. Kerja-kerja pengaluran Sungai;
 - v. Kerja-kerja menstabilkan tebing sungai;
 - vi. Menaiktaraf aset tak alih;
 - vii. Menaiktaraf saluran dan struktur berkaitan bagi meningkatkan kualiti air sungai;
 - viii. Pengurusan projek; dan
 - ix. *Communication, Education, Participation and Awareness* (CEPA)
3. Dalam RMKe-12, KASA telah menyalurkan peruntukan bagi projek ini berjumlah RM11.3 juta yang melibatkan 86 projek. Manakala di bawah peruntukan yang sama sebanyak RM3.1 juta telah dibelanjakan dalam *Rolling Plan 1* tahun 2021.

SOALAN NO: 12

4. Disamping menguruskan sungai, KASA telah mengambil kira perancangan bagi Pengurusan Banjir Secara Bersepadu melalui kaedah Struktur dan Bukan Struktur secara optimum dalam melindungi dan mengurangkan risiko banjir sesuatu kawasan. Kaedah struktur yang digunakan untuk sistem pengurusan banjir seperti peningkatan kapasiti sungai, pembinaan empangan, kolam takungan, lengcongan sungai, pembinaan benteng banjir (*flood wall*) dan sistem pam. Manakala bagi kaedah bukan struktur pula, penekanan diberi kepada pengurusan dataran banjir, perancangan guna tanah, kawalan dan pematuhan pembangunan, sistem ramalan dan amaran banjir, peta banjir, dan pelaksanaan program kesedaran (*communication, education and public awareness*).
5. Bagi Pengurusan Banjir Bersepadu, KASA telah memperuntukan sebanyak RM1.28 billion bagi tujuh (7) projek tebatan banjir di seluruh Negeri Kedah, antaranya:

BIL.	NAMA PROJEK
1.	RTB Sungai Kedah/Anak Bukit
2.	RTB Sg Pendang
3.	RTB Baling
4.	RTB Bandar Jitra Selatan
5.	RTB Lembangan Sungai Bongkok, Kedah
6.	RTB Bandar Baharu, Daerah Bandar Baharu, Kedah
7.	RTB Bandar Changloon

6. Selain itu, KASA telah memperuntukkan sebanyak RM7.5 juta bagi Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam, Alor Setar Utara, Bandar Darul Aman Dan Pekan Kuah, Kedah yang merangkumi skop perkhidmatan perunding, perolehan data LiDAR dan pengurusan projek.
7. Bagi mengurangkan lagi impak banjir, KASA juga telah menyalurkan peruntukan di bawah kerja-kerja penyenggaraan kolam

SOALAN NO: 12

takungan berjumlah RM800,000 yang dilaksanakan secara sebutharga. Kerja-kerja penyenggaraan kolam takungan ini secara tidak langsung dapat membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menangani risiko Banjir Kilat di Bandar.

8. Pada tahun 2021, Sungai Tanjung Bendahara telah disenggara menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri. Untuk makluman YB juga, sungai-sungai yang berhampiran kawasan perumahan termasuk di dalam senarai projek selenggara Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan serta nama dan lokasi projek fizikal yang dikategorikan “TENAT” atau “SAKIT” di Sarawak dan di Kawasan Parlimen Baram khas setakat ini. Nyatakan jumlah peruntukan yang terlibat serta tindakan penyelesaian yang diambil pihak Kerajaan.

JAWAPAN

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Projek Lewat Jadual (Sakit)** sebagaimana yang ditakrifkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 4.5 : Tatacara Pengurusan Projek Sakit dan Pelantikan Kontraktor Penyiap bagi Projek Sakit bermaksud sesuatu projek dikategorikan sebagai projek sakit apabila:
 - (i) kemajuan kerja fizikal telah mengalami kelewatan melebihi **dua (2) bulan atau 20%** (mengikut mana yang terdahulu) berbanding jadual yang ditetapkan dalam kontrak; dan
 - (ii) kontraktor adalah tidak berupaya untuk memperbaiki prestasinya.
2. Sehingga kini, terdapat **lapan (8) projek lewat jadual (sakit)** di Sarawak dengan taburan mengikut Parlimen dengan satu (1) projek sakit di setiap Parlimen Lawas, Hulu Rajang, Lubok Antu, Igan, Saratok dan Sibuti manakala dua (2) projek sakit di Parlimen Miri. Antara contoh projek sakit adalah Pembinaan Sekolah Baru 36 Bilik Darjah dan Lain-Lain Kemudahan, Sekolah Menengah Kebangsaan Tudan, Miri, Sarawak, Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 3) Dengan Kuarters Lawas, Sarawak dan Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 4) Dengan Kuarters Lubok Antu, Sri Aman.
3. **Tiada** projek lewat jadual (sakit) di Parlimen Baram.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL
[MAS GADING]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat perancangan untuk menambah sistem radio GIRN (*Government Integrated Radio Network*) di kawasan Parlimen Mas Gading memandangkan Balai Bomba dan Penyelamat Bau, Hospital Bau dan Angkatan Pertahanan Awam Daerah Bau tidak berupaya menggunakan sistem tersebut kerana tiadanya liputan.

JAWAPAN

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN,JPM) bertanggungjawab untuk mentadbir dan membangunkan sistem radio GIRN (*Government Integrated Radio Network*) yang dibangunkan oleh Sapura Research Sdn Bhd (SRSB) dan ianya merupakan rangkaian komunikasi kritikal untuk kegunaan agensi-agensi keselamatan, ketenteraman awam, penguatkuasaan dan kecemasan Kerajaan.
2. Untuk makluman, Daerah Bau adalah termasuk di dalam kawasan litupan GIRN bagi penggunaan terminal 10 watt seperti yang digunakan dalam jentera bomba dan ambulans Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kerana kedudukan stesen pemancar yang berada dalam jarak 18 kilometer dari kawasan ini.
3. Selain itu, pihak Kerajaan sedang membangunkan aplikasi *Next Generation Critical Communication* (NGCC) untuk membolehkan penggunaan sistem komunikasi bersandarkan kepada talian komunikasi komersial yang telah tersedia di kawasan Parlimen Mas Gading.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.
KADIR [SETIU]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan selaras dengan pelancaran Dokumen Keluarga Malaysia Keluarga Sejahtera, bagaimana konsep Lelaki Qawwam boleh diintegrasikan supaya masalah sosial yang melibatkan institusi keluarga dapat dikurangkan.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengambil inisiatif untuk memperkasakan peranan kaum lelaki kerana melihat pentingnya untuk menekankan peranan lelaki sebagai pemimpin dan wali kepada ahli keluarga. Sekiranya golongan Adam gagal dalam menjalankan tanggungjawab dan amanah Allah sebagai bapa dan suami maka tidak hairanlah berlakunya keruntuhan institusi keluarga yang menjadi antara punca dan penyumbang kepada peningkatan masalah dan gejala sosial di kalangan masyarakat. Walaupun tidak dinafikan banyak faktor lain yang menyebabkan keruntuhan institusi keluarga masa kini, namun, apa yang ingin ditekankan adalah peranan lelaki sebagai pemimpin merupakan tunjang dalam memastikan keharmonian dan kesejahteraan terhadap sesebuah rumah tangga.

2. Justeru, JAKIM telah mengadakan Persidangan Meja Bulat Inisiatif Lelaki Qawwam pada 30 November 2021M bagi mendapatkan pandangan daripada para ilmuwan, aktivis masyarakat dan wakil dari kementerian dan agensi. Rentetan daripada persidangan tersebut, JAKIM telah mengambil inisiatif menubuhkan Jawatankuasa Pelaksana Inisiatif Lelaki Qawwam yang dianggotai oleh agensi-agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama (HEA). Pada masa ini, Jawatankuasa Pelaksana Inisiatif Lelaki Qawwam sedang memperkuatkannya inisiatif sedia ada dengan menambah elemen Lelaki Qawwam dalam pelaksanaan program-program baru dan sedia ada.

3. Terkini JAKIM bersama Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN) sedang mengemaskini modul Kursus Paperkahwinan Islam dan Kursus Pascaperkahwinan Islam dengan menambah elemen Lelaki Qawwam dalam modul tersebut.
4. Inisiatif Lelaki Qawwam ini dilihat amat bertepatan dengan aspirasi Keluarga Malaysia Keluarga Sejahtera (KMKS) dimana peranan lelaki sebagai pemimpin dan wali kepada ahli keluarga melalui penerapan pengkayaan nilai-nilai (Nilai 20) yang digariskan dalam nilai dan ciri Keluarga Malaysia antaranya nilai kebertanggungjawaban terhadap keluarga, menjadikan budaya amanah sebagai budaya keluarga, membina akhlak mulia seluruh anggota keluarga, menjaga kehormatan dan maruah keluarga, menerapkan budaya kesabaran dalam mengekalkan keharmonian keluarga. Bahkan penekanan nilai juga turut diberikan dari aspek hidup beriman, membudayakan amalan sihat fizikal dan mental, mengekalkan tradisi dan adat kekeluargaan, kasih sayang, hormat dan taat.
5. Di samping itu, pelaksanaan Inisiatif Lelaki Qawwam ini juga adalah selaras dengan Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI) 2019-2025 yang dibangunkan bagi mendukung Dasar Sosial Negara. Pelan ini dibangunkan bagi menangani gejala sosial yang melanda umat Islam pada hari ini. Pelan ini juga amat bersesuaian dengan situasi semasa yang memerlukan kerjasama holistik daripada semua lapisan masyarakat bagi menangani gejala sosial yang melanda masyarakat terutamanya umat Islam pada hari ini.
6. Atas dasar ini juga JAKIM optimis melihat inisiatif Lelaki Qawwam ini akan dapat membantu Keluarga Malaysia yang lebih sejahtera melalui penerapan nilai kerohanian, keharmonian, kasih sayang dan saling hormat menghormati antara sesama keluarga yang membentuk masyarakat yang prihatin dan saling membantu seterusnya dapat mengurangkan masalah sosial dalam institusi keluarga.

Sekian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah rancangan Kerajaan dalam merangka strategi dan untuk berdepan dengan perubahan iklim yang sedang melanda sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Bagi menyokong usaha kerajaan dalam berdepan dengan perubahan iklim yang melanda sekarang dan pada masa akan datang, khususnya untuk adaptasi perubahan iklim, Kementerian sedang dalam proses membangunkan Pelan Adaptasi Kebangsaan yang merangkumi lima (5) sektor utama iaitu:

- i. Jaminan air dan sumber pesisir, atau dengan izin, water security and coastal resources;
- ii. Pertanian dan keselamatan makanan, atau dengan izin, agriculture and food security;
- iii. Infrastruktur, tenaga dan persekitaran terbina yang termasuk bandaraya, atau dengan izin, infrastructure, energy and built environment including cities;
- iv. dan biodiversiti, atau dengan izin, forestry and biodiversity; dan
- v. Kesihatan awam, atau dengan izin, public health.

SOALAN NO: 16

2. Kejayaan pelaksanaan Pelan Adaptasi Kebangsaan yang saya sebutkan tadi, bergantung kepada kerjasama daripada semua lapisan masyarakat, sama ada agensi kerajaan Persekutuan dan Negeri, pihak berkuasa tempatan, NGO, komuniti setempat dan sebagainya.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KASA akan turut mengarusperdanakan adaptasi perubahan iklim dalam pengurusan banjir. Ini turut mengambil kira integrasi pengurusan risiko bencana melalui mitigasi jangka panjang dan jangka pendek pengurusan banjir yang melibatkan pendekatan secara Struktur dan Bukan Struktur.
4. Antara perkara yang diberi perhatian adalah peningkatan rekabentuk struktur utama pengurusan banjir daripada 100 tahun kala purata ulangan atau *Average Recurrence Interval (ARI)* kepada 200 tahun ARI setelah mengambil kira faktor perubahan iklim.
5. Disamping itu, KASA melalui JPS telah merancang pelan jangka panjang dan jangka pendek untuk mendalam, menaik taraf dan membaik pulih sistem pengurusan banjir di seluruh negara. Kaedah-kaedah ini dapat mempertingkat dan memenuhi pelaksanaan pengurusan banjir secara lebih efektif dan efisien melalui Pengurusan Banjir Secara Bersepadu (*Integrated Flood Management, IFM*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
[PONTIAN]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN:

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semua program dan inisiatif atas nama Keluarga Malaysia, jumlah peruntukan yang terlibat untuk setiap satu serta kejayaan yang diperoleh berserta contoh dan perancangan masa depan mengenainya.

JAWAPAN

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Keluarga Malaysia mengumpamakan rakyat Malaysia sebagai sebuah Keluarga kerana keluarga merupakan satu entiti yang saling melengkapi, umpama anggota tubuh yang saling memerlukan di antara satu sama lain. Bagi memastikan kejayaan idea Keluarga Malaysia ini, kementerian dan agensi telah memperkenalkan pelbagai produk dan inisiatif yang dijalankan sebagai sebahagian usaha membantu rakyat. Ini merupakan langkah untuk menyemai budaya khidmat, berorientasikan prestasi bagi meringankan beban Keluarga Malaysia, yang memerlukan bantuan dan sokongan.

2. Pada 8 Oktober 2021, YAB Perdana Menteri telah melancar dan memperkenalkan beberapa produk yang telah dikenalpasti dapat membantu dan mengetengahkan intipati atau jiwa Keluarga Malaysia. Antaranya adalah Skuad Keluarga Malaysia yang diterajui oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Masyarakat dan Keluarga (KPWKM). Skuad Keluarga Malaysia melaksanakan operasinya dengan kaedah pendampingan sosial untuk mendekati mereka yang ditimpa kesusahan akibat pandemik atau bencana dengan memberi bantuan kewangan dan bukan kewangan. Skuad ini merupakan kolaborasi pelbagai agensi di bawah kementerian berbeza, pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menyelaras semua mekanisme penyampaian bantuan kepada rakyat yang memerlukan di seluruh negara, di bawah satu jentera. Sehingga kini, skuad ini telah mempunyai 10,000 anggota sukarela yang bersedia membantu rakyat yang terkesan akibat pandemik. Kerajaan juga sangat menggalakkan lebih banyak kementerian dan

agensi serta sukarelawan mendaftarkan diri sebagai Skuad Keluarga Malaysia.

3. Yayasan Keluarga Malaysia (YKM) pula ditubuhkan sebagai sebuah institusi bukan bersifat keuntungan yang membantu anak-anak Keluarga Malaysia yang kehilangan ibu atau bapa atau penjaga atau kedua-duanya sekali akibat pandemik Covid-19, kemalangan atau lain-lain bencana seumpama dalam memperoleh sokongan terutamanya daripada aspek kebajikan dan pendidikan sehingga mereka mencapai usia 18 tahun. Dalam keadaan-keadaan tertentu, Yayasan Keluarga Malaysia juga boleh memberi bantuan kebajikan dan pendidikan sehingga ke peringkat pengajian/ kemahiran tinggi. Yayasan ini bergerak dengan dana permulaan sebanyak RM25 juta. Sehingga hari ini sebanyak 231 individu layak telah dibantu melalui sumbangan one-off. Selain daripada pemberian sumbangan one-off, Yayasan Keluarga Malaysia turut akan memberikan sumbangan secara berkala (bulanan) kepada golongan sasar pada masa akan datang.
4. Terkini Skim Insurans Keluarga Malaysia pula telah dilancarkan pada 25 Mac 2022. Objektif skim ini adalah memberi perlindungan sosial kepada golongan miskin dan miskin tegar melalui Ketua Isi Rumah (KIR) yang berdaftar dalam sistem eKasih. Perlindungan insurans dengan premium RM50 setahun akan ditawarkan kepada 268 ribu keluarga yang layak dengan membabitkan kos keseluruhan sebanyak RM13.4 juta.
5. Inisiatif Jamin Kerja juga turut diperkenalkan oleh Kerajaan bagi membantu Keluarga Malaysia yang terkesan akibat pandemik dan bencana yang dihadapi sepanjang 3 tahun kebelakangan dengan menawarkan pekerjaan sama ada di jabatan-jabatan kerajaan dan swasta dengan kos sebanyak RM4.8 bilion. Sehingga kini sebanyak 600,000 peluang pekerjaan telah ditawarkan di bawah beberapa skim iaitu:

- (1) Skim Insentif Jamin Kerja;
(2) *Malaysia Short Term Employment Programme*; dan
(3) Program Latihan dan Peningkatan Kemahiran.
6. Selain itu, antara produk - produk Keluarga Malaysia yang lain adalah seperti berikut:
- (1) Bantuan Wang Ihsan (BWI), Bantuan Barang keperluan Asas (BBKA), dan Bantuan Pembaikan Rumah (BPR) disalurkan kepada mangsa bencana yang dikelola oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Bantuan ini merupakan penzahiran keprihatinan Kerajaan Persekutuan untuk meringankan beban yang dihadapi mangsa bencana dan disalurkan kepada mangsa melalui Pejabat-Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pejabat-Pejabat Pembangunan Negeri di negeri-negeri berkenaan. Antara penerima bantuan ini adalah mangsa banjir Monsun Timur Laut 2022/2021 dengan nilai bantuan sebanyak RM887,860,500.00.
- (2) Pakej Remaja Keluarga Malaysia dibawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM) menawarkan Pakej Pra Bayar khusus untuk remaja dan pelajar dengan kadar RM10 sebulan bagi pelan telekomunikasi yang dibayar untuk 3 bulan/RM30, mereka akan mendapat data 20GB untuk tiga bulan.
- (3) Pakej Peranti Siswa atau juga dikenali sebagai Pakej Peranti Keluarga Malaysia pula membolehkan pengguna memiliki atau menaik taraf kepada peranti mudah alih dan voice over long term evolution (VoLTE) secara percuma. Juga diterajui oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia K-KOMM dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT);

- (4) Pas Keluarga Malaysia adalah pas perjalanan yang memberikan kemudahan kepada empat orang dalam satu kumpulan untuk menikmati perjalanan menggunakan Transit Aliran Ringan (LRT), Transit Aliran Massa (MRT), Monorel dan Transit Aliran Bas (BRT) di bawah Rapid KL untuk satu hari tanpa had pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum dengan harga RM15. Pas ini telah dilancarkan pada 22 November 2021 dengan objektif untuk menggalakkan Keluarga Malaysia beriadah dan menghabiskan masa berkualiti bersama keluarga. Pas ini akan memberikan manfaat kepada rakyat terutama yang tinggal di Lembah Klang;
- (5) Inisiatif Kediaman Rumah Keluarga Malaysia atau Rumah IKRAM telah dilancarkan pada 24 September 2021. Objektif inisiatif ini adalah untuk menyediakan kemudahan insentif melalui sewaan percuma selama enam (6) bulan kepada mangsa Covid-19 bagi mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh rakyat. Inisiatif ini dijangka memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya 10 ribu isi rumah yang memerlukan;
- (6) Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) telah dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri dan merupakan kesinambungan kepada Program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 9 hingga 12 Disember yang lalu. Sebanyak 14 siri jelajah telah dirancang termasuk acara penutupan di Putrajaya. Sehingga kini, sebanyak lima (5) buah JAKM telah dianjurkan di Johor, Perlis, Sabah, Terengganu dan Perak. Siri jelajah ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menyumbang kepada rakyat melalui penganjuran program yang berfokuskan kepada kemudahan perkhidmatan secara langsung.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN
BIN AYUB (PULAI)**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB (PULAI) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jangkaan projek-projek pembinaan yang tergendala di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur akan dapat disiapkan, ekoran isu kesesakan jalan raya yang semakin serius yang turut disebabkan oleh projek-projek pembinaan yang masih tergendala.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sebanyak 33 projek berskala besar yang masih terbengkalai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur disebabkan oleh pelbagai masalah terutamanya berkaitan aspek kewangan. Sebahagian besar projek-projek ini masih belum ada jangkaan bila akan disambung semula pembinaannya. Kini, terdapat 10 projek yang telah mengemukakan cadangan untuk meneruskan semula projek terbengkalai ini.

Tapak-tapak projek tergendala tersebut adalah dijaga dan diselenggara dengan baik oleh pemilik-pemilik serta dipantau oleh DBKL. Tapak-tapak projek terbengkalai ini dipasang papan dendeng (*hoarding*) bagi tujuan mengawal keselamatan awam. Justeru itu, tapak projek terbengkalai ini tidak menyumbang kepada kesesakan lalu lintas. Namun begitu, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan terus memantau serta mengambil tindakan sewajarnya sekiranya terdapat unsur-unsur yang boleh mendatangkan kesesakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk mengelakkan pekebun-pekebun kecil kelapa sawit mengalami kesusahan yang berpunca daripada harga jualan merosot pada masa depan dan juga kekurangan pekerja untuk memetik buah-buah kelapa sawit.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

- Bagi mengatasi isu ini, Kementerian menggalakkan pekebun kecil untuk melaksanakan aktiviti integrasi di dalam kawasan penanaman sawit mereka.
- Pada masa ini, Kementerian juga melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menyediakan bantuan Integrasi Tanaman Dengan Sawit (ITa) dengan kadar RM7,000/hektar untuk tanaman nanas dan RM3,000/hektar untuk tanaman pisang, jagung, tembikai dan beberapa tanaman lain.
- Selain daripada itu, Kementerian turut menyediakan bantuan Integrasi Ternakan Dengan Sawit (ITe) dengan kadar RM15,000 bagi setiap projek meliputi ternakan ayam kampung, ayam daging dan itik penelur. Bantuan diberikan dalam dua bentuk iaitu untuk penyediaan reban sebanyak RM3,500 dan bekalan input ternakan, makanan dan ubat-ubatan sebanyak RM11,500.
- Selain itu, pekebun kecil juga disarankan supaya menjual hasil buah tandan segar melalui Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) yang telah diselaraskan oleh MPOB.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN:

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah semakan skim gaji sektor awam akan dibuat setelah 20 tahun tidak dilakukan.

JAWAPAN

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Gaji dalam Perkhidmatan Awam ditetapkan berdasarkan konsep gaji untuk menyara keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Selain daripada gaji pokok, Penjawat Awam turut menerima elaun yang terdiri daripada imbuhan tetap, bayaran imbuhan, bayaran balik dan lain-lain elaun yang menyumbang kepada emolumen bulanan Penjawat Awam.
2. Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang diguna pakai sekarang diperkenalkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 (PP Bil. 4/2002) berkuat kuasa 1 November 2002. Sejak mula diperkenalkan pada tahun 2002, sistem saraan tersebut telah

melalui beberapa penambahbaikan iaitu pada tahun 2007, 2012, 2013, 2015, 2016, 2019 dan 2020. Antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan ke atas SSM adalah pemberian kenaikan gaji kepada Penjawat Awam antara 7.5% hingga 35% pada tahun 2007 dan 7% hingga 13% pada tahun 2012, pemberian faedah pemindahan gaji dengan amaun bersamaan satu (1) Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) pada tahun 2013 dan 2016 serta penambahbaikan kaedah pemberian Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) kepada pegawai yang mencapai gaji maksimum pada tahun 2015.

3. Selain semakan dan pemberian kenaikan gaji, Kerajaan turut melaksanakan penambahbaikan ke atas Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) pada tahun 2015 dengan memberi kenaikan kadar sebanyak RM120 kepada Kumpulan Pelaksana iaitu daripada RM180 kepada RM300 sebulan. Pada tahun 2019, Kerajaan turut mengumumkan kenaikan kadar Bayaran Imbuhan Sara Hidup (BISH) kepada Kumpulan Pelaksana sebanyak RM50 melibatkan semua kategori kawasan. Dua (2) penambahbaikan ini memberikan kesan langsung kepada peningkatan pendapatan bulanan Penjawat Awam khususnya daripada Kumpulan Pelaksana.
4. Walaupun SSM masih diguna pakai sejak tahun 2002 hingga hari ini, pelbagai penambahbaikan dan perubahan telah dilakukan oleh Kerajaan bagi memastikan sistem saraan tersebut kekal relevan dengan keperluan semasa. Sebagai contoh, jumlah pendapatan minimum seorang pegawai Gred N11 pada tahun 2002 adalah hanya RM770.62 berbanding RM1,811.00 pada ketika ini.
5. Sebarang pemberian kenaikan gaji atau penambahbaikan struktur gaji dan elaun sedia ada perlu diperhalusi dan dikaji secara menyeluruh melibatkan keseluruhan Perkhidmatan Awam bagi menjaga keharmonian dalam Perkhidmatan Awam. Kewajaran untuk menaikkan gaji dan elaun tertentu dalam Perkhidmatan Awam perlulah mengambil kira keseluruhan jumlah emolumen yang diterima Penjawat Awam serta kedudukan semasa ekonomi negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL
RAHMAN [MUAR]**

TARIKH : 21 JULAI 2021 (KHAMIS)

SOALAN

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa duta lantikan politik dan bertaraf Menteri yang telah dilantik. Berapa jumlah kos perbelanjaan yang telah Kerajaan belanjakan untuk menampung jawatan mereka sehingga kini dan apakah manfaat yang telah diperoleh melalui pelantikan-pelantikan ini sama ada daripada segi pelaburan dan hubungan antarabangsa.

JAWAPAN

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Seramai empat (4) Utusan Khas lantikan politik dan bertaraf Menteri telah dilantik seperti berikut:
 - (i) Utusan Khas Perdana Menteri ke Timur Tengah;
 - (ii) Utusan Khas Perdana Menteri ke Republik Rakyat Cina;
 - (iii) Utusan Khas Perdana Menteri ke Jepun, Republik Korea dan Taiwan; dan
 - (iv) Utusan Khas Perdana Menteri ke India dan Asia Selatan.
2. Kerajaan sentiasa komited dalam memacu asas-asas ekonomi negara melalui pelaksanaan dasar yang terbuka dan telus. Dalam tempoh fasa peralihan ke endemik COVID-19, Utusan Khas Perdana Menteri antara lain turut berperanan meningkatkan hubungan dua hala bagi mengukuhkan kerjasama terutamanya dari aspek politik, ekonomi, pelaburan, perdagangan, pertanian dan pendidikan dengan negara-negara yang berkaitan.
3. Utusan Khas Perdana Menteri juga sentiasa proaktif dan terus mempergiatkan misi pertemuan rasmi dengan beberapa Duta dan Kuasa Usaha Sementara (CDA) negara-negara berkaitan. Pertemuan ini adalah bagi menzahirkan komitmen Malaysia untuk bekerjasama, mendapatkan maklum balas langsung dan seterusnya memberi manfaat yang signifikan kepada perkembangan aspek pembangunan dan sosio ekonomi negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
(CAMERON HIGHLANDS)**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' RAMLI BIN DATO' MOHD NOR [CAMERON HIGHLANDS] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini cadangan pembinaan Jalan Pintasan Cameron Highlands dan adakah ianya telah dibentangkan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya amat prihatin terhadap isu kesesakan di Cameron Highlands. Sehubungan dengan itu, Kajian Kesesakan Lalulintas Cameron Highlands, Pahang telah dibentangkan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) pada 9 Disember 2021 yang lalu.

Pada Februari 2022, sukacita saya ingin memaklumkan bahawa Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) telah meluluskan pelaksanaan projek secara berfasa, bermula dengan fasa pertama iaitu **Projek Menaik Taraf Jalan dari Bulatan McDonald ke Persimpangan Brinchang / Time Tunnel dan membina One Way Loop di Kea Farm, Cameron Highlands, Pahang** dengan anggaran kos sebanyak RM142,920,000.00 dilaksanakan dalam tempoh *Rolling Plan 2*, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP2, RMKe-12) tahun 2022.

Seterusnya, Makmal Pengurusan Nilai peringkat Kajian Nilai (VA) telah diadakan untuk memuktamadkan kos, skop, dan rekabentuk projek pada 14 hingga 18 Mac 2022. Proses perolehan akan dilaksanakan pada bulan Julai 2022 dan Surat Setuju Terima (SST) dijangka akan dikeluarkan pada bulan Oktober 2022 dengan tempoh pelaksanaan projek selama 36 bulan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN
SAID [PENTERANG]
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID [PENTERANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai 147 undang-undang yang dikenal pasti sebagai sudah lapuk sepetimana dibangkitkan oleh YAB Perdana Menteri semasa ucapan pada 17 Jun 2022 serta jangka masa cadangan penyelesaiannya.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang (selepas ini dirujuk sebagai "BPPUU"), Jabatan Peguam Negara (selepas ini dirujuk sebagai "JPN") telah menjalankan Kajian Undang-Undang Lapuk yang bertujuan untuk mengkaji semula undang-undang yang telah lapuk dan mengenal pasti sama ada undang-undang tersebut wajar dimansuhkan, disemak atau diperbaharui bagi memodenkan undang-undang lapuk tersebut.
2. BPPUU, JPN berpandangan antara ciri-ciri undang-undang yang boleh dikategorikan sebagai lapuk adalah seperti yang berikut:

SOALAN NO : 23

- a. matlamat dan tujuan ia digubal dan dikuatkuasakan telah tercapai dan tidak lagi beroperasi sekarang atau pada masa akan datang;
 - b. kerja-kerja penabungan, peminjaman atau perbelanjaan wang orang ramai telah dilaksanakan dengan sempurnanya;
 - c. bersifat sementara atau perkara berkaitannya telah berakhir semenjak ia diluluskan;
 - d. diisyiharkan oleh mahkamah sebagai tidak sah dan terbatal;
 - e. digantikan oleh triti-triti antarabangsa seperti Triti ASEAN dan konvensyen- konvensyen antarabangsa;
 - f. konteks pemakaianya tidak sesuai atau relevan lagi dengan kehendak semasa; dan
 - g. perundangannya dilihat tidak sesuai lagi dengan perkembangan teknologi semasa.
3. Bagi tahun 2022, BPPUU, JPN sedang mengkaji lapan (8) undang-undang pra-1969 daripada Undang-Undang *Malayan Union* dan Persekutuan Tanah Melayu (*Federation of Malaya*).
4. Berhubung dengan senarai 147 undang-undang yang telah dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri, satu penelitian dan kajian terperinci sedang dilakukan oleh Kerajaan bagi mengenal pasti keperluan semakan dan pembaharuan undang-undang tersebut.
5. Sebarang pembaharuan undang-undang akan dilaksanakan melalui sesi libat urus dengan semua pihak berkepentingan bagi memastikan sesuatu undang-undang tersebut adalah relevan dan “*fit for purpose*”.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN TEH KOK LIM
[TAIPING]
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN NO. 24

Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan impak terhadap perdagangan antarabangsa ke atas negara kita akibat Perang Ukraine-Rusia yang masih berlangsung. Adakah peningkatan harga minyak mentah sedunia memanfaatkan hasil kutipan tahun ini dan berapa kerugian yang masih perlu ditanggung susulan perang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a. **Impak terhadap perdagangan antarabangsa ke atas negara kita akibat Perang Ukraine-Rusia yang masih berlangsung.**

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar pelaburan dan perdagangan yang terbuka, sebarang bentuk konflik antarabangsa berpotensi menjelaskan ekonomi Malaysia yang juga merupakan antara negara pengeluar penting dalam rantai bekalan global.

Landskap ekonomi global semakin mencabar akibat kesan pandemik COVID-19 dan situasi geopolitik semasa. Perubahan iklim dunia juga telah memberikan kesan kepada ekonomi dunia.

Namun demikian, prestasi perdagangan luar Malaysia bagi tempoh Januari hingga Mei 2022, yang telah merekodkan peningkatan sebanyak 25.1 peratus kepada RM1,084.8 bilion berbanding RM867.4 bilion pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Selari dengan prestasi perdagangan yang memberangsangkan, eksport dan import juga mencatatkan pertumbuhan dua digit iaitu eksport berkembang sebanyak 23.5 peratus kepada RM592.9 bilion, manakala import merekodkan kenaikan 27 peratus kepada RM491.9 bilion. Berdasarkan kepada prestasi cemerlang perdagangan luar Malaysia, kita berpandangan bahawa usaha-usaha ini dapat mengurangkan tekanan ke atas pertumbuhan ekonomi negara.

- b. **Adakah peningkatan harga minyak mentah sedunia memanfaatkan hasil kutipan tahun ini dan berapa kerugian yang masih perlu ditanggung susulan perang tersebut.**

Negara Rusia adalah merupakan pengeluar gas asli kedua terbesar dan antara negara pengeluar minyak terbesar dunia. Oleh itu, konflik berpanjangan yang melibatkan pengeluar tenaga utama seperti

Rusia pasti akan menjelaskan pasaran minyak antarabangsa berikutan kekangan bekalan.

Bagi Malaysia, harga minyak mentah dan gas asli yang tinggi bakal memanfaatkan sektor minyak dan gas negara. Tidak kurang juga kesan positif terhadap hasil berkaitan sektor petroleum yang menyumbang sekitar satu perlima daripada jumlah keseluruhan hasil negara. Merujuk kepada pembentangan Belanjawan 2022 pada 29 Oktober 2021, hasil Kerajaan Persekutuan tahun 2022 dianggarkan berjumlah RM234 bilion dengan harga minyak mentah dunia diandaikan berada pada kedudukan USD66 setong pada ketika itu.

Oleh yang demikian, seiring dengan peningkatan harga minyak mentah dunia yang kini telah mencapai purata sebanyak USD106 setong (harga sehingga 11 Julai 2022), hasil Kerajaan Persekutuan juga dijangka akan meningkat dengan andaian sebanyak RM300 juta untuk setiap kenaikan USD1 setong.

Kenaikan harga minyak mentah ini membolehkan syarikat petroleum negara memperuntukkan dividen yang lebih tinggi sebagai hasil kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun, implikasi kenaikan harga bahan api telah turut mendorong peningkatan kadar inflasi dan kos sara hidup yang seterusnya menyebabkan Kerajaan terpaksa menanggung beban subsidi untuk barang kawalan seperti petrol dan diesel. Merujuk kepada kenyataan yang dibuat oleh Menteri Kewangan pada 25 Jun 2022, jumlah unjuran perbelanjaan subsidi kepenggunaan yang ditanggung oleh Kerajaan yang meliputi petrol, diesel, gas petroleum cecair (LPG), minyak masak, tepung dan elektrik bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat dijangka mencecah sebanyak RM77.3 bilion bagi tahun 2022, yang mana jumlah subsidi tersebut adalah jumlah subsidi tertinggi dalam sejarah yang pernah ditanggung oleh pihak Kerajaan dan melebihi peruntukan asal RM31 bilion dalam Belanjawan 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN
MAT NAWI
[TUMPAT]
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN NO. 25

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kementerian untuk menarik pelaburan asing ke negeri Kelantan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sentiasa bekerjasama erat dengan semua Agensi Pelaburan di peringkat negeri dan juga Koridor Ekonomi untuk menarik pelaburan asing dan tempatan dalam pelbagai sektor ke semua negeri di Malaysia. Di Kelantan, Kerajaan sentiasa bekerjasama dengan Bahagian Pelaburan Kelantan (*Invest Kelantan*) dan Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (*East Coast Economic Region Development Council - ECERDC*).

Untuk makluman, jumlah pelaburan yang telah diluluskan dan dilaksanakan dalam sektor perkilangan di Kelantan dari tahun 1980 sehingga tahun 2021 adalah sebanyak RM2.08 bilion, di mana ia terdiri daripada 97 projek dalam sektor perkilangan yang menjana 10,591 peluang pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, RM928.5 juta atau 45% adalah pelaburan langsung asing dan RM1.15 bilion atau 55% adalah pelaburan tempatan.

Antara usaha-usaha proaktif yang dijalankan di peringkat nasional bagi menarik kemasukan pelaburan langsung asing ke Malaysia termasuk ke Kelantan adalah seperti berikut:

- i. Memperkenalkan Dasar Pelaburan Baharu Negara yang berteraskan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) bagi mensasarkan pelaburan berkualiti tinggi dan berintensifkan modal dan teknologi dengan berteraskan elemen-elemen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social and Governance - ESG*). Pembaharuan kepada agenda pelaburan ini melibatkan lima teras utama, iaitu meningkatkan *economic complexity*, mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, memperluaskan rantaian domestik, membangunkan kluster baharu dan sedia ada, serta mempertingkatkan keterangkuman. Lima sub-sektor utama telah dikenal pasti di bawah NIA, iaitu Elektrikal dan Elektronik, Ekonomi Digital, Farmaseutikal, Kimia dan Aeroangkasa;

- ii. Memperkenalkan pakej pengecualian cukai istimewa bagi menggalakkan syarikat asing memindahkan (*relocate*) operasinya atau menubuhkan operasi baharu di Malaysia dan menjadikan Malaysia sebagai pusat rantaian bekalan antarabangsa;
- iii. Merancakkan pembangunan ekonomi digital dengan menggubal Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia bagi membina ekosistem digital yang lengkap di samping Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara. Pejabat Pelaburan Digital (*Digital Investment Office*), sebuah kolaborasi digital antara MIDA dan *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) telah ditubuhkan untuk mempercepatkan pelaburan digital di negara ini. Peranan DIO adalah sejajar dengan Rangka Tindakan MyDIGITAL untuk menarik pelaburan bernilai RM70 bilion dalam industri digital menjelang tahun 2025; dan
- iv. Menganjurkan Misi Perdagangan dan Pelaburan ke luar negara bagi berkongsi maklumat dan memaklumkan kepada bakal pelabur tentang peluang pelaburan dalam sektor-sektor yang disasarkan melalui pendekatan ekosistem.

Kerajaan juga telah memperkenalkan Pakej Insentif Percukaian Khas pada 1 Jun 2022 kepada pelabur yang melabur di Kelantan, iaitu pengecualian cukai pendapatan 100 peratus selama 15 tahun dan 17 peratus untuk lima tahun berikutnya. Sebagai insentif tambahan, individu pemastautin bukan warganegara yang memegang jawatan pengurusan kanan (jawatan utama) bagi syarikat yang diluluskan insentif hanya akan dikenakan kadar cukai rata sebanyak 15 peratus sahaja. Namun ia terhad kepada permohonan yang diterima pada 1 Ogos 2021 sehingga 31 Disember 2022. Untuk makluman, ECERDC sedang menilai permohonan daripada dua syarikat daripada Kelantan bagi Pakej Insentif Percukaian Khas ini.

Keberkesanan usaha-usaha Kerajaan ini turut diiktiraf di peringkat antarabangsa melalui Laporan 2022 *Milken Country Institute Global Opportunity Index* (GIO), di mana Malaysia mendahului sebagai negara

NO SOALAN: 25

paling menarik di rantau ini untuk pelaburan asing berbanding dengan negara-negara Asia Tenggara yang lain.

Secara kesimpulannya, Kerajaan akan terus berusaha bagi menarik pelaburan langsung asing yang berkualiti tinggi ke Malaysia termasuk ke Kelantan dalam usaha untuk mewujudkan peluang pekerjaan, membangunkan tenaga kerja yang mahir dan memupuk pertumbuhan syarikat-syarikat asing dan tempatan. Usaha ini akan dapat mempercepatkan pemulihan, meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara, memberi manfaat yang signifikan kepada rakyat serta memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pilihan pelabur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap dasar Kerajaan India yang menindas umat Islam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Shah Alam atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Malaysia sentiasa peka dan prihatin terhadap isu-isu yang melibatkan umat Islam tidak kira dimana juga sekalipun. Ini termasuk isu kenyataan menghina Nabi Muhammad s.a.w pada 26 Mei lalu oleh dua ahli parti BJP iaitu jurucakap parti, Nupur Sharma dan ketua media BJP cawangan Delhi, Naveen Kumar Jindal yang hangat diperkatakan oleh pelbagai pihak.

3. Kerajaan Malaysia sedia maklum bahawa isu ancaman terhadap umat Islam di India mendapat liputan meluas masyarakat antarabangsa. Namun, Kerajaan perlu berhati-hati kerana ia melibatkan urusan dalaman negara India dan adalah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak mencampuri urusan dalaman negara-negara lain.

Tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan

4. Kerajaan percaya bahawa pendekatan menerusi dialog dan meningkatkan persefahaman budaya adalah jalan terbaik bagi memastikan pendirian Malaysia terhadap isu-isu melibatkan umat Islam dapat diketengahkan dan disampaikan secara konstruktif tanpa menjelaskan hubungan Malaysia dengan negara-negara lain.
5. Bagi mencapai tujuan tersebut, Kementerian Luar Negeri telah membangkitkan perkara ini dengan memanggil Duta Besar India ke Malaysia pada 7 Jun 2022. Suruhanjaya Tinggi India di Kuala Lumpur telah memberikan kenyataan balas pada 8 Jun 2022 dengan menyatakan bahawa kedua-dua individu berkenaan telah dipecat serta-merta daripada jawatan mereka, manakala kenyataan yang diutarakan oleh kedua-dua individu berkenaan tidak menggambarkan pendirian Kerajaan India.
6. Pada masa yang sama, YB Menteri Luar Negeri juga telah menyampaikan pendirian Malaysia semasa pertemuan dua hala bersama Menteri Hal Ehwal Luar India di New Delhi selepas menghadiri Mesyuarat Khas Menteri-menteri Luar ASEAN pada 16-17 Jun 2022 yang lalu.
7. Selain daripada itu, Tan Sri Dato' Sri Vigneswaran, Utusan Khas YAB Perdana Menteri ke India dan Asia Selatan juga turut dipertanggungjawabkan untuk memainkan peranan penting dalam usaha mengeratkan hubungan sesama rakyat serta hubungan baik antara kedua-dua negara.
8. Malaysia telah menekankan bahawa semua pihak tanpa mengira latar belakang agama memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan negara. Oleh yang demikian, adalah penting untuk kita meraikan kepelbagaiannya budaya. Sebaliknya, penindasan ke atas sesuatu kaum hanya akan mencetuskan keganasan dan menimbulkan ketidaktereman awam.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL
RAHMAN [KUALA KRAI]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN :

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) selaku pihak berkuasa melantik utama negara ini untuk memastikan calon-calon yang dilantik ke perkhidmatan awam bebas daripada masalah integriti dan salah laku jenayah.

JAWAPAN

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

- Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam memastikan calon-calon yang dilantik ke perkhidmatan awam bebas daripada masalah integriti dan salah laku jenayah, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah melaksanakan tapisan integriti di mana tawaran pelantikan kepada calon adalah tertakluk kepada melepasi tapisan integriti melalui sistem eTapis. Semakan ini melibatkan kerjasama pintar dengan pelbagai agensi Kerajaan seperti berikut:

NO. SOALAN: 27

- (a) Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Malaysia (CGSO) untuk semakan rekod jenayah;
 - (b) Jabatan Insolvensi Malaysia untuk semakan data kebangkrapan;
 - (c) Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) untuk semakan rekod penyalahgunaan dadah;
 - (d) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk semakan rekod jenayah rasuah;
 - (e) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk semakan rekod perkhidmatan termasuk buang kerja atau penamatkan perkhidmatan; dan
 - (f) Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk semakan status kewarganegaraan.
2. Sekiranya calon didapati gagal dalam tapisan ini, SPA akan mengambil tindakan seperti berikut:
- (a) membatalkan tawaran pelantikan calon sekiranya calon belum melapor diri bertugas; atau
 - (b) menamatkan perkhidmatan calon sekiranya calon telah melapor diri bertugas.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI (BUKIT BENDERA)

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Minta MENTERI KANAN PERTAHANAN menyatakan bilangan anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia mengikut pecahan kaum, pangkat dan perkhidmatan terkini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, keseluruhan anggota perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah terdiri daripada 10.45% pegawai dan 89.55% anggota lain-lain pangkat (LLP) yang sedang berkhidmat di seluruh negara. Bagi pecahan mengikut perkhidmatan daripada keseluruhan kekuatan ATM, Tentera Darat Malaysia (TDM) sebanyak 73.73%, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sebanyak 13.52% dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sebanyak 12.75%. Manakala keanggotaan terkini mengikut pecahan kaum pula adalah 86.26% terdiri daripada kaum Melayu, 6.92% kaum Bumiputera Sarawak, 4.86% kaum Bumiputera Sabah, 1.37% kaum India, 0.37% kaum Cina, 0.13% Orang Asal dan selebihnya 0.08% adalah kaum-kaum lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) sebab-sebab kelulusan diberikan untuk Petaling Jaya Traffic Dispersal Elevated Highway (PJD Link), Bangi-Putrajaya Expressway (BPE) dan Kuala Lumpur Northern Dispersal Expressway (KL NODE); dan
- (b) langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan pengangkutan awam alternatif seperti MRT/ LRT.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah memberikan kelulusan prinsip bagi projek Putrajaya-Bangi Expressway (PBE) pada 30 Mei 2017, Petaling Jaya Traffic Dispersal

Elevated Highway (PJD Link) pada 4 Ogos 2017 dan Kuala Lumpur Northern Dispersal Expressway (KL NODE) pada 17 September 2021.

2. Cadangan pembinaan ketiga-tiga lebuh raya tersebut adalah selaras dengan perancangan yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya (HNDP) 2030 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR).

3. Dalam Bab 12, RMK-12 - Memperkuuh Kecekapan Infrastuktur Pengangkutan dan Logistik, antara perkara yang dinyatakan adalah berkenaan HNDP 2030 yang mana merupakan sebuah pelan induk yang komprehensif dan sistematik bagi menaik taraf dan membina jalan baharu. Pelan ini akan dijadikan sebagai rujukan bagi perancangan pembangunan di peringkat persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan.

4. Ketiga-tiga projek ini masih perlu dibentangkan di peringkat Majlis Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES). Walaupun perjanjian konsesi bagi PJD Link telah ditandatangani pada 5 April 2022, ianya masih tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat duluan dalam perjanjian konsesi dan syarat-syarat yang akan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor berdasarkan Carta Alir Proses Perancangan Pembangunan Lebuh Raya Dan Infrastruktur Utama di Negeri Selangor.

5. Penetapan syarat-syarat duluan dalam perjanjian konsesi yang mana antara lain, PJD Link (M) Sdn. Bhd. perlu mengemukakan Laporan Penilaian Impak Sosial (*Social Impact Assessment - SIA*), Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment - EIA*) dan Laporan Penilaian Impak Trafik (*Traffic Impact Assesment - TIA*). Sekiranya syarikat PJD Link (M) Sdn. Bhd. gagal untuk mematuhi syarat-syarat duluan maka perjanjian konsesi tersebut akan terbatal dan menjadi tidak sah (*null & void*).

Tuan Yang Di-Pertua,

6. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan pengangkutan awam

alternatif seperti MRT/LRT di mana dalam masa beberapa tahun lagi, rangkaian rel di Lembah Klang / Kuala Lumpur akan diluaskan. Projek MRT Laluan Putrajaya (MRT2) dijangka siap sepenuhnya menjelang Januari 2023, manakala projek LRT3 sejauh 37.6 km pula dijangka siap sepenuhnya menjelang Februari 2024.

7. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga telah meluluskan pelaksanaan Projek MRT3 yang merupakan sebuah laluan lingkaran meliputi perimeter luar bandaraya Kuala Lumpur dan sebahagian kawasan berpenduduk padat di kawasan Ampang Jaya, Selangor. MRT 3 dirancang dengan laluan sepanjang 51km di mana 39 kilometer terletak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 12 kilometer terletak di Selangor. Laluan lingkaran ini akan merentasi rangkaian rel sedia ada, termasuk laluan MRT1, MRT2, LRT, Monorel dan KTM Komuter untuk membentuk 10 buah stesen pertukaran (interchange station) baharu supaya sistem rangkaian pengangkutan awam di Lembah Klang ini lebih menyeluruh, berkesinambungan dan efisien. Proses tender bagi projek ini akan dimulakan pada tahun ini dan projek dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2030.

8. Selain itu, Kerajaan juga telah meneruskan Pas Perjalanan Tanpa Had My50 bagi perkhidmatan rel dan bas kendalian RapidKL bagi Lembah Klang. Kerajaan telah menyediakan peruntukan sejumlah RM115 juta, untuk menampung subsidi bagi setiap pembelian pas berkenaan. Bagi setiap pembelian pas My50 berjumlah RM50, Kerajaan menampung subsidi sebanyak RM150.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perkembangan “ASEAN 5 Point Consensus” terhadap Kerajaan Junta Myanmar. Apakah tindakan Malaysia seterusnya memandangkan masalah pembunuhan, pelarian, dan penindasan yang terus berlaku walaupun ASEAN telah melakukan segala tindakan diplomatik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bayan Baru atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Utusan Khas Pengerusi ASEAN mengenai Myanmar iaitu TYT Prak Sokhonn, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Luar Negeri dan Kerjasama Antarabangsa Kemboja telah mengadakan dua lawatan ke Myanmar pada 21- 22 Mac 2022 dan 29 Jun - 3 Julai 2022 bagi menggerakkan pelaksanaan Kemuafakatan Lima Perkara atau, dengan izin, *Five-Point Consesus* (5PC).
3. Semasa lawatan pertama, Utusan Khas telah bertemu dengan beberapa orang pegawai peringkat tertinggi dengan izin, *State Administration Council* (SAC), Jeneral Kanan Min Aung Hlaing (SGMAH) serta menteri-menteri lantikan tentera Myanmar termasuklah Menteri Luar Negeri, Menteri Kerjasama Antarabangsa dan juga Pengerusi Pasukan Petugas Bantuan Kemanusiaan ASEAN. Malangnya, Utusan Khas tidak berpeluang bertemu dengan personaliti-personaliti utama pihak pembangkang seperti Aung San Suu Kyi dan Win Myint yang pada ketika itu dikenakan tahanan rumah.
4. Semasa lawatan kedua, Utusan Khas telah berjumpa dengan wakil-wakil dari tujuh Pertubuhan Bersenjata Etnik (*Etnic Armed Organisations-EAO*) yang telah menandatangani Perjanjian Gencatan Senjata Kebangsaan (*National Ceasefire Agreement-NCA*) serta wakil-wakil dari tujuh parti politik di Myanmar. Walau bagaimanapun, Utusan Khas masih gagal untuk bertemu dengan personaliti penting dari pihak pembangkang yang terdiri dari *National Unity Government* (NUG) dan juga *National Unity Consultative Council* (NUCC) iaitu Aung San Suu Kyi, yang merupakan kunci utama ke arah rundingan damai yang berkesan dan berkekalan.

SOALAN NO: 30

5. Semasa kedua-dua lawatan, Utusan Khas menekankan tiga perkara, iaitu, perlunya pemberhentian keganasan, rundingan damai melibatkan semua pihak berkepentingan, dan penubuhan koridor kemanusiaan yang selamat dan berkesan dan bantuan kemanusiaan untuk semua rakyat Myanmar tanpa diskriminasi.
6. Dari segi bantuan kemanusiaan, satu Mesyuarat Rundingan Berhubung Bantuan Kemanusiaan yang dipengerusikan bersama oleh Utusan Khas dan Dato' Lim Jock Hoi, Setiausaha Agung ASEAN merangkap Penyelaras Bantuan Kemanusiaan ASEAN telah diadakan di Phnom Penh pada 6 Mei 2022 secara hibrid.
7. Mesyuarat Rundingan tersebut turut melibatkan wakil dari SAC, wakil-wakil dari Negara-negara Anggota ASEAN, Agensi-agensi khusus PBB, rakan-rakan luar ASEAN terpilih dan organisasi antarabangsa yang beroperasi di Myanmar. Tiga perkara utama yang dibincangkan adalah:
 - (i) Rangka Kerja Penyampaian Bantuan Kemanusiaan ASEAN;
 - (ii) Menangani Cabaran Operasi Penyampaian Bantuan Manusia; dan
 - (iii) Rangka Kerja Pemberian Vaksin COVID-19 di Myanmar.
8. Secara dasarnya, Malaysia menghargai usaha-usaha Utusan Khas dan ASEAN dalam mengutamakan isu penyampaian bantuan kemanusiaan ke Myanmar. Justeru itu, saya telah mengulangi pendirian Malaysia kepada Utusan Khas bahawa bantuan kemanusiaan kepada Myanmar harus disalurkan tanpa diskriminasi. Saya turut mengutarakan kebimbangan pelbagai pihak bahawa penglibatan SAC dalam usaha-usaha penyampaian bantuan kemanusiaan dikhuatiri akan disalahgunakan dan sebaliknya menyekat bantuan kemanusiaan di kawasan-kawasan yang bukan di bawah kawalan tentera.
9. Saya turut menegaskan bahawa sikap adil dan saksama ASEAN dalam penyaluran bantuan kemanusiaan adalah penting bagi kredibiliti ASEAN dan seterusnya akan membantu meraih sokongan rakyat Myanmar yang boleh menyumbang secara positif kepada pelaksanaan 5PC. Bantuan kemanusiaan ASEAN ke Myanmar juga harus melibatkan

penyertaaan rakan-rakan antarabangsa seperti Utusan Khas Setiausaha Agung PBB mengenai Myanmar, Pejabat Penyelarasan Hal Ehwal Kemanusiaan PBB (OCHA), agensi-agensi PBB, Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC) dan juga badan-badan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Setelah hampir 17 bulan selepas Kemuafakatan Lima Perkara dipersetujui, Malaysia amat kecewa dengan sikap tentera Myanmar yang tidak menunjukkan sebarang keikhlasan untuk mencari penyelesaian mahupun kedamaian terhadap kemelut dan pergolakan yang melanda Myanmar. Mereka seolah-olah tidak menghiraukan kesengsaraan rakyat Myanmar dan terus bertindak menggunakan kekerasan terhadap mereka yang dilihat sebagai menentang pentadbiran SAC.

11. Dalam hal ini, Malaysia akan terus memberi tekanan terhadap pihak tentera Myanmar agar segera melaksanakan sepenuhnya perkara-perkara yang telah dipersetujui dibawah 5PC oleh para Pemimpin ASEAN pada tahun 2021, yang turut dipersetujui oleh Jeneral Kanan Min Aung Hlaing. Antara langkah-langkah terkini diambil oleh Malaysia termasuk menggesa agar Menteri Luar Negeri lantikan tentera Myanmar tidak dijemput ke mesyuarat-mesyuarat peringkat Menteri ASEAN sehingga terdapat perkembangan nyata dan bermakna dalam pelaksanaan Kemuafakatan Lima Perkara.

12. Sebagai negara jiran, Malaysia akan meneruskan usaha bersama Negara-negara Anggota ASEAN yang lain ke arah pelaksanaan 5PC yang bermakna, penuh dan segera terutama berkaitan pemberhentian keganasan, dialog politik yang terangkum dan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Myanmar tanpa diskriminasi, demi manfaat rakyat Myanmar dan keamanan dan kestabilan serantau.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia mengkaji semula Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) berikutan kadar inflasi dan harga makanan yang meningkat. Adakah Kerajaan bersedia menyalurkan bantuan perlindungan sosial RM250 sebulan kepada keluarga B40.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan mengemaskini Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), 2021-2025. Pengemaskinian ini adalah perlu bagi memastikan pengukuran kemiskinan bagi pembasmian kemiskinan memenuhi keperluan semasa.
2. Pada masa ini, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) sedang melaksanakan sesi libat urus berkaitan pengemaskinian PGK 2022 melalui Jawatankuasa Pemandu Dasar Menangani Kemiskinan dan Jawatankuasa Teknikal Pengukuran Kemiskinan. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pelbagai kementerian dan agensi, ahli akademik, badan pemikir serta pertubuhan masyarakat sivil termasuk Bank Dunia dan United Nations Development Programme (UNDP).
3. PGK dikira berdasarkan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Perkhidmatan Asas yang dilaksanakan dua kali setiap lima tahun oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Pada masa ini, PGK yang digunakan adalah berdasarkan HIES & BA pada tahun 2019. (PGK RM2,208 peringkat nasional).
4. DOSM sedang melaksanakan HIES & BA bagi tahun 2022. Survei ini akan mengukur pendapatan dan corak perbelanjaan isi rumah dengan mengambil kira kesan pandemik COVID-19, kadar inflasi dan kenaikan kos sara hidup. Data survei ini dijangka akan siap pada akhir tahun ini dan PGK baharu akan dimuktamadkan pertengahan tahun 2023.

5. Melalui RMKe-12, program kebajikan sosial sedia ada bagi isi rumah miskin tegar dan miskin akan ditambah baik. Bantuan seperti pindahan tunai dan sokongan penjagaan kesihatan akan terus disedia berdasarkan keperluan.
6. Pada masa ini, bagi bantuan tunai kepada kumpulan sasar yang lebih besar, Kerajaan telah menyediakan Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) kepada isi rumah berpendapatan RM5,000 dan ke bawah iaitu meliputi keluarga B40 dan sebahagian keluarga M40 yang mudah terjejas. Bantuan ini dibayar secara berfasa dengan kadar maksimum sehingga RM2,500 bagi isi rumah dan RM350 bagi isi rumah bujang.
7. Di samping itu, Kerajaan juga telah memperuntukkan RM2.4 bilion pada tahun 2022 untuk bantuan-bantuan kepada kumpulan sasar Jabatan Kebajikan Masyarakat. Selain bantuan ini, Kerajaan juga sedang melaksanakan Program Rintis Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMKTM) dalam keluarga miskin tegar dalam kalangan B40. BMKTM ini disasarkan memberi peluang ekonomi kepada golongan miskin tegar produktif untuk meningkatkan pendapatan dan seterusnya kualiti hidup mereka.
8. Kerajaan menyambut baik semua cadangan yang dapat membantu mengurangkan beban kos sara hidup kepada Keluarga Malaysia Namun, pemberian bantuan Kerajaan perlu mengambil kira tahap kemampuan dan kedudukan fiskal Kerajaan. Secara umumnya, cadangan pemberian RM250 sebulan kepada keluarga B40 akan memberi implikasi kewangan sebanyak RM750 juta sebulan atau RM9 bilion setahun bagi kira-kira 3 juta isi rumah B40.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN RAMKARPAL SINGH A/L
KARPAL SINGH
[BUKIT GELUGOR]
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah secara spesifiknya pindaan-pindaan akan dibentangkan untuk penghapusan hukuman mati mandatori dan sama ada Kerajaan akan menggubal satu garis panduan untuk dijadikan panduan kepada hakim-hakim dalam mempertimbangkan untuk menjatuhkan hukuman mati dalam kes-kes yang tertentu.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana semua Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah bersetuju secara dasarnya untuk memansuhkan hukuman mati mandatori dan digantikan dengan hukuman tertakluk budi bicara Mahkamah. Perkara ini diputuskan setelah mempertimbangkan laporan kajian

Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori pada 8 Jun 2022.

Selaras dengan keputusan tersebut, beberapa langkah segera telah dilaksanakan untuk memastikan keberkesanan dasar baharu berkaitan pemansuhan hukuman mati mandatori ini. Antara langkah yang sedang dirancang termasuk penubuhan Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Kerja melibatkan Kementerian/Jabatan berkepentingan seperti Jabatan Peguam Negara, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, JPM dan sebagainya.

Jawatankuasa-Jawatankuasa ini akan bertanggungjawab untuk meneliti dan mengkaji cadangan pindaan kepada hukuman berkaitan serta hukuman gantian yang boleh dikenakan serta kebolehlaksanaan penambahbaikan hala tuju sistem keadilan jenayah negara. Bagi maksud ini, Kerajaan bercadang untuk membentangkan pindaan akta-akta yang berkaitan ini semasa sesi Mesyuarat Ketiga Parlimen Ke-14 yang akan bermula pada Oktober 2022.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada meneliti dan mengesyorkan hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori untuk 11 jenis kesalahan masing-masing 9 kesalahan di bawah Kanun Keseksaan dan 2 kesalahan di bawah Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 serta 1 kesalahan di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan 22 kesalahan lain dengan hukuman berdasarkan budi bicara Mahkamah, Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori juga tidak terkecuali untuk turut mengesyorkan hala tuju penambahbaikan sistem keadilan jenayah di Malaysia.

Dalam hal ini, cadangan mewujudkan suatu Garis Panduan Penghukuman (*Sentencing Guidelines*) sebagai panduan kepada hakim-hakim dalam mempertimbangkan penghukuman merupakan antara yang disyorkan Jawatankuasa Khas tersebut. Namun, tidak dinafikan terdapat pandangan-pandangan tertentu yang menyatakan bahawa pewujudan Garis Panduan Penghukuman untuk menyeragamkan hukuman seolah-olah menyekat kuasa budi bicara kehakiman dalam menjatuhkan hukuman.

SOALAN NO : 32

Saya ingin menjelaskan bahawa kuasa kehakiman diperuntukkan di bawah Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa kuasa untuk menjatuhkan hukuman merupakan budi bicara kehakiman (*judicial discretion*) yang diberikan kepada Hakim atau Majistret. Berdasarkan pengalaman beberapa negara Komanwel seperti Britain dan Australia, perwujudan Garis Panduan Penghukuman ini tidak sama sekali menyekat kuasa budi bicara seseorang hakim dalam menjatuhkan hukuman. Seseorang hakim masih boleh menggunakan kuasa budi bicara untuk menjatuhkan hukuman yang sewajarnya. Tambahan pula, Garis Panduan Penghukuman dapat memastikan hukuman yang dikenakan adalah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan dan seterusnya dapat memastikan keadilan ditegakkan sewajarnya. Oleh itu, Kerajaan menerima baik cadangan untuk mewujudkan garis panduan penghukuman (*Sentencing Guideline*), namun kajian lanjut perlu dilaksanakan berkaitan perkara ini.

Selaras dengan perkara ini, keutamaan Kerajaan adalah untuk menjayakan perubahan sistem keadilan jenayah di Malaysia dengan sebaik mungkin. Oleh yang demikian, Kerajaan akan merangka pelan pelaksanaan jangka masa pendek, jangka masa sederhana dan jangka masa panjang yang merangkumi cadangan tindakan-tindakan susulan dan garis masa untuk perkara ini. Pelan pelaksanaan ini juga akan turut mengambil kira pandangan dan input lain-lain Kementerian/Jabatan berkepentingan sebelum dimuktamadkan untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN NO. 33

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kadar eksport kereta Proton dan Perodua ke luar negara secara terperinci mengikut pecahan bilangan, hasil pendapatan, negara yang mengimport dan jenis kereta untuk tahun 2015, 2016, 2017, 2018, 2019, 2020, 2021 dan 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan data daripada syarikat pengeluar kenderaan jenama PROTON dan PERODUA, bagi tempoh 2015 sehingga Jun 2022, PROTON telah berjaya mengeksport sebanyak 10,898 unit kenderaan ke pasaran luar negara dengan nilai eksport sebanyak RM447.5 juta ke negara ASEAN seperti Brunei Darussalam, Indonesia, Myanmar dan Thailand; Afrika Selatan; Australia; Bangladesh; Bermuda; Chile; Emiriyah Arab Bersatu; Fiji; Iraq; Jordan; Kenya; Lebanon; Mauritius; Mesir; Nepal; Oman; Pakistan; Papua New Guinea; Qatar; United Kingdom dan Zimbabwe melalui model kenderaan Exora; Iriz; Persona; Saga; X50 dan X70.

PERODUA pula berjaya mengeksport sebanyak 20,105 unit kenderaan bagi tempoh 2015 hingga Jun 2022 dengan nilai eksport sebanyak RM545 juta ke negara-negara ASEAN seperti Brunei Darussalam, Indonesia dan Singapura; serta Fiji; Mauritius; Seychelles dan Sri Lanka melalui model Alza; Aruz; Axia; Bezza dan Myvi. Rumusan bilangan kenderaan eksport bagi syarikat PROTON dan PERODUA untuk tempoh tahun 2015 sehingga 30 Jun 2022 adalah seperti berikut:

Pengeluar Kenderaan	Bilangan Kenderaan Eksport ikut tahun									Jumlah
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022*		
PROTON	665	342	248	1,388	1,007	1,508	3,018	2,722	10,898	
PERODUA	4,425	4,636	3,771	2,214	2,833	722	1,150	354	20,105	
Jumlah	5,090	4,978	4,019	3,602	3,840	2,230	4,168	3,076	31,003	

*sehingga 30 Jun 2022

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL
LEIKING [PENAMPANG]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan siapa yang bertanggungjawab untuk melaksanakan peruntukan Ahli Parlimen Daerah Penampang (Seorang Ahli Pembangkang yang tidak menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Kerajaan dan tidak berhak mendapat Peruntukan Parlimen) dan berapa jumlah yang telah dibelanjakan daripada Peruntukan Parlimen Penampang sehingga ke Jun 2022.

JAWAPAN

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN HAJI AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk Kawasan Parlimen hanyalah sebagai penambah dan pelengkap kepada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Penyediaan dan penyaluran peruntukan ini adalah mengikut dasar dan kemampuan semasa kewangan Kerajaan.

2. Bagi kawasan Parlimen Penampang sejumlah RM100,000 telah disediakan pada tahun 2022. Sehingga 12 Julai 2022 sejumlah RM36,500 telah dibelanjakan berdasarkan permohonan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO POAY TIONG
[KOTA MELAKA]
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- (a) mengapakah SPRM tidak menyiasat penama-penama yang dikaitkan menerima wang daripada syarikat Ultra Kirana Sdn. Bhd. (iaitu YB Pagoh, YB Rembau, YB Kepala Batas, YB Sembrong, YB Semporna dan Datuk Seri Anifah Aman) walaupun SPRM telah mempunyai akses terhadap bukti tersebut sebelum ini; dan
- (b) apakah status terkini siasatan terhadap penama-penama tersebut.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menerima beberapa aduan terhadap individu-individu terlibat yang tersenarai dalam satu lejar seperti dikemukakan di mahkamah baru-baru ini.

SPRM akan memanggil semua nama yang disebutkan di dalam ledger berkenaan. Siasatan akan menentukan sama ada pemberian atau penerimaan wang adalah berunsur rasuah ataupun tidak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta Menteri Perusahaan Perladangan Dan Komoditi menyatakan jumlah buku "Mari Kenali Sawit" yang telah dicetak dan jumlah kos pencetakan. Nyatakan cara pengedaran buku ini dan kos pengedaran terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Sebagai salah satu komoditi utama negara, adalah dirasakan wajar untuk para pelajar hari ini mengetahui sedikit sebanyak tentang aspek kebaikan minyak sawit untuk kesihatan, sumbangannya kepada ekonomi negara dan juga peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di dalam industri ini. Justeru, kami telah mengambil langkah-langkah untuk mengenalkan minyak sawit Malaysia kepada generasi muda negara ini.
2. Sehubungan itu, KPPK telah menerbit dan melancarkan buku "Mari Kenali Sawit" pada 5 Januari 2022 untuk mengetengahkan kebaikan sawit kepada para pelajar, melalui edaran ke sekolah- sekolah di seluruh negara secara percuma.
3. Buku "Mari Kenali Sawit" ini diterbitkan untuk mewujud dan meningkatkan kesedaran orang ramai khususnya pelajar sekolah mengenai kepentingan dan sumbangan besar industri minyak sawit dalam pertumbuhan sosioekonomi negara. Selain mengandungi maklumat yang sahih dan terkini, informasi mengenai sawit dipaparkan melalui plot berbentuk penceritaan yang mudah difahami.
4. Bagi menyahut aspirasi kerajaan untuk memperkasakan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, buku ini diterbitkan dalam bentuk dwibahasa di mana ia bertujuan untuk membangunkan kemahiran literasi para pelajar di dalam dua bahasa tersebut. Buku ini diharap dapat memberi manfaat serta menambahkan ilmu pengetahuan pelajar-pelajar mengenai industri sawit di Malaysia.
5. Melalui buku rujukan ini, para pelajar dapat mempelajari tentang:
 - a. Khasiat dan kebaikan minyak sawit
 - b. Kegunaan minyak sawit
 - c. Peranan sawit di dalam penjagaan alam sekitar

SOALAN NO : 37

6. Sejumlah 210,060 buah buku versi sekolah rendah dan 61,475 buah buku versi sekolah menengah Mari Kenali Sawit telah dicetak dan diedarkan ke 144 Pejabat Pendidikan Daerah di semua negeri, seluruh Malaysia.

Tuan Yang Di-Pertua,

Perincian adalah seperti berikut:

Perkara	Kuantiti	Harga/Unit (RM)	Jumlah (RM)
Buku Sekolah Rendah	$7,780 \text{ sekolah} \times 27 \text{ buku/sekolah} = 210,060$	13.30	2,793,798.00
Buku Sekolah Menengah	$2,499 \text{ sekolah} \times 25 \text{ buku/sekolah} = 62,475$	19.30	1,205,767.50
(Harga adalah termasuk kos penghantaran ke Pejabat Pendidikan Daerah di semua negeri, seluruh Malaysia)		Jumlah	3,999,565.50

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR]

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan nisbah gaji antara Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dengan pekerja am dalam GLCs yang dimiliki oleh Kerajaan. Dilaporkan terdapat usaha Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) meningkatkan elaun tahunan pengurusnya daripada RM300,000 kepada RM480,000. Namun, gaji permulaan bagi penyelia yang berjawatan gred G19 di FELDA cuma RM1,357. Apakah langkah Kerajaan untuk meningkatkan kadar gaji pekerja am dan mengurangkan jurang kadar nisbah pendapatan yang begitu besar.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), penetapan gaji dan elaun di dalam syarikat-syarikat yang dimiliki secara majoriti (lebih 50%) oleh Kerajaan adalah berdasarkan beberapa kriteria utama seperti saiz syarikat, jenis perniagaan, status syarikat (tersenarai atau tidak tersenarai), kompleksiti tugas dan tanggungjawab serta lain-lain kriteria lagi.
2. Selain itu, Kerajaan turut mengambil kira faktor kajian pasaran bagi memastikan gaji dan elaun yang ditetapkan berpadanan atau *mark-to-market*. Perkara ini penting bagi memastikan syarikat-syarikat berkenaan dapat mengekalkan bakat dan kemahiran kakitangan (*right talent and skill set*) selain dapat menarik bakat yang terbaik daripada pasaran untuk menyertai syarikat. Perkara ini penting bagi memastikan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan kekal berdaya saing terutamanya dalam mengharungi keadaan ekonomi ketika ini.
3. Laporan mengenai Isu yang dilaporkan terdapat usaha Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) meningkatkan elaun tahunan pengurusnya daripada RM300,000 kepada RM480,000 adalah tidak benar.
4. FELDA merupakan agensi kerajaan yang ditubuhkan melalui Akta 474 yang menyatakan bahawa petugas FELDA merupakan penjawat awam. Gred pelantikan dan penggajian petugas FELDA adalah berdasarkan Sistem Saran Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
(CAMERON HIGHLANDS)**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' RAMLI BIN DATO' MOHD NOR [CAMERON HIGHLANDS] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan perkembangan terkini tentang projek naik taraf jalan raya di Pos Terisu untuk fasa kedua dan adakah ianya akan dapat disiapkan dalam tempoh yang dicadangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan Kementerian Kerja Raya (KKR) mendapati bahawa Projek Menaiktaraf Jalan dan Jambatan di Kampung Terisu, Cameron Highlands (Fasa I) sebelum ini telah siap melibatkan skop pembinaan dua (2) buah jambatan dan naiktaraf jalan sepanjang 1.4km.

Manakala bagi perancangan fasa seterusnya, KKR telah dimaklumkan bahawa **Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Pahang** telah mengangkat permohonan Projek Menaiktaraf Jalan Kampung Terisu Untuk Masyarakat Orang Asli Di Sekitar Daerah Cameron Highlands, Pahang kepada pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) pada Januari dan Februari 2022 di bawah Rolling Plan Ketiga, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP3, RMKe12). Walau bagaimanapun pelaksanaan projek ini adalah berdasarkan kepada kelulusan oleh pihak Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) kelak.

Oleh yang demikian, **sebarang pembangunan atau penyenggaraan infrastruktur** yang melibatkan jalan kampung dan kawasan luar bandar **adalah di luar bidang kuasa Kementerian Kerja Raya**, dan ia **adalah di bawah bidang kuasa dan kelulusan bersama Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan Kerajaan Negeri tersebut.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
(DUNGUN)**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan keberkesanan usaha Majlis Industri Pertahanan Negara dalam memasarkan produk keluaran syarikat tempatan di peringkat negara dan antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Majlis Industri Pertahanan Malaysia (MIPM) telah ditubuhkan pada tahun 1999 dan kemudiannya dinaiktaraf dengan skop yang lebih luas sebagai Majlis Industri Pertahanan, Penguatkuasaan dan Keselamatan Malaysia (MIDES) pada April 2010.

Sepanjang penubuhan MIDES, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi manfaat pemain industri tempatan di peringkat antarabangsa. Malaysia turut dikenali sebagai hub serantau dalam bidang *Maintenance, Repair and Overhaul* (MRO) untuk sektor angkasa dan maritim. Syarikat-syarikat peneraju utama dalam bidang MRO ini telah menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih 10,000 orang dalam pelbagai sub perkhidmatan dan menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara.

Bagi memastikan industri pertahanan terus berdaya saing, MIDES turut memastikan industri pertahanan tempatan menerima manfaat dalam Program Kolaborasi Industri (ICP) seperti *transfer of technology* (TOT) dan *work packaging* yang dilaksanakan supaya kemahiran dan teknologi luar turut dimiliki oleh syarikat tempatan.

Selain itu, bagi membuktikan komitmen berterusan dalam memperkasakan industri pertahanan tempatan, Kementerian Pertahanan pada masa ini sedang membangunkan Dasar Industri Pertahanan Negara (DIPN) bagi merencanakan halatuju industri pertahanan yang lebih holistik dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai hub industri pertahanan yang berdaya saing bagi menyokong prinsip pertahanan berdikari Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK CHRISTINA LIEW (TAWAU)

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK CHRISTINA LIEW [TAWAU] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan bilakah cadangan Jalan Kalabakan-Serudong (Sabah) yang akan menghubungkan dengan jalan ke Simanggaris di Kalimantan, Indonesia, akan dibina untuk meningkatkan ekonomi sempadan Malaysia selaras dengan pemindahan ibu negara Indonesia ke Kalimantan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian ini mengambil maklum akan keperluan cadangan Jalan Kalabakan-Serudong (Sabah) yang akan menghubungkan dengan jalan ke Simanggaris di Kalimantan, Indonesia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek ini yang merupakan projek berkeutamaan tinggi bagi Sabah telah dibentangkan dalam Mesyuarat Penyelaras Perancangan Projek Pembangunan Sempadan Malaysia dan Indonesia (Sabah – Sarawak – Kalimantan) yang dipengerusikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) pada 7 Jun 2022.

Selari dengan mesyuarat tersebut, Kementerian ini telah mengangkat cadangan untuk Kerja Awalan dan Rekabentuk bagi Projek Pembinaan Jalan Dari Kalabakan ke Sempadan Malaysia–Indonesia (Simanggaris) pada *Rolling Plan 3*, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP3, RMKe-12) untuk pertimbangan Agensi Pusat. Kelulusan bagi cadangan projek ini tertakluk kepada pertimbangan Agensi Pusat berdasarkan keutamaan dan kedudukan kewangan Kerajaan.

Kerja Awalan dan Rekabentuk bagi projek ini perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum projek ini dilaksanakan bagi mengenal pasti jajaran yang terbaik berdasarkan skop dan kos yang optimum yang menguntungkan Kerajaan dan rakyat di samping memastikan kesan terhadap sosial dan alam sekitar dapat diminimumkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek ini juga termasuk di dalam jajaran *Asian Highway Network* dengan nombor laluan AH150 yang merupakan laluan utama menghubungkan negara-negara ASEAN di kepulauan Borneo iaitu Malaysia (Sabah & Sarawak), Brunei dan Indonesia (Kalimantan).

Selain mewujudkan jaringan perhubungan jalan raya yang selamat dan selesa ke Kalimantan, Indonesia melalui Sabah, projek ini apabila siap kelak berpotensi untuk membawa limpahan pembangunan bagi Sabah melalui peningkatan aktiviti ekonomi dan perdagangan di sepanjang jajaran jalan termasuk pembukaan kawasan pembangunan dan penempatan baharu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR
BIN HAJI NASARAH
[LENGGONG]
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH
[LENGGONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah penemuan terbaru dan perkembangan terkini berkaitan isu Pulau Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan yang dibuat oleh pasukan petugas khas dan sejauh manakah bukti sebelum ini yang ditemui National Archives of the United Kingdom boleh digunakan semula dalam tuntutan tersebut.

JAWAPAN

YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada 22 Disember 2021 telah bersetuju untuk Pasukan Petugas Khas (PPK) Semakan Undang-Undang Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan ditubuhkan dan diketuai oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Mohamed Apandi bin Haji Ali, mantan Peguam Negara bagi menyemak semula undang-undang berkenaan kes kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan dan mengesyorkan opsyen-opsyen terbaik mengenai hala tuju kes ini kepada Kerajaan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh penubuhan PPK. Seterusnya, Kerajaan pada 18 Mei 2022 juga telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh PPK mulai 10 Mei 2022 hingga 30 Ogos 2022 bagi memastikan pasukan ini diberikan tempoh mencukupi untuk melengkapkan tugas yang diamanahkan.

Sehingga kini, pelbagai sesi perbincangan dan mesyuarat telah diadakan sepanjang lebih 7 bulan PPK melaksanakan tugas sama ada di peringkat PPK dan juga di peringkat Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil. Pendekatan ini membolehkan PPK memfokus kepada skop tugas berdasarkan terma rujukan PPK yang telah ditetapkan Kerajaan. Beberapa lawatan dalam negeri dan luar negara turut diadakan bagi sebagai sebahagian daripada keperluan memaklumkan laporan interim selain mendapatkan pandangan pakar perundangan berkaitan kes ini. Pakar-pakar yang telah ditemui adalah:

- i. Pakar-pakar Perundangan Antarabangsa;
- ii. Pakar-pakar Persempadanan; dan
- iii. Pakar Maritim dan Undang-Undang Antarabangsa.

SOALAN NO : 42

Pada ketika ini, PPK sedang dalam proses menyiapkan draf laporan akhir dengan mengambil kira input pelbagai pihak berkepentingan serta pandangan pakar-pakar perundangan agar draf laporan akhir ini akan mengandungi opsyen-opsyen yang terbaik untuk dibentangkan kepada Kerajaan. Draf laporan akhir ini dijangka akan dibentangkan kepada Kerajaan pada penghujung Ogos 2022 untuk pertimbangan dan persetujuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Ingin saya jelaskan bahawa 3 bukti yang telah ditemui di *National Archives of The United Kingdom* pada 4 Ogos 2016 pada asalnya boleh dijadikan asas kukuh untuk membuktikan kedaulatan Malaysia ke atas Batu Puteh semasa Permohonan Semakan dan Tafsiran terhadap keputusan kes Batu Puteh pada 30 Jun 2017 selaras dengan Artikel 60 Statut ICJ. Walau bagaimanapun, susulan daripada keputusan Kerajaan pada 2008, bukti-bukti ini boleh digunakan dalam mana-mana tindakan perundangan yang melibat isu Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM]

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] minta MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR menyatakan sama ada perlombongan nadir bumi di Hulu Perak bermula sebelum laporan penilaian kesan alam sekitar (EIA) diluluskan. Apakah proses penguatkuasaan undang-undang Kementerian dalam membendung dan menghukum projek yang tidak mematuhi prosedur EIA.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua.

1. Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (*Environmental Impact Assessment - EIA*) bagi projek perlombongan nadir bumi ini telah diluluskan pada 11 Mei 2022 oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Berdasarkan semakan JAS, aktiviti di kawasan tersebut masih belum bermula kerana tiada proses pengekstrakan nadir bumi dijalankan.
2. Sebarang ketidakpatuhan terhadap syarat-syarat kelulusan laporan EIA akan mendedahkan penggerak projek terhadap tindakan undang-undang di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan boleh dikenakan denda tidak lebih RM500,000.00 (lima ratus ribu ringgit) atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima (5) tahun atau kedua-duanya dan denda tambahan sebanyak RM1,000.00 (satu ribu ringgit) bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI WANG
(KOTA SAMARAHAN)**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan apakah usaha terkini daripada pihak Kementerian dalam menggantikan perumahan anggota tentera yang uzur khususnya di kawasan Kuching dan Kota Samarahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan (MINDEF) komited untuk meningkatkan agenda perumahan anggota tentera yang meliputi pelaksanaan projek pembangunan Rumah Keluarga Malaysia Angkatan Tentera (RKMAT) serta program selenggaraan dan naik taraf RKMAT lama yang uzur di kawasan Kuching dan Kota Samarahan serta tempat-tempat lain di seluruh negara. Untuk perancangan RKMAT baharu, sebanyak 323 unit RKMAT akan dibina di Kota Samarahan iaitu melibatkan 190 unit RKMAT di Kem Muara Tuang dan 133 unit RKMAT di Pangkalan Udara Pusat Sektor Operasi 3 atau *Sector Operation Centre 3 (SOC 3)*.

Sementara itu, bagi selenggara dan naik taraf perumahan yang uzur pula, sebanyak 168 unit RKMAT di Kem Penrissen, Kuching telah dinaik taraf dalam program naik taraf 2 to 1 pada tahun 2021.

MINDEF telah melancarkan Blueprint Perumahan 3.0 (BP 3.0) pada 13 Julai 2022 di mana agenda selenggaraan dan naik taraf perumahan ATM yang uzur akan terus diberi penekanan untuk memastikan semua anggota ATM dapat mendiami rumah yang selesa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah rancangan tebatan banjir untuk jangka masa panjang negara Malaysia khususnya di kawasan yang terdedah kepada bencana dan apakah pampasan yang diberikan kepada mangsa bencana banjir.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. KASA melalui JPS telah merancang pelan jangka panjang dan jangka pendek untuk mendalam, menaik taraf dan membaik pulih sistem pengurusan banjir di semua sungai di seluruh negara melalui pendekatan secara Struktur dan Bukan Struktur. Kaedah-kaedah ini dapat mempertingkat dan memenuhi pelaksanaan pengurusan banjir secara lebih efektif dan efisien dengan pendekatan secara holistik melalui Pengurusan Banjir Secara Bersepadu (Integrated Flood Management, IFM). IFM ini akan mengimbangi kedua-dua kaedah struktur dan bukan struktur secara optimum dalam melindungi dan mengurangkan risiko banjir sesuatu kawasan.
2. Untuk makluman YB, pemilihan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) adalah berdasarkan kepada analisis tahap risiko banjir di kawasan-kawasan tersebut. Sejumlah 95 buah projek RTB sedang dilaksanakan di seluruh negara dengan peruntukan berjumlah RM 9.7 billion bagi RMKe-12.
3. Kerajaan juga tidak memberikan pampasan kepada mangsa bencana banjir. Namun atas dasar keprihatinan, Kerajaan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah melaksanakan pemberian Bantuan Wang Ihsan (BWI) yang bernilai RM 1,000 kepada setiap Ketua Isi Rumah (KIR) yang terkesan dengan banjir.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN
MAT NAWI
[TUMPAT]
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN NO. 46

Dato' Haji Che Abdullah Bin Mat Nawi [Tumpat] minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status ratifikasi Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) oleh negara kita pada waktunya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia telah menandatangani Perjanjian Komprehensif dan Progresif Bagi Perkongsian Trans-Pasifik (*Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* - CPTPP) pada 8 Mac 2018. Sehingga kini, daripada 11 negara anggota, lapan negara iaitu New Zealand, Australia, Singapura, Jepun, Mexico, Kanada, Viet Nam dan Peru telah meratifikasi dan menguatkuasakan Perjanjian CPTPP secara berperingkat sejak 30 Disember 2018. Walau bagaimanapun, Perjanjian CPTPP masih lagi belum diratifikasi dan dikuatkuasakan oleh tiga buah negara iaitu Malaysia, Brunei Darussalam dan Chile.

Sewaktu Malaysia menandatangani Perjanjian CPTPP pada tahun 2018, Kajian Analisis Kos-Faedah (*Cost-Benefit Analysis* – CBA) tidak dilaksanakan bagi Perjanjian ini. Sehubungan itu, MITI telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan Kajian CBA bagi mengkaji secara terperinci impak penyertaan Malaysia di dalam Perjanjian CPTPP kepada Kerajaan, industri dan rakyat; implikasi terhadap Malaysia dengan penyertaan negara-negara baharu seperti United Kingdom dan China; serta kesan kepada langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani pandemik COVID-19 sekiranya Malaysia menguatkuasakan CPTPP.

Baru-baru ini, pada 29 Jun 2022, MITI telah membentangkan hasil dapatan Kajian CBA tersebut kepada Jemaah Menteri, di mana CBA tersebut mendapati bahawa secara keseluruhannya Malaysia bakal memperoleh manfaat ekonomi dan pulangan pelaburan yang signifikan sekiranya segera meratifikasi CPTPP. Jemaah Menteri telah menyambut baik hasil dapatan CBA yang menyaksikan peluang dan faedah ekonomi kepada Malaysia adalah jauh melebihi sebarang kos yang mungkin wujud. Sekiranya Malaysia tidak meratifikasi Perjanjian ini, negara akan ketinggalan berbanding negara-negara serantau yang lain.

Antara intipati utama dapatan CBA adalah bahawa CPTPP merupakan satu komponen penting dalam membantu proses pemulihan ekonomi negara dalam menggiatkan semula pertumbuhan ekonomi terutama sekali dalam mendepani cabaran COVID-19. Ratifikasi dan pelaksanaan CPTPP akan memberikan manfaat ekonomi yang nyata kepada negara termasuk membawa pulangan ekonomi dan pelaburan yang signifikan, antaranya Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang dijangka meningkat sebanyak USD56.5 bilion sepanjang tempoh 2021 hingga 2030, pertambahan pelaburan sebanyak USD112.3 bilion sepanjang tempoh 2021 hingga 2030 dan juga lebihan dagangan dijangka meningkat pada 8.5% daripada KDNK pada tahun 2030.

Sejak tahun 2018, disebabkan kelewatan meratifikasi CPTPP, Malaysia telah kehilangan pelbagai faedah dan manfaat yang sepatutnya boleh dinikmati daripada Perjanjian ini. Oleh itu, Malaysia tidak boleh terus melengahkan ratifikasi CPTPP kerana daya saing negara akan terjejas disebabkan oleh persaingan yang lebih sengit di pasaran negara anggota yang telah menguatkuasakan Perjanjian ini, terutamanya negara-negara serantau. Selain itu, Malaysia kehilangan hak untuk merundingkan akses pasaran ke negara-negara baharu yang memohon untuk menyertai CPTPP, khususnya UK, yang mana proses rundingan kemasukan bagi negara tersebut sedang berjalan dan dijangka muktamad pada tahun ini.

Justeru dan sebagaimana telah dikongsikan di Dewan yang mulia ini pada 15 November 2021, Malaysia bertekad untuk meratifikasi CPTPP pada suku ketiga tahun ini. Garis masa ini juga adalah sejajar dengan kenyataan YAB Perdana Menteri sewaktu di Persidangan Antarabangsa Nikkei di Tokyo, Jepun pada bulan Mei 2022.

Bagi memastikan proses ratifikasi berjalan dengan lancar dan dapat dimuktamadkan pada suku ketiga tahun ini, MITI telah melaksanakan sesi libat urus bersama para pemegang taruh yang meliputi Kementerian dan Agensi, Kerajaan Negeri, Badan Bukan Kerajaan (*Non-Governmental Organisations* atau NGO) dan Pertubuhan Masyarakat Sivil (*Civil Society Organisations* atau CSO) bagi memastikan semua pihak yang berkepentingan memahami hak dan

obligasi Malaysia di bawah Perjanjian CPTPP. Sejak 2019, sejumlah 72 sesi libat urus secara fizikal dan maya telah diadakan oleh MITI.

Di samping itu, MITI juga telah mengadakan sesi libat urus secara bersasar (*targetted stakeholder consultations*) bersama pihak swasta yang melibatkan pelbagai Persatuan Industri dan Perdagangan serta Dewan Perniagaan yang meliputi sektor-sektor seperti automotif; jentera, peralatan dan alat ganti; farmaseutikal; elektrikal dan elektronik; tekstil; mineral; peralatan perubatan; serta besi dan keluli. Berdasarkan maklum balas yang diterima, kesemua Persatuan Industri dan Perdagangan serta Dewan Perniagaan memberikan maklum balas yang sangat positif dan meminta pihak Kerajaan segera meratifikasi Perjanjian CPTPP.

Sesi libat urus ini akan diteruskan bagi memperjelaskan dapatan Kajian CBA CPTPP ini. Pada masa ini, MITI sedang mengadakan beberapa siri sesi khusus bersama komuniti perniagaan, wakil-wakil daripada Suruhanjaya Tinggi dan Kedutaan Besar, serta pihak berkepentingan lain. Di samping itu, pembentangan hasil dapatan Kajian CBA ini akan turut dilaksanakan secara bersasar bagi Kementerian-Kementerian dan Agensi berkaitan. CBA ini telah dimuat naik ke laman sesawang MITI pada 25 Julai 2022 yang lalu bagi rujukan umum. Perkongsian hasil CBA kepada umum membuktikan Kerajaan bersikap telus serta terbuka.

Sehingga kini, Malaysia telah melengkapkan keperluan pindaan terhadap 10 Akta daripada sejumlah 14 Akta yang perlu dipinda bagi meratifikasi CPTPP. Pindaan tersebut bukan sahaja bagi mematuhi komitmen di bawah CPTPP, malah ianya juga dilihat amat penting bagi tujuan pembaharuan struktur (*structural reform*) di peringkat domestik. Selain itu, ianya juga penting dalam memastikan undang-undang negara sentiasa dikemas kini dan selaras dengan perjanjian serta piawaian antarabangsa terkini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, 4 Akta masih dalam proses pindaan.

Oleh yang demikian, Malaysia perlu menilai CPTPP secara objektif dan bertindak segera bagi meratifikasi Perjanjian ini. Sebagai sebuah

NO SOALAN: 46

negara perdagangan dengan pasaran tempatan yang kecil, perdagangan antarabangsa merupakan antara penyumbang terpenting kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi Malaysia. Oleh yang demikian, Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement – FTA*) seperti CPTPP merupakan salah satu mekanisma yang penting sebagai pemangkin kepada usaha pemulihan ekonomi negara pasca COVID-19. Pandemik ini juga telah memberi kesedaran agar negara tidak terlalu bergantung kepada satu pasaran tunggal atau terhad.

Kita sedar bahawa pelaksanaan mana-mana FTA sekalipun akan melibatkan kos dan cabaran tertentu. Begitu juga dengan CPTPP, Perjanjian ini mempunyai kos dan faedahnya yang tersendiri. Tetapi, kita yakin bahawa faedah yang akan diperolehi oleh Malaysia melalui CPTPP ini akan jauh melebihi kos yang mungkin timbul, sepetimana dapatan CBA.

Sekian, terima kasih.

DISEDIAKAN OLEH : MASITA MAT ISA
JAWATAN : PERUNDING
NO. TELEFON : 2447
NO. HP : 013-3337454

DISEMAK OLEH : ARIVIDYA ARIMUTHU
JAWATAN : PENGARAH KANAN
NO. TELEFON : 03-62000441
NO. HP : 017-3262771

DISAHKAN OLEH : ARIVIDYA ARIMUTHU
JAWATAN : PENGARAH KANAN
NO. TELEFON : 03-62000441
NO. HP : 017-3262771

DILULUSKAN OLEH : HAIRIL YAHRI YAACOB
JAWATAN : TKSU (P)
NO. TELEFON : 03-62000050
NO. HP : 019-7711737
TARIKH
KELULUSAN : 19-07-2022, 16:34:36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG TACK [BENTONG]

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah Lynas telah memohon untuk mengekalkan fasiliti '*cracking and leaching*' mereka di Malaysia. Jika ada, apakah status permohonan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) telah menerima permohonan Lynas untuk mengkaji semula syarat lesen tersebut dan ianya masih dalam proses penilaian dan akan diangkat untuk pertimbangan pihak Lembaga selaras dengan peruntukan Seksyen 17 (1) Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304), LPTA.
2. Sebagai kesimpulannya, LPTA sentiasa komited dalam memastikan keselamatan dan kepentingan pekerja, orang awam dan alam sekitar dititikberatkan dalam membuat keputusan berkenaan permohonan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini kajian dan usaha mengemas kini angka ubah yang digunakan dalam pengiraan kemiskinan multidimensi di Malaysia selaras dengan komitmen yang digariskan dalam RMK-12 dan saranan Bank Dunia dalam laporan Malaysian Economic Monitor yang diterbitkan pada Jun 2022.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan akan menambah baik pengukuran kemiskinan dengan memperluas dan memperkemas dimensi dan indikator MPI dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), 2021-2025. Pada masa ini, MPI Malaysia mempunyai empat dimensi iaitu pendidikan, kesihatan, taraf kehidupan dan pendapatan serta 11 indikator berkaitan.
2. Pengukuran kemiskinan pelbagai dimensi akan dikaji semula supaya MPI Malaysia lebih relevan mengambil kira kesan pandemik

COVID-19. Ini bertujuan untuk memastikan keberkesanan inisiatif pembasmian kemiskinan dan usaha Kerajaan meningkatkan taraf hidup Keluarga Malaysia secara umumnya.

3. Usaha penambahbaikan ini juga akan mengambil kira input dan pandangan pakar dalam dan luar negara, pertubuhan masyarakat sivil serta pihak-pihak berkepentingan di lapangan termasuklah ahli Parlimen, pemberi bantuan dan kumpulan sasar sendiri. Usaha ini adalah selaras dengan saranan UNDP dan Oxford Poverty and Human Development Initiative (OPHI), Universiti Oxford yang mempelopori pembangunan MPI.
4. Dalam penambahbaikan MPI, terdapat keperluan untuk keterangkuman digital bagi kemudahan pembelajaran dan pekerjaan akibat kesan pandemik COVID-19. Oleh itu, antara dimensi dan indikator yang akan diperluas adalah ketersediaan jalur lebar dan kemudahan peranti bagi isi rumah. Penambahbaikan MPI ini juga akan mengambil kira dimensi, indikator, nilai ambang dan wajaran yang lebih relevan serta sesuai dengan tahap pembangunan negara.
5. Pada masa ini, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) sedang melaksanakan sesi libat urus berkaitan penambahbaikan MPI Malaysia melalui Jawatankuasa Pemandu Dasar Menangani Kemiskinan dan Jawatankuasa Teknikal Kajian Semula Klasifikasi Pendapatan.
6. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pelbagai kementerian dan agensi, ahli akademik, badan pemikir serta pertubuhan masyarakat sivil termasuk Bank Dunia dan *United Nations Development Programme* (UNDP). Jawatankuasa berkaitan memberi perhatian antaranya ke atas cadangan dasar daripada pelbagai pihak yang mempunyai kepakaran seperti Bank Dunia melalui nota dasar, dengan izin, “*Multidimensional Poverty in Malaysia: Improving Measurement and Policies in the 2020s*” dan Laporan Tinjauan Ekonomi Malaysia (MEM) Jun 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Menteri mengumumkan kelulusan pembinaan tiga lebuh raya baharu di Lembah Klang iaitu PJD Link, Lebuh Raya Bangi- Putrajaya (BPE) dan KL NODE apabila kajian impak alam sekitar, sosial dan trafik belum diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah memberikan kelulusan prinsip bagi projek Putrajaya-Bangi Expressway (PBE) pada 30 Mei 2017, Petaling Jaya Traffic Dispersal Elevated Highway (PJD Link) pada 4 Ogos 2017 dan Kuala Lumpur Northern Dispersal Expressway (KL NODE) pada 17 September 2021.
2. Cadangan pembinaan ketiga-tiga lebuh raya tersebut adalah selaras dengan perancangan yang digariskan dalam Pelan

Pembangunan Rangkaian Jalan Raya (HNDP) 2030 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR).

3. Dalam Bab 12, RMK-12 - Memperkuuh Kecekapan Infrastuktur Pengangkutan dan Logistik, antara perkara yang dinyatakan adalah berkenaan HNDP 2030 yang mana merupakan sebuah pelan induk yang komprehensif dan sistematik bagi menaik taraf dan membina jalan baharu. Pelan ini akan dijadikan sebagai rujukan bagi perancangan pembangunan di peringkat persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan.
4. Ketiga-tiga projek ini masih perlu dibentangkan di peringkat Majlis Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES). Walaupun perjanjian konsesi bagi PJD Link telah ditandatangani pada 5 April 2022, ianya masih tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat duluan dalam perjanjian konsesi dan syarat-syarat yang akan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor berdasarkan Carta Alir Proses Perancangan Pembangunan Lebuh Raya Dan Infrastruktur Utama di Negeri Selangor.
5. Penetapan syarat-syarat duluan dalam perjanjian konsesi yang mana antara lain, PJD Link (M) Sdn. Bhd. perlu mengemukakan Laporan Penilaian Impak Sosial (*Social Impact Assessment - SIA*), Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment - EIA*) dan Laporan Penilaian Impak Trafik (*Traffic Impact Assesment - TIA*). Sekiranya syarikat PJD Link (M) Sdn. Bhd. gagal untuk mematuhi syarat-syarat duluan maka perjanjian konsesi tersebut akan terbatal dan menjadi tidak sah (*null & void*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM (PORT DICKSON)

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PORT DICKSON] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan unjuran jumlah keuntungan oleh Petronas dan unjuran jumlah hasil Kerajaan Persekutuan daripada cukai pendapatan petroleum (PITA) bagi tahun 2022.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan unjuran dalam laporan kewangan PETRONAS pada Mac 2022 dengan andaian PETRONAS bahawa harga minyak mentah *Brent* kekal berada pada paras USD\$100.03 setong dan juga pengeluaran tidak terganggu sepanjang tahun 2022, unjuran jumlah keuntungan oleh PETRONAS (selepas cukai) bagi tahun 2022 adalah sekitar RM75 bilion hingga RM80 bilion.
2. Dalam hal ini, jangkaan sumbangan PETRONAS kepada Kerajaan Persekutuan pula dianggarkan sekitar RM55 bilion hingga RM59 bilion. Jangkaan ini adalah termasuk sumbangan dalam bentuk dividen, cukai korporat dan petroleum, cukai Makmur, bayaran tunai petroleum, dan duti eksport. Daripada anggaran sumbangan RM55 bilion hingga RM59 bilion tersebut, cukai pendapatan petroleum (PITA) bagi tahun 2022 dianggar sekitar RM14 bilion ke RM16 bilion.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan adakah benar paip pengedar air di seluruh Labuan kesemuanya sudah tamat tempoh hayat dan berapa bajet yang diperlukan untuk mengganti kesemuanya dan berapa lamakah proses tempoh penggantian itu diperlukan.

SOALAN NO: 51

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya tempoh hayat paip air adalah di antara 30 hingga 50 tahun bergantung kepada jenis paip.
2. Secara keseluruhannya, jumlah panjang paip di Labuan adalah 596.7km yang terdiri daripada pelbagai jenis paip. Daripada jumlah tersebut, lebih kurang 211km panjang paip atau 35% terdiri daripada paip jenis *Asbestos Cement (AC)*, *Cast Iron*, *Galvanized Iron*, *Mild Steel* dan *Ductile Iron*. Bahagian Bekalan Air Labuan menganggarkan kos pembaikan dan kerja-kerja penggantian adalah sebanyak RM500 juta dan akan dilaksanakan secara berperingkat.
3. Sehingga tahun 2021, 30km paip (daripada 211km) telah digantikan. Manakala kerja-kerja penggantian baki 181km akan dilaksanakan secara berfasa. Projek ini dijangka akan menurunkan NRW pada kadar 20% hingga 25% selepas siap kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN
[KALABAカン]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [KALABAカン] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perancangan untuk menaik taraf loji-loji pemprosesan air di seluruh kawasan Tawau dan Kalabakan terutama loji air Kg Murut Kalabakan yang usang dan sering mengalami pelbagai kerosakan sehingga menyebabkan keperluan bekalan air kepada penduduk terputus.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, dari semakan oleh Bahagian Bekalan Air (BBA), Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), projek-projek yang dinyatakan merupakan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD.
RAMLI (LUMUT)**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk menukar status bandar Lumut daripada Bandar Maritim kepada Bandar Tentera Laut bagi mengiktiraf ia sebagai pangkalan utama Tentera Laut Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, bandar Lumut telah diisytiharkan sebagai Bandar Tentera Laut, Pelancongan dan Maritim pada tahun 2009 sempena sambutan Jubli Perak pemerintahan DYMM Seri Paduka Baginda Sultan Perak yang ke-34, Almarhum Sultan Azlan Shah. Pengisytiharan ini merupakan pengiktirafan daripada Kerajaan negeri Perak terhadap sumbangan besar Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dalam pembangunan pesat aktiviti maritim di bandar Lumut dan telah mendapat perkenan daripada Almarhum Baginda Sultan secara peribadi. Pihak TLDM dan Kementerian Pertahanan amat berbesar hati dan menyanjung tinggi terhadap pengisytiharan ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan yayasan yang berdaftar dengan Lembaga Zakat Wilayah Persekutuan yang melayakkan yayasan membantu urusan agihan zakat serta jumlah terimaan zakat bagi setiap yayasan tersebut setiap tahun.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATUK HAJI IDRIS HAJI AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Dipertua,

Pengurusan agihan zakat di Wilayah Persekutuan adalah dibawah bidangkuasa penuh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). MAIWP akan menyalurkan bantuan terus ke akaun asnaf yang berdaftar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Buat masa ini, tiada mana-mana Yayasan yang berdaftar secara rasmi dengan MAIWP dan bantuan hanya akan dipertimbangkan berdasarkan program yang dicadangkan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN:

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan telah mula menggaji penjawat awam secara kontrak (seperti pihak swasta) dan bukan lagi mengikut skim berpencen.

JAWAPAN

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan penjawat awam secara kontrak telah lama dilaksanakan sejak tahun 1973 berdasarkan Perintah-Perintah Am Bab A (Lantikan dan Kenaikan Pangkat) 1973. Pelantikan ini telah melalui beberapa penambahbaikan dari semasa ke semasa termasuk kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada penjawat awam lantikan kontrak.

2. Buat masa ini, walaupun kerajaan masih menggaji penjawat awam mengikut skim berpencen, namun pada masa yang sama, kerajaan masih melantik pegawai secara kontrak berdasarkan kaedah *Contract of Service* dan *Contract for Service* untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan dapat berjalan dengan lebih lancar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah agensi, seperti TERAJU, untuk kaum India di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin terhadap rakyat tanpa mengira kaum termasuk masyarakat India. Bagi meningkatkan pembangunan sosioekonomi masyarakat India, Kerajaan telahpun menubuhkan sebuah agensi iaitu Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA) yang diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN).
2. MITRA telah ditubuhkan pada tahun 2008 (dahulu dikenali sebagai Unit Khas Pembangunan Sosioekonomi Komuniti India (SEDIC)) melalui keputusan dasar Jawatankuasa Khas Kabinet Masyarakat India (*Cabinet*

Committee for the development of Indian Community - CCIC) untuk meningkatkan penyertaan masyarakat India dalam inisiatif Kerajaan.

3. MITRA bertanggungjawab dalam menangani isu pembangunan sosioekonomi masyarakat India di Malaysia khususnya golongan B40. Fungsi utama MITRA adalah seperti berikut:

- (i) Mengenalpasti isu dan cabaran semasa masyarakat India Malaysia;
- (ii) Melaksana inisiatif pembangunan sosioekonomi masyarakat India Malaysia, dan
- (iii) Menyelaras kerjasama antara Kerajaan dan pihak swasta ke arah pembangunan masyarakat India Malaysia secara holistik.

4. Pada tahun 2017, Pelan Tindakan Masyarakat India (MIB) telah dilancarkan oleh MITRA untuk mendokumentasi cabaran dan isu yang dialami oleh masyarakat India beserta cadangan penyelesaian.

5. KPN juga sedang dalam tindakan memuktamadkan satu Pelan Tindakan Masyarakat India (PTMI) yang dijangka akan dibentangkan ke Jemaah Menteri dalam masa terdekat.

6. Susulan pelan tersebut, Jemaah Menteri pada 26 Januari 2022 telah bersetuju supaya Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Sosioekonomi India (JKMPNSI) ditubuhkan. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri dan diurussetiakan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM). Jawatankuasa Kabinet ini akan memantau pelaksanaan PTMI ini sama ada di peringkat Persekutuan dan juga di peringkat negeri berdasarkan kepada pelan tindakan yang dicadangkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status permohonan projek Tambakan Laut Pulau Pinang Selatan (PSR). Nyatakan kronologi permohonan, apakah proses yang perlu dilalui dan bilakah ia dijangka akan diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Pemohonan Projek Tambakan Laut Pulau Pinang Selatan (*Penang South Reclamation - PSR*) adalah tertakluk kepada Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) yang menetapkan supaya pemaju projek perlu menjalankan kajian penilaian kesan ke atas alam sekeliling (*Environmental Impact Assessment - EIA*). Laporan ini telah diterima pada 29 April 2022 dan sedang dalam proses penilaian oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).
2. Proses penilaian Laporan EIA yang perlu dilalui adalah seperti berikut:
 - i. pengesahan dokumen terma rujukan (*Term of Reference - TOR*) cadangan projek;
 - ii. kelulusan laporan EIA; dan

- iii. kelulusan Laporan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (*Environmental Management Plan - EMP*).
3. Untuk makluman, cadangan pelaksanaan projek ini telah bermula sebelum 2017. Laporan EIA terdahulu pada tahun 2017 tidak diluluskan oleh JAS kerana tidak mematuhi Seksyen 34A(2C), Seksyen 34A(4) dan Seksyen 34A(5), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974). Seterusnya, setelah memenuhi keperluan penilaian, Laporan EIA (*Revised*) telah diluluskan pada 25 Jun 2019.
3. Walau bagaimanapun, berdasarkan Notis Rayuan yang diterima dan setelah pertimbangan oleh Lembaga Rayuan di bawah Seksyen 35(1)(e), AKAS 1974, kelulusan Laporan EIA (*Revised*) pada 25 Jun 2019 adalah tidak sah mengikut keperluan di bawah Seksyen 34A(4)(a), AKAS 1974, kerana Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2030 diwartakan pada 24 Oktober 2019 iaitu selepas kelulusan laporan EIA diberikan.
4. Seperti mana yang telah dimaklumkan, Laporan EIA yang baru telah diterima pada 29 April 2022 dan JAS akan membuat penilaian lanjut terhadap Laporan EIA tersebut. Tempoh tamat piagam bagi pemprosesan Laporan EIA adalah pada 1 Ogos 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH
[SUNGAI BULOH]
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUNGAI BULOH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan daripada 79 laporan kes kematian tahanan dalam lokap PDRM dalam tempoh Januari 2015 hingga September 2021, mengapa 30 kes telah diklasifikasikan "No further action" oleh Pendakwa Raya (jawapan bukan lisan oleh Menteri Dalam Negeri kepada saya pada Mesyuarat Kedua penggal Keempat) padahal seksyen 334 Kanun Acara Jenayah (Akta 593) mewajibkan seorang Magistret melakukan satu inkirui penuh atau inkues terhadap punca kematian dalam semua kes kematian tahanan dalam lokap PDRM.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara (AGC) perlu meneliti semula kesemua 30 kertas siasatan yang telah diklasifikasikan "no further action" tersebut untuk menentukan sama ada prosedur dan tindakan mengikut undang-undang telah dipatuhi.
2. Bahagian Pendakwaan, AGC juga memandang berat akan perkara ini dan akan memberi maklum balas lanjut setelah maklumat penuh mengenai setiap kes berkenaan diperolehi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan masalah-masalah perinci yang menyebabkan kelewatan mencapai kesepakatan dalam perbincangan Kerangka Kod Tatalaku Laut China Selatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Bendera atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2017, Negara-Negara Anggota ASEAN dan China telah bersetuju dengan sebuah kerangka teks COC (*COC framework*).

3. Seterusnya, pada tahun 2018, Negara-Negara Anggota ASEAN dan China telah memulakan rundingan berdasarkan satu *Single Draft Negotiating Text* (SDNT) COC yang digunakan sebagai asas rundingan.

4. Rundingan berhubung Kod Tatalaku di Laut China Selatan (*Code of Conduct in the South China Sea – COC*) sedang dilaksanakan oleh Negara-Negara Anggota ASEAN dan China menerusi mekanisme

ASEAN-China Joint Working Group on the Implementation of the DOC (JWG-DOC).

5. Tiada jangka masa khusus yang ditetapkan untuk memuktamadkan teks COC, dan masa yang diambil akan bergantung kepada pelbagai faktor dalam rundingan antara Negara-Negara Anggota ASEAN dan China. Namun pada awalnya, Negara-Negara Anggota ASEAN dan China mempunyai aspirasi untuk memuktamadkan rundingan COC pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, berikutan pandemik COVID-19, rundingan COC tidak dapat diteruskan seperti biasa secara fizikal dan terdapat juga kekangan bagi rundingan secara atas talian seperti isu ketirisan maklumat.
6. Walau bagaimanapun, Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN-China (SACFMM) di Chongqing, China, pada 7 Jun 2021, telah bersetuju supaya rundingan COC diteruskan melalui persidangan video. Rundingan secara fizikal telah diteruskan semula pada bulan Mei 2022 di Siem Reap, Kemboja.
7. Isu berkaitan Laut China Selatan merupakan isu serantau yang kompleks, sensitif dan melibatkan hubungan antara negara berikut tuntutan-tuntutan bertindih oleh negara-negara penuntut. Oleh yang demikian, isu ini perlu dikendalikan secara menyeluruh dan setiap tindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil carian kumpulan pakar perundangan dan pengkaji yang telah pergi ke London untuk meneliti dokumen rujukan berkaitan hak Sabah dan Sarawak dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Apakah rancangan Kerajaan untuk merealisasikan dan mengimplementasi hasil kajian atau carian tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lawatan kerja ke *The National Archives* (TNA), London, United Kingdom merupakan langkah pro aktif Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan dokumen-dokumen asal pembentukan Malaysia yang berada dalam simpanan Kerajaan British sebelum hari Malaysia. Dokumen-dokumen yang sebelum ini bertaraf sulit dan rahsia telah dikelaskan semula kepada dokumen terbuka (*declassified*) yang boleh dirujuk atau diakses oleh umum.

Dokumen-dokumen yang diteliti dan bermanfaat sebagai rujukan adalah termasuk minit-minit Jawatankuasa Cobbold, *Inter-Governmental Committee* (IGC) serta surat-surat dan ulasan-ulasan responden yang ditemubual dan dipilih oleh Jawatankuasa Cobbold dari Sabah dan Sarawak yang tidak terdapat di Arkib Negara Malaysia.

Dengan dokumen-dokumen yang telah diperolehi tersebut, Kerajaan sedang meneliti keperluan untuk mewujudkan pusat penyimpanan khas (repositori) dokumen berkaitan pembentukan Malaysia yang boleh dijadikan sebagai rujukan umum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan hak Sabah dan Sarawak, Kerajaan Persekutuan sentiasa menyediakan jalan dan ruang untuk kerajaan negeri bagi sebarang tuntutan spesifik. Terdapat banyak data (mengenai perkara dan tuntutan MA63) tetapi ia bergantung kepada kerajaan negeri sejauh mana maklumat tersebut digunakan dan dimanfaatkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian terhadap pembinaan insinerator. Mengapa pihak Jabatan Alam Sekitar bersetuju dengan pembinaan insinerator baru di Lot 43852 (PT6327)/HS(D) 206502, Bandar Seri Sendayan, daerah Seremban yang mana lokasinya berdekatan dengan projek perumahan, komersial, pendidikan dan perindustrian yang pesat membangun.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) bertanggungjawab untuk membuat penilaian Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (*Environmental Impact Assessment – EIA*) yang dikemukakan berdasarkan peruntukan Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974).
2. Bagi pemaju projek insinerator, syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian melalui JAS selain daripada keperluan menyediakan Laporan EIA adalah seperti berikut:
 - i. menepati *Guidelines for Siting and Zoning of Industry and Residential Areas, 2012* (SZIRA 2012);

- ii. *Environmental Essentials for Siting of Industries in Malaysia*, 2017 (EESIM 2017); dan
 - iii. memastikan langkah-langkah mitigasi yang berkesan seperti pemasangan sistem kawalan pencemaran dan kaedah pemantauan pengawasan kualiti udara secara berterusan selaras keperluan kepada pematuhan AKAS 1974 dan peraturan-peraturan dibawahnya.
3. Untuk makluman, cadangan pembangunan di Lot 43852 melibatkan cadangan loji pengolahan dan pelupusan buangan terjadual yang meliputi proses pemerolehan kembali buangan serta pembinaan loji rawatan terma. Kelulusan Laporan EIA untuk cadangan pembangunan insinerator di Bandar Sri Sendayan diberikan mengikut keperluan Seksyen 34A (3) AKAS 1974. Laporan yang dikemukakan adalah teratur dan bertepatan dengan rancangan pemajuan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan.
4. Cadangan aktiviti tersebut dinilai melalui maklumat yang dikemukakan di dalam Laporan EIA secara umumnya terdiri daripada penerangan projek, kenyataan keperluan projek, pilihan-pilihan projek, keadaan alam sekitar semasa, penilaian impak alam sekitar, langkah mitigasi serta pelan pengurusan alam sekitar. Kesemua maklumat yang dinyatakan dalam Laporan EIA dinilai dari aspek impak dan langkah mitigasi yang diterima daripada kesan pelaksanaan cadangan pembangunan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2022)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU]

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status penggubalan Rang Undang-undang (RUU) Pembiayaan Politik. Bagaimanakah RUU ini dapat membendung salah laku atau kecurangan dalam hal menguruskan sumber dana politik.

(JAWAPAN)

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Cadangan Pelaksanaan Dasar Penggubalan RUU Sumbangan Politik telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 15 Bilangan 1 Tahun 2022 pada 19 Mei 2022 lalu dan skop dasar bagi RUU tersebut telah dipersetujui untuk dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri untuk pertimbangan selaras dengan dasar semasa Kerajaan.
2. Selaras dengan Inisiatif 1.2.3, Laporan Semakan Semula Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, kajian terperinci berhubung penggubalan rang undang-undang (RUU) baharu berkaitan sumbangan dana politik akan dilaksanakan selari dengan sesi-sesi libat urus sebelum undang-undang baharu ini dapat diperkenalkan bagi memastikan mekanisme pelaksanaan yang berkesan kelak.
3. RUU ini penting kerana sehingga kini tiada undang-undang atau peraturan yang mengawal selia pembiayaan politik dan ia dapat mengelak risiko rasuah serta penyalahgunaan kuasa melibatkan ahli politik melalui pelaporan dana politik yang berteraskan prinsip ketelusan dan akauntabiliti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN :

PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL [SEKIJANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk meminda Akta Perlindungan Pemberi Maklumat (Akta 711) dalam usaha untuk memperkasa akta ini.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan pada masa ini sedang dalam proses untuk melaksanakan penambahbaikan dan pindaan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] bagi memperkasakan akta tersebut dan merealisasikan visi Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 untuk mewujudkan negara bebas rasuah. Bagi tujuan tersebut, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pihak pemegang taruh termasuk sesi libat urus dengan pihak *United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC)* dan *Government Accountability Project (GAP)*. Di samping itu juga, satu Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan bagi menilai, mengkaji serta menetapkan parameter berdasarkan cadangan pindaan dan penambahbaikan yang telah diterima daripada pelbagai pihak berkepentingan. Ahli-ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada pihak agensi penguatkuasa, beberapa buah kementerian dan jabatan, syarikat-syarikat swasta dan GLC serta pihak NGO.

BHEUU telah mensasarkan untuk memuktamadkan cadangan pindaan dan penambahbaikan Akta 711 bagi tempoh 3 tahun (Januari 2021 – Disember 2023). Sehubungan itu, beberapa isu dan peruntukan di dalam Akta 711 yang melibatkan tafsiran kelakuan tidak wajar, mekanisme aduan dalaman, pengurusan aduan berpusat dan percanggahan Akta 711 dengan peruntukan undang-undang lain, pembatalan perlindungan dan skala ganjaran telah dikenal pasti untuk dipinda dan ditambah baik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MADIUS
BIN TANGAU
[TUARAN]**
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN :

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS BIN TANGAU [TUARAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Rang Undang-undang Pendanaan Parti Politik dan Reformasi Suruhanjaya Pilihan Raya akan dibentangkan di Parlimen.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Cadangan Pelaksanaan Dasar Penggubalan RUU Sumbangan Politik telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 15 Bilangan 1 Tahun 2022 pada 19 Mei 2022 lalu dan skop dasar bagi RUU tersebut telah dipersetujui untuk dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri untuk pertimbangan selaras dengan dasar semasa Kerajaan.
2. Kajian terperinci perlu dilaksanakan selaras dengan dasar yang ditetapkan di bawah Laporan Semakan Semula Pelan Antirasuah Nasional (NACP) berhubung kajian penggubalan rang undang-undang (RUU) baharu berkaitan sumbangan dana politik, melalui Inisiatif 1.2.3 serta sesi libat urus perlu dilaksanakan dengan pelbagai pihak sebelum undang-undang baharu ini dapat diperkenalkan bagi memastikan mekanisme pelaksanaan yang berkesan kelak.
3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada masa ini tidak bercadang untuk membuat sebarang pembaharuan untuk dibentangkan di Parlimen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 21 JULAI 2021 (KHAMIS)

SOALAN

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa anggota rombongan rasmi dan berapa pihak persendirian yang mengikuti Perdana Menteri melawat Jepun pada Mei tahun ini. Beri pecahan perbelanjaan lawatan rasmi yang dibiayai oleh Kerajaan dan kos yang ditanggung oleh pihak swasta/persendirian.

JAWAPAN:

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman, lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke Jepun pada 23 hingga 28 Mei 2022 yang lalu merupakan antara lawatan berprofil tinggi selepas lebih dua tahun sekatan perjalanan disebabkan pandemik COVID-19.
2. Delegasi Malaysia ke ini diketuai oleh YAB Perdana Menteri bersama-sama dengan Menteri Kabinet termasuklah Utusan Khas YAB Perdana Menteri ke Jepun, Republik Korea dan Taiwan.
3. Antara kejayaan terbesar hasil pertemuan kedua-dua pimpinan tertinggi Malaysia dan Jepun tersebut adalah persetujuan penaikan taraf hubungan dua hala Malaysia-Jepun ke peringkat yang lebih komprehensif iaitu daripada *Strategic Partnership* kepada *Comprehensive Strategic Partnership*.
4. Di samping itu, Delegasi Malaysia telah mengadakan lawatan ke Dewan Bandaraya Itabashi dan berpeluang mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua industri dan wakil-wakil syarikat Jepun yang berada dalam wilayah Itabashi. Kerjasama baharu turut dipersetujui di antara Bandar Itabashi dengan Bandaraya Kuala Lumpur merangkumi kerjasama bandar pintar dan Matlamat Pembangunan Mapan (SDG) dan kerjasama dalam konteks mengendalikan bencana terutamanya usaha-usaha dalam menangani dan mengatasi isu banjir.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MADIUS
BIN TANGAU
[TUARAN]
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS BIN TANGAU [TUARAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Rang Undang-undang Pendanaan Parti Politik dan Reformasi Suruhanjaya Pilihan Raya akan dibentangkan di Parlimen.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Cadangan Pelaksanaan Dasar Penggubalan RUU Sumbangan Politik telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 15 Bilangan 1 Tahun 2022 pada 19 Mei 2022 lalu dan skop dasar bagi RUU tersebut telah dipersetujui untuk dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri untuk pertimbangan selaras dengan dasar semasa Kerajaan.
2. Kajian terperinci perlu dilaksanakan selaras dengan dasar yang ditetapkan di bawah Laporan Semakan Semula Pelan Antirasuah Nasional (NACP) berhubung kajian penggubalan rang undang-undang (RUU) baharu berkaitan sumbangan dana politik, melalui Inisiatif 1.2.3 serta sesi libat urus perlu dilaksanakan dengan pelbagai pihak sebelum undang-undang baharu ini dapat diperkenalkan bagi memastikan mekanisme pelaksanaan yang berkesan kelak.
3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada masa ini tidak bercadang untuk membuat sebarang pembaharuan untuk dibentangkan di Parlimen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [BANGI]

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

DR. ONG KIAN MING [BANGI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan nama syarikat pemegang konsesi PJD Link, Lebuhraya Bangi-Putrajaya (BPE) dan Lebuhraya Penyuraian Utara Kuala Lumpur (KL NODE) dan sama ada syarikat tersebut telah menandatangani perjanjian konsesi untuk projek lebuhraya masing-masing.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nama pemegang syarikat konsesi bagi projek Petaling Jaya Traffic Dispersal Elevated Highway (PJD Link) adalah PJD Link (M) Sdn. Bhd., projek Lebuhraya Bangi-Putrajaya (PBE) adalah Pembinaan Jaya Zira Sdn. Bhd manakala projek Lebuhraya Penyuraian Utara Kuala Lumpur (KL NODE) adalah Sambungan Lebuhraya Timur Sdn. Bhd. (SLTSB).

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi projek PJD Link, perjanjian konsesi telah pun ditandatangani pada 5 April 2022. Manakala bagi projek KL NODE dan projek PBE, perjanjian konsesi masih belum ditandatangani kerana PBE dan KL NODE masih tertakluk kepada penilaian lanjut dan rundingan di peringkat Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN
[SEPANGGAR]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN [SEPANGGAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci Pindaan Perlembagaan mahupun Akta yang perlu dipinda bagi membolehkan perkara-perkara yang tertakluk di dalam Perjanjian Malaysia 1963 dapat dilaksanakan sepenuhnya dan nyatakan jangka masa yang ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (Majlis Khas MA63) yang ditubuhkan merupakan platform yang diwujudkan khusus bagi membincangkan isu-isu berbangkit mengenai pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 di antara Kerajaan Persekutuan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Keperluan sebarang pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan atau Akta yang berkaitan adalah bergantung kepada tuntutan-tuntutan di bawah Perjanjian Malaysia 1963 yang dibawa oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dan telah dipersetujui oleh Majlis Khas MA63 serta Jemaah Menteri ke atas keputusan tersebut. Ketersediaan agensi di peringkat persekutuan dan negeri untuk melaksanakan keputusan yang telah dipersetujui oleh Majlis Khas MA63 dan Jemaah Menteri akan menentukan tempoh masa yang diperlukan bagi meminda Perlembagaan Persekutuan dan Akta yang terlibat. Sebagai gambaran, perundangan-perundangan yang telah dikenal pasti yang telah terlibat untuk disemak dan dipinda akan dikemukakan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

Sebagai contoh, salah satu tuntutan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak yang memerlukan pindaan Perlembagaan Persekutuan adalah berkaitan tuntutan untuk meminda Perkara 1(2) dan 160(2) Perlembagaan Persekutuan yang mana telah dilaksanakan melalui Akta Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 2022 [Akta A1642] dan telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 14 Disember 2021 dan Dewan Negara pada 23 Disember 2021 dengan majoriti lebih 2/3. Akta ini juga telah mendapat perkenan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkuat kuasa mulai 11 Februari 2022.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN RAMKARPAL SINGH A/L
KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi menjelaskan tafsiran berkenaan pemberian kerakyatan kepada anak yang lahir kepada ibu atau ayah yang merupakan warganegara Malaysia dan status pembentangan cadangan pindaan tersebut kepada Majlis Raja-Raja.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Perkara 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan (“PP”) dibaca bersama dengan seksyen 1(b), Bahagian II, Jadual Kedua PP, anak yang lahir di luar Malaysia yang bapanya (*father*) seorang warganegara Malaysia, memperolehi kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang (*by operation of law*).
2. Perkara 14(1)(b) PP dan seksyen 1(b), Bahagian II, Jadual Kedua PP ini telah digubal berdasarkan peruntukan asal yang dinyatakan dalam *Constitution of Federation of Malaya 1957* dan *Malaysia Act 1963 (No. 26 of 1963)*.
3. Keadaan ini berbeza sekiranya anak tersebut lahir di dalam Malaysia. Dalam keadaan sedemikian, walaupun hanya ibu kepada anak tersebut mempunyai kewarganegaraan Malaysia (semasa kelahiran anak tersebut), anak berkenaan memperolehi status sebagai warganegara melalui kuat kuasa undang-undang sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 14(1)(b) PP yang dibaca bersama dengan seksyen 1(a), Bahagian II, Jadual Kedua PP.
4. Pada 24 September 2021, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju antara lain supaya suatu jawatankuasa ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi mengkaji cadangan pindaan PP berhubung dengan isu kewarganegaraan.
5. Selanjutnya, Mesyuarat Penyelarasaran Jawatankuasa Isu-Isu Kewarganegaraan di dalam Perlembagaan Persekutuan pada 18 November 2021 telah bersetuju supaya jawatankuasa yang ditubuhkan (“Jawatankuasa”) akan mengkaji cadangan pindaan

SOALAN NO : 70

kepada PP berhubung dengan isu kewarganegaraan secara menyeluruh termasuk Perkara 14(1)(b) PP.

5. Selanjutnya, penubuhan Jawatankuasa tersebut telah mendapat perkenan Majlis Raja-Raja (“MRR”) pada 23 November 2021 setelah disembah taklimat oleh YBhg. Tan Sri Peguam Negara.
6. Berhubung dengan cadangan pindaan kepada PP mengenai perkara kewarganegaraan, pindaan tersebut hendaklah mendapat persetujuan MRR berdasarkan Perkara 159(5) PP dan hendaklah mendapat sokongan sekurang-kurangnya dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen di bawah Perkara 159(3) PP.
7. Sekiranya cadangan pindaan turut menyentuh hak orang yang lahir sebelum Hari Malaysia untuk menjadi warganegara oleh sebab perhubungan mereka dengan Negeri Sabah dan Sarawak atau jaminan layanan sama rata antara orang yang lahir dan bermastautin di Negeri-Negeri Borneo dengan orang yang lahir dan bermastautin di Negeri-Negeri Tanah Melayu, persetujuan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua bagi Negeri Sabah dan Sarawak hendaklah diperoleh selaras dengan Perkara 161E(2)(a) PP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang telah diambil untuk memberi bantuan kepada golongan miskin atau miskin tegar yang belum berdaftar dengan eKasih, DMOA atau DSA memandangkan bukan semua golongan miskin atau miskin tegar akan didaftar secara automatik dan apakah Kerajaan akan mempertimbangkan supaya mendaftarkan mereka agar bantuan seperti KWAMP dan bantuan lain dapat diberi kepada mereka yang memerlukannya tanpa sebarang halangan atas keciciran pendaftaran data dalam eKasih, DMOA atau DSA.

JAWAPAN

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah menetapkan supaya semua bentuk bantuan kepada golongan miskin dan miskin tegar perlu disalurkan kepada mereka yang berdaftar di dalam eKasih sahaja.
2. Bagi memastikan tiada golongan miskin atau miskin tegar yang tercicir, pemimpin-pemimpin tempatan termasuk Ahli-Ahli Parlimen boleh mengemukakan nama Ketua Isi Rumah (KIR) yang didapati memerlukan bantuan kepada *Focus Group* Daerah (FGD) atau *Focus Group* Negeri (FGN).
3. FGD/FGN akan mengemukakan nama KIR berkenaan untuk proses verifikasi oleh Pejabat Pembangunan Negeri bagi menentukan sama ada KIR berkenaan tergolong dalam golongan miskin atau miskin tegar. Selepas proses verifikasi selesai dan KIR tersebut didapati miskin atau miskin tegar, nama mereka akan didaftarkan di dalam eKasih.
4. Agensi pemberi bantuan akan menyalurkan bantuan bersesuaian kepada KIR berkenaan berdasarkan profil di dalam eKasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan tujuan dan hasil penglibatan pakar Malaysia dalam bengkel perbincangan pembangunan Stesen Sains Antarabangsa Lunar, China pada September 2021 dan apakah langkah susulan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Program pembangunan Stesen Penyelidikan Lunar Antarabangsa merupakan inisiatif kerjasama China dan Rusia dalam membangunkan fasiliti penyelidikan yang lengkap di bulan bagi menjalankan aktiviti penyelidikan saintifik pelbagai bidang serta penerokaan dan pencerapan bulan.
2. Cadangan program ini yang bersaing dengan program seumpamanya iaitu program *Artemis Accords* yang diterajui oleh pihak Amerika Syarikat bersama negara-negara Eropah, telah diumumkan dengan izin, di *58th Session of the Scientific and Technical Subcommittee (STSC), United Nations Committee on the Peaceful Uses of Outer Space (UNCOPUOS)* pada April 2021.
3. Kedua-dua program yang bersaing ini dibuka kepada semua negara untuk terlibat dalam semua peringkat perancangan, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan pengoperasian fasiliti dan penglibatan dalam penyelidikan yang akan dilaksanakan. Malaysia adalah ahli kepada *UNCOPUOS* semenjak tahun 1994.
4. Berdasarkan pelaporan oleh pihak China di persidangan *UNCOPUOS* dan *United Nations Office for Outer Space Affairs (UNOOSA)*, pada 27 September 2021, mereka telah mengadakan satu (1) bengkel tertutup berkaitan Pembangunan Stesen Penyelidikan Lunar Antarabangsa atau dengan izin, *Russian-Chinese Joint Seminar on Cooperation in International Lunar Research Stations* telah dianjurkan oleh *China National Space Administration (CNSA)* dan *State Space Corporation (ROSCOSMOS)*, Rusia di Zhuhai, China.
5. Bengkel ini telah dihadiri secara jemputan oleh pakar-pakar dari *United Nations Office for Outer Space Affairs (UNOOSA)*, *European Space Agency (ESA)*, *Asia-Pacific Space Cooperation Organization*

(APSCO) dan beberapa buah negara termasuk seorang pakar dari Malaysia.

6. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan pandangan pakar antarabangsa terhadap deklarasi yang disediakan oleh pihak China dan Rusia berkaitan cadangan pembangunan Stesen Penyelidikan Lunar Antarabangsa di bulan. Deklarasi ini mengandungi prinsip-prinsip asas kerjasama antarabangsa, kaedah penyertaan dan garis panduan bagi melaksanakan aktiviti penyelidikan di bulan.

7. Deklarasi yang terhasil daripada bengkel tersebut juga telah dibentangkan kepada komuniti antarabangsa di *72nd International Astronautical Congress (IAU)* di Dubai, UAE pada 25-29 Oktober 2021.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Malaysia tidak menghantar penyertaan rasmi dalam bengkel tertutup Pembangunan Stesen Penyelidikan Lunar Antarabangsa anjuran China.

9. Walau bagaimanapun, seorang pakar dari Malaysia iaitu **YBhg. Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Mazlan Othman** telah hadir di atas kapasiti peribadi beliau sebagai mantan Pengarah *United Nations Office for Outer Space Affairs (UNOOSA)* dan pakar astrofizik bagi memberi input dan pandangan berdasarkan kepakaran beliau dalam penyediaan dokumen deklarasi berkaitan.

10. Buat masa ini, MYSA sedang dalam proses menguatkuasakan akta angkasa domestik bagi mengawal selia aktiviti angkasa sebelum menyertai sebarang aktiviti di peringkat antarabangsa bagi memastikan satu gerak kerja teratur dan selaras dengan pematuhan triti antarabangsa. Oleh itu, Kerajaan melalui MOSTI sedang melaksanakan tindakan untuk menguatkuasakan Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 yang telah diwartakan pada 25 Januari 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L
M PARAMESWARAN (BATU)**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN (BATU) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan peruntukan projek mitigasi banjir dan kemaskini 31 orang pegawai di setiap hotspot yang dikenal pasti dan apakah usaha Menteri bagi membantu penduduk Kg. Baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 482 petugas terdiri daripada 240 orang kakitangan DBKL dan 242 orang petugas Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan 80 orang sukarelawan telah ditugaskan di 24 bit banjir untuk memantau di 31 lokasi *hotspot* banjir sedia ada setiap hari. Tugasan ini telah bermula sejak 2 Jun 2022 bagi tempoh tiga (3) bulan.

Projek-projek jangka pendek yang dirancang dan dilaksanakan oleh DBKL termasuk menaiktaraf sistem saliran terutama di kawasan *hotspot* banjir, memasang *flap gate dengan izin* di parit induk yang disalur ke sungai dan membina tembok penahan banjir. Perbelanjaan bagi projek-projek jangka pendek dianggarkan RM160 juta.

Bagi **projek-projek jangka sederhana**, DBKL bercadang untuk melaksanakan 8 projek mitigasi banjir antaranya, di Jalan Sultan Salahuddin dan Bulatan Dato' Onn, sekitar Jalan Raja Mahadi, Sungai Toba, Segambut dan sistem saliran Jalan Kuching. Cadangan ini melibatkan kerja-kerja pembinaan kolam takungan bawah tanah dan kolam takungan terbuka dan menaiktaraf infrastruktur sistem perparitan sedia ada. Perbelanjaan bagi projek-projek jangka sederhana dianggarkan RM345 juta.

Bagi membantu penduduk Kampong Bharu, DBKL telah mewujudkan bit hotspot banjir di Kampung Periuk dan mengadakan perancangan jangka sederhana iaitu ‘Cadangan Mempertingkatkan Sistem Saliran di Sekitar Jalan Raja Mahadi’, Kampong Bharu, Kuala Lumpur.

Mengenai permintaan Yang Berhormat bagi pengemaskinian 31 orang pegawai di setiap hotspot, maklumat yang telah dikemaskini adalah seperti berikut:

SOALAN NO : 73

BIL	SENARAI HOTSPOT BANJIR	JABATAN BERTANGGUNG JAWAB	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB	NO TELEFON
1	Jalan Antoi, Kepong (HS01)	Pejabat Cawangan Kepong	En. Nor Hizamudin bin Moktar Rudin	012-2898524
2	Jalan Pintasan, Segambut (HS02)	Jabatan Pengurusan Landskap dan Rekreasi	Puteri Khairul Fathiah binti Fahimudin	019-7105064
3	Jalan Sultan Azlan Shah (Hadapan Balai Polis Batu 3) (HS03)	Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar	Muhammad Hafiz bin Mohd Arif	013-9889843
4	Jalan Rahmat (HS04)	Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran	En.Zulkifli bin Idris	019-3714987
5	Lebuhraya Sultan Iskandar (Hadapan Parlimen) (HS05)	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal	Mohamad Riduan bin Abdullah	013-3692844
6	Jalan Kuching (Sebelum Bulatan Segambut) (HS06)	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal	Mohamad Riduan bin Abdullah	013-3692844
7	Jalan Segambut (Driving School) (HS07)	Pejabat Cawangan Segambut	Puan Azlinda bin Saidin	013-2683394
8	Bulatan Dato' Onn (HS08)	Jabatan Penguatkuasaan	PPj Nasarudin bin Daharun	011- 11035303
9	Dataran Merdeka (Hadapan Gereja)			
10	Sasana Kijang			
11	Lebuh Ampang (HS09)	Jabatan Penguatkuasaan	PPj Mohd Hisham bin Hj Izhar	012-3177570

SOALAN NO : 73

BIL	SENARAI HOTSPOT BANJIR	JABATAN BERTANGGUNG JAWAB	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB	NO TELEFON
12	Jalan Brunei / Jalan Pudu (HS010)	Jabatan Pelesehan dan Pembangunan Perniagaan	Hasnah binti Hamzah	019-6352539
13	Jalan Changkat Thambi Dollah (HS011)	Jabatan Pengurusan Sumber Manusia	Tuan Hj Badrul Hisham bin Hj Baharuddin	019-2153603
14	Jalan Tun Sambathan (HS012)	Pejabat Cawangan Bukit Bintang	En. Ibnu Sina bin Termizi	012-2397497
15	Jalan Tun Sambathan (Berhampiran KTM)			
16	Jalan Travers (IPD Brickfields) (HS013)	Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan	Izwan Razif bin Salehaped	019-6080708
17	Jalan Pantai Baru (UM) (HS014)	Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran	En. Bukhori bin Yahya	013-2434038
18	Jalan Maarof (Dataran Maybank) (HS015)	Jabatan Perancangan Bandaraya	Tuan Hj. Rosli bin Nordin	012-2539809
19	Jalan Maharajalela (Stesen Monorel) (HS016)	Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta	En. Redzuan bin Md Zeen	012-6229843

SOALAN NO : 73

BIL	SENARAI HOTSPOT BANJIR	JABATAN BERTANGGUNG JAWAB	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB	NO TELEFON
20	Jalan Semantan (H017)	Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar	En Mohd Shahrul Hafizi bin Abdul Raawi	018-6665489
21	Jalan Bruas (HS018)	Jabatan Perancangan Infrastruktur	En Mat Nawi bin Mat Daud	013-6647078
22	Kampung Pasir (HS019)	Pejabat Cawangan Lembah Pantai	En. Faizal bin Mahmud	016-2877327
23	Kampung Periuk (HS020)	Pejabat Cawangan Titiwangsa	Khairul Rizal Bin Che Johari	019-2445149
24	Kampung Kasipillay (HS021)	Pejabat Cawangan Batu	Norhida binti Sanusi	012-2826837
25	Jalan Dutamas 2 (HS022)	Jabatan Pengurusan Lanskap dan Rekreasi	Puteri Khairul Fathiah binti Fahimudin	019-7105064
26	Jalan Sultan Haji Ahmad Shah (Jln. Khidmat Usaha)			
27	Jalan Ampang (Bukit Nenas) (HS023)	Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan	Mohd Noor Arsyam bin Suradi	012-3730845
28	Lebuhraya Sultan Iskandar (Menuju Jalan Kuching) (HS024)	Jabatan Pengangkutan Bandar	En Muhammad Azri bin Abdul Aziz	013-3001616

SOALAN NO : 73

BIL	SENARAI HOTSPOT BANJIR	JABATAN BERTANGGUNG JAWAB	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB	NO TELEFON
29	Lebuhraya Sultan Iskandar (Menuju ke Terowong Hantu)			
30	Hadapan Balai Polis Salak Selatan	Kejadian banjir kilat / air bertakung tidak lagi berlaku di lokasi ini. Walaubagaimanapun tindakan pemantauan dilakukan secara berterusan.		
31	Wangsamaju (Hadapan SMK Wangsamaju Sek. 2)	Kejadian banjir kilat / air bertakung tidak lagi berlaku di lokasi ini. Walaubagaimanapun tindakan pemantauan dilakukan secara berterusan.		

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI (KUALA NERUS)**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan status rancangan menaik taraf Jalan Persekutuan FT003 dari Kampung Kubang Jela ke Bulatan Batu Enam. Begitu juga status rancangan menyiapkan jalan Kampung Gemuroh, Kampung Banggol Nyiur dan Kampung Padang Lalang di Kuala Nerus.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan menaiktaraf Jalan Persekutuan FT003 dari Kampung Kubang Jela ke Bulatan Batu Enam yang dimaksudkan adalah cadangan Menaiktaraf Jalan, Jejambat Dan Jambatan Di Laluan FT003 : Dari Kg. Pulau Rusa Ke Bulatan Batu Enam Ke Persimpangan Laluan FT065 Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu. Cadangan naiktaraf projek ini terbahagi kepada tiga (3) fasa iaitu:

1. Fasa 1 : Kg. Pulau Rusa Ke Kg. Kubang Jela;
2. Fasa 2 : Kg. Kubang Jela Ke Bulatan Batu Enam; dan
3. Fasa 3 : Bulatan Batu Enam Ke Persimpangan Laluan FT065 Lapangan Terbang Sultan Mahmud.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah mengangkat cadangan projek ini bagi Fasa 1 : Kg. Pulau Rusa Ke Kg. Kubang Jela sepanjang 4.0 km dengan anggaran kos keseluruhan RM 373.6 juta pada *Rolling Plan 3 (RP3)*, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) untuk pertimbangan Agensi Pusat. Kelulusan bagi cadangan projek ini tertakluk kepada pertimbangan Agensi Pusat berdasarkan keutamaan dan kedudukan kewangan Kerajaan. Manakala bagi fasa - fasa berikutnya akan dilaksanakan secara berperingkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Projek Jalan Kampung Gemuruh/Banggol Nyior/Pondok Lalang, Kuala Nerus, Terengganu telah diluluskan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dalam *Rolling Plan 4 (RP4)*, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia telah dilantik sebagai Agensi Pelaksana pada 27 Disember 2018. Kementerian ini dimaklumkan pembinaan projek ini dijangka akan dimulakan pada Januari 2023.

Permohonan *Notice of Change* (NOC) dan skop projek ini telah dihantar kepada pihak pelanggan pada 18 November 2020 dan telah diluluskan pada 5 April 2022. NOC projek ini adalah kerana pindaan jajaran bagi mengelakkan laluan di *pylon*. Kos asal projek adalah RM45 juta dan kos baru adalah RM88.231 juta manakala skop asal sepanjang 5km berubah kepada 6.1km. Projek ini dijangka siap pada 2026.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM (TAMPIN)

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan skim perumahan anggota tentera yang telah bersara, apakah terdapat skim memiliki rumah atau tanah bagi anggota tentera yang telah bersara, sejauh mana Kementerian membantu anggota tentera memiliki rumah atau tanah selepas bersara, bagaimana Kementerian membantu kelestarian hidup anggota tentera selepas mereka bersara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2021 Kementerian Pertahanan telah memperuntukkan sebanyak RM 4.86 juta bagi projek baik pulih dan bina baharu rumah Veteran ATM yang melibatkan 253 unit rumah. Pada Tahun 2022 pula, Kementerian terus komited meneruskan inisiatif perumahan ini dengan jumlah peruntukan sebanyak RM4.59 juta melibatkan 175 unit rumah Veteran ATM melibatkan projek baik pulih dan bina baharu rumah.

Selain itu, sebanyak 900 unit rumah atau 30% daripada sejumlah 3,500 unit rumah dalam projek SASaR ATM di Sungai Besi, Kuala Lumpur yang sedang dibina diperuntukkan kepada Veteran ATM. Projek ini telah bermula pada Jun 2021 dengan anggaran harga rumah dari RM150,000.00 sehingga RM250,000.00. Berdasarkan rekod sehingga 30 Jun 2022, jumlah permohonan daripada Veteran ATM adalah sebanyak 550 unit.

Manakala, bagi Projek SASaR ATM di Kem Genting Klang dan Kem Wardieburn, ianya sedang dalam peringkat perancangan dan dijangka akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Sebanyak 15% (1,106 unit) daripada jumlah keseluruhan iaitu 7,374 unit rumah telah diperuntukkan kepada Veteran ATM dengan anggaran harga rumah bermula dari RM150,000.00 hingga RM400,000.00.

Baru-baru ini, Kementerian Pertahanan juga telah melancarkan Blueprint Perumahan 3.0 (BP 3.0) pada 13 Julai 2022 yang merupakan perancangan perumahan paling holistik, menyeluruh dan dirangka berteraskan 3 aspirasi utama atau 3P iaitu Pembinaan Perumahan RKMAT, Penyelenggaraan Perumahan Untuk Warga Kementerian Pertahanan dan Veteran ATM dan Pemilikan Rumah Untuk Warga Kementerian Pertahanan dan Veteran ATM untuk memastikan veteran ATM turut dapat mendiami rumah yang selesa.

Di bawah inisiatif Program Perumahan Veteran ATM ini, sebanyak 1,700 unit rumah akan dibina demi kesejahteraan dan kelangsungan hidup veteran ATM di seluruh negara. Dalam masa yang sama, Kementerian juga turut mensasarkan lebih banyak rumah yang akan diselenggara dengan nisbah sasaran setiap 1 unit rumah baru dibina, 4 unit rumah akan dinaik taraf (4:1) termasuklah rumah-rumah Veteran ATM.

Selaras dengan keprihatinan Kerajaan terhadap Veteran ATM, Blueprint Perumahan 3.0 juga akan melibatkan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di mana KP KT akan mewujudkan kuota khas untuk warga Kementerian Pertahanan termasuk Veteran ATM bagi setiap projek pembangunan rumah mampu milik yang disediakan oleh KP KT.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN DATUK HAJI ISLI
(LABUAN)**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN DATUK HAJI ISLI [LABUAN] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan jumlah projek Kerajaan (mengikut negeri dan kos) yang mengalami masalah, sebab-sebabnya dan tindakan yang telah dikenakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2022, Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku Jabatan Teknikal telah melaksana 2,569 projek pembangunan fizikal kerajaan di bawah RMKe-12. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 313 projek (12.18%) adalah di dalam fasa perancangan, 104 projek (4.05%) di dalam fasa reka bentuk, 154 projek (5.99%) di dalam fasa perolehan, 696 projek (27.09%) di dalam fasa pembinaan manakala 1,302 projek (50.68%) telah siap sepenuhnya.

Daripada keseluruhan 696 projek di dalam fasa pembinaan, terdapat 84 projek bermasalah yang telah disenaraikan di bawah kategori projek sakit dan lewat jadual dengan kos sebanyak RM 3.5 bilion. Lokasi projek-projek bermasalah ini adalah 12 projek di negeri Johor, 9 projek di negeri Kedah, 5 projek di negeri Kelantan, 2 projek di negeri Melaka, 4 projek di Negeri Sembilan, 14 projek di negeri Pahang, 9 projek di negeri Perak, 2 projek di negeri Pulau Pinang, 1 projek di negeri Perlis, 10 projek di negeri Selangor, 6 projek di negeri Terengganu, 3 projek di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2 projek di negeri Sabah, 4 projek di negeri Sarawak dan 1 projek di Luar Negara.

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan projek bermasalah antaranya adalah kelemahan pengurusan kontraktor, masalah kewangan kontraktor, kesukaran mendapatkan bekalan bahan binaan, kesukaran mendapatkan pekerja tapak, masalah kenaikan kos barang binaan, kelewatan pengalihan utiliti, perubahan reka bentuk dan juga kelewatan kelulusan Kebenaran Merancang (KM).

Antara tindakan yang telah diambil oleh agensi pelaksana (JKR) bagi menangani isu kelewatan projek adalah dengan melaksanakan projek *health check* dan intervensi bagi menganalisis masalah di tapak dan mendapatkan cadangan penyelesaian, selain mengadakan Mesyuarat

Problem Solving Governance dan Mesyuarat Contract Coordination Panel bagi menangani isu-isu yang melibatkan kontrak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ISNARAISAH MUNIRAH
MAJILIS [KOTA BELUD]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN ISNARAISAH MUNIRAH MAJILIS [KOTA BELUD] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci hasil dapatan dan kajian yang diperoleh di London berkenaan hak Sabah di dalam Perjanjian Malaysia 1963 yang diketuai oleh Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak serta rombongan beliau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lawatan kerja ke *The National Archives* (TNA), London, United Kingdom merupakan langkah pro aktif Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan dokumen-dokumen asal pembentukan Malaysia yang berada dalam simpanan Kerajaan British sebelum hari Malaysia. Dokumen-dokumen yang sebelum ini bertaraf sulit dan rahsia telah dikelaskan semula kepada dokumen terbuka (*declassified*) yang boleh dirujuk atau diakses oleh umum.

Dokumen-dokumen yang diteliti dan bermanfaat sebagai rujukan adalah termasuk minit-minit Jawatankuasa Cobbold, *Inter-Governmental Committee* (IGC) serta surat-surat dan ulasan-ulasan responden yang ditemubual dan dipilih oleh Jawatankuasa Cobbold dari Sabah dan Sarawak yang tidak terdapat di Arkib Negara Malaysia.

Dengan dokumen-dokumen yang telah diperolehi tersebut, Kerajaan sedang meneliti keperluan untuk mewujudkan pusat penyimpanan khas (repositori) dokumen berkaitan pembentukan Malaysia yang boleh dijadikan sebagai rujukan umum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung dengan hak Sabah dan Sarawak, Kerajaan Persekutuan sentiasa menyediakan jalan dan ruang untuk kerajaan negeri bagi sebarang tuntutan spesifik. Terdapat banyak data (mengenai perkara dan tuntutan MA63) tetapi ia bergantung kepada kerajaan negeri sejauh mana maklumat tersebut digunakan dan dimanfaatkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2022)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 21 JULAI 2021 (KHAMIS)

SOALAN

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kerja-kerja yang telah dilakukan oleh setiap duta-duta khas Perdana Menteri secara perinci mengikut pecahan tajuk urusan kerja, tarikh dan perbelanjaan pada tahun 2020, 2021 dan 2022.

JAWAPAN

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa berusaha memperkuatkannya sektor ekonomi negara khususnya dalam tempoh fasa peralihan ke endemik COVID-19. Segala usaha Kerajaan ini demi untuk memastikan rakyat Keluarga Malaysia akan terus menikmati hasil pembangunan negara.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha ini didukung dengan tindakan Kerajaan yang terus berusaha memperkuatkannya asas-asas ekonomi negara melalui pelaksanaan dasar yang terbuka dan telus. Langkah-langkah ini turut disumbangkan oleh Utusan Khas Perdana Menteri yang berfungsi antara lain untuk menarik pelaburan ke dalam negara.
3. Utusan Khas Perdana Menteri sentiasa proaktif dan telah mengadakan beberapa pertemuan rasmi dengan beberapa Duta dan Kuasa Usaha Sementara (CDA) kepada negara-negara berkaitan bagi mendapatkan maklum balas langsung dan mengeratkan hubungan dua hala melibatkan kerjasama dalam aspek politik, ekonomi dan pendidikan.
4. Bagi tempoh Januari 2020 hingga Jun 2022, sebanyak **RM923,455.10** telah dibelanjakan bagi tujuan lawatan rasmi dalam dan luar negara keempat-empat Utusan Khas Perdana Menteri, di samping dalam melaksanakan fungsi tugas dan komitmen yang dipertanggungjawabkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
(PADANG SERAI)**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan penjelasan mengenai elaun Pingat Jasa Malaysia yang bernilai RM500 masih belum diberikan kepada semua veteran yang layak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menghargai pengorbanan perajurit yang berjuang untuk keamanan tanah air kita dan akan sentiasa berusaha melalui pelbagai inisiatif untuk memastikan kebajikan veteran ATM sentiasa diberi perhatian. Pada tahun 2020 dan 2021, Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) telah membuat beberapa siri pembayaran secara *one-off* kepada semua penerima Pingat Jasa Malaysia (PJM) atau waris yang layak.

Pada tahun 2020 sahaja, Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM telah membuat pembayaran *one-off* Elaun Kenangan Pingat Jasa Malaysia (PJM) sebanyak RM500 secara berfasa mulai 31 Mac 2020 sehingga 24 November 2020 kepada 121,816 Veteran ATM yang melibatkan peruntukan berjumlah RM60.908 juta. Manakala pada tahun 2021 pula, pembayaran sebanyak RM500 secara *one-off* kepada balu atau duda penerima Pingat Jasa Malaysia (PJM) yang telah meninggal dunia selesai dilaksanakan dengan bayaran berjumlah RM 2.7 juta kepada 5,460 penerima.

Namun, apa juu bentuk bantuan yang akan diberikan kepada Veteran ATM selepas ini, ia banyak bergantung kepada kedudukan dan kemampuan kewangan Kerajaan, dengan mengambil kira situasi ekonomi semasa dalam fasa peralihan ke endemik COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO POAY TIONG
[KOTA MELAKA]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

**TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta PERDANA
MENTERI menyatakan**

- a) jumlah Program Pendidikan Pengundi yang telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) dari tahun 2018 – 2022, termasuk maklumat mengenai jumlah peserta, tempat dan perbelanjaan; dan
- (b) apakah kandungan/silibus terperinci Program Pendidikan Pengundi tersebut.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melalui Akademi Pilihan Raya (APR) telah melaksanakan **Program Pendidikan Pengundi** sejak tahun **2017** bertujuan supaya segenap lapisan masyarakat diberi **kefahaman terhadap perihal pentingnya demokrasi, aplikasi demokrasi melalui platform pilihan raya, proses pilihan raya yang dijalankan di Malaysia, tanggungjawab sebagai seorang pengundi dan implikasinya terhadap negara serta menjelaskan isu-isu / cabaran yang sering dibangkitkan semasa pilihan raya diadakan.**

Malah, program ini lebih dipergiat dalam menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 ketika itu, penguatkuasaan Undi 18 dan seterusnya menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15. Sejak tahun 2017 hingga kini, pendekatan utama dalam memberikan pendidikan terhadap pengundi ialah secara bersemuka. Namun, ketika seluruh dunia menghadapi pandemik COVID-19 dan negara dalam Perintah Kawalan Pergerakan, APR telah menggunakan pendekatan alternatif secara atas talian. Tambahan, ketika negara sedang beralih ke fasa endemik COVID-19, pendakatan hibrid juga diperkenal dimana dua kaedah pendekatan sebelum ini digabung jalin menggunakan teknologi terkini dan platform-platform atas talian yang utama.

a. Jumlah Program Pendidikan Pengundi dari tahun 2018-2022

Sejak tahun 2018 hingga 2022 (kemaskini sehingga 30 Jun 2022), perincian program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

SOALAN NO : 80

PERKARA	TAHUN 2018	2019	2020	2021	2022
					(kemaskini 30.6.2022)
Bil. Program	127	282	84	174	113
Bil. Peserta	27,585	95,369	24,284	69,294	58,636
Perbelanjaan (RM)	343,421.00	432,690.00	131,056.00	28,570.00	45,273.00

*Nota: Perbelanjaan bermula pada Jun 2020 hanya melibatkan Tuntutan Perjalanan Pegawai APR

b. Kandungan Program Pendidikan Pengundi

Program Pendidikan Pengundi memberikan penekanan terhadap pelbagai aspek khususnya kepada proses pilihan raya itu sendiri demi memastikan rakyat memahami dan memperbetul persepsi. Di samping itu, program ini dapat membantu rakyat menjadi pengundi berpengetahuan dan seterusnya mampu menggalakkan rakyat berfikir secara rasional dalam membuat keputusan untuk menunaikan tanggungjawabnya sebagai pengundi. Topik utama yang terkandung dalam Program Pendidikan Pengundi ialah:

- i. Sistem Pemerintahan di Malaysia, SPR dan Sistem Pilihan Raya di Malaysia;
- ii. Proses-proses pengundian dan pengiraan undi; dan
- iii. Isu dan cabaran dihadapi SPR dalam melaksanakan pilihan raya.

Setelah itu, peserta juga akan menjalani ujian minda demi memastikan peserta benar-benar memahami ilmu yang telah dipelajari dan mampu mempersiap diri sebagai seorang pengundi berpengetahuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan apakah langkah seterusnya untuk mendapatkan keadilan bagi Adelina Lisao, pembantu rumah warga Indonesia yang diseludup masuk ke negara ini dan kemudian didera dan meninggal dunia setelah mahkamah membebaskan majikan beliau.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan kes ini telah dirayu hingga, dan diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan iaitu mahkamah tertinggi di Malaysia, maka Kerajaan telah menggunakan kesemua ruang yang ada untuk mendapatkan keadilan bagi pihak mangsa.

Tindakan seterusnya bagi mendapatkan keadilan bagi pihak mangsa adalah terpulang kepada waris mangsa.

Sekian,

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2022)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN
AHMAD [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang kepentingan memastikan pendanaan politik sebagai antara langkah berkesan mengelak rasuah dan salah-guna kuasa di kalangan ahli dan parti politik di negara ini, bilakah Perdana Menteri akan membentangkan Rang-Undang-undang (RUU) Pendanaan Politik.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan Pelaksanaan Dasar Penggubalan RUU Sumbangan Politik telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 15 Bilangan 1 Tahun 2022 pada 19 Mei 2022 lalu dan skop dasar bagi RUU tersebut telah dipersetujui untuk dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri untuk pertimbangan selaras dengan dasar semasa Kerajaan.

Selaras dengan Inisiatif 1.2.3, Laporan Semakan Semula Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, kajian terperinci berhubung penggubalan rang undang-undang (RUU) baharu berkaitan sumbangan dana politik akan dilaksanakan selari dengan sesi-sesi libat urus sebelum undang-undang baharu ini dapat diperkenalkan bagi memastikan mekanisme pelaksanaan yang berkesan kelak.

RUU ini penting kerana sehingga kini tiada undang-undang atau peraturan yang mengawal selia pembiayaan politik dan ia dapat mengelak risiko rasuah serta penyalahgunaan kuasa melibatkan ahli politik melalui pelaporan dana politik yang berteraskan prinsip ketelusan dan akauntabiliti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE
BIN MOHD AKIN (HANG TUAH JAYA)**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan status terkini mengenai keputusan Tender Terbuka Antarabangsa yang pernah ditawarkan oleh Kementerian sebelum ini dalam usaha untuk membeli aset jet tempur baharu bagi kegunaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai status terkini Tender Terbuka Antarabangsa bagi perolehan pesawat tempur *Fighter Lead In Trainer - Light Combat Aircraft* (FLIT-LCA), tender ini telah diiklankan pada 22 Jun 2021 dan telah ditutup pada 6 Oktober 2021. Pada masa ini, Kementerian Pertahanan telah melengkapkan semua peringkat penilaian tender *The Supply, Delivery And Commissioning Of Eighteen Units Of Fighter Lead In Trainer - Light Combat Aircraft (FLIT-LCA) And Associated Equipment To The Royal Malaysian Air Force (RMAF) And The Government Of Malaysia.*

Lembaga Perolehan Kementerian Pertahanan pada 17 Mac 2022 juga telah memutuskan petender yang disenarai pendek. Sehubungan dengan itu, surat permohonan untuk mengadakan pemeriksaan fizikal dan rundingan harga dengan petender yang disenarai pendek telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia pada 15 April 2022 untuk kelulusan. Peringkat yang seterusnya adalah pemeriksaan fizikal kepada petender yang telah disenarai pendek untuk proses rundingan harga sebelum dimuktamadkan oleh Kementerian Kewangan bagi pemilihan pembida yang berjaya.

Secara kesimpulannya, Kementerian Pertahanan dan ATM akan memberikan komitmen sepenuhnya untuk memastikan projek-projek semasa dan yang akan datang berada pada landasan yang tepat agar masalah-masalah berkaitan perolehan tidak berulang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Markas Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Unit Sungai Siput (U) telah menutup operasinya pada penghujung bulan Julai 2021. Apakah tindakan Kerajaan untuk menyelesaikan isu penutupan Markas APM, kerana Parlimen Sungai Siput adalah kawasan hotspot banjir.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DR. ABD LATIFF BIN AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pejabat Unit Pertahanan Awam Sungai Siput merupakan sebuah pejabat operasi yang berada di bawah seliaan Pejabat Daerah Pertahanan Awam Kuala Kangsar, Perak dan berfungsi untuk menyokong operasi – operasi yang dilaksanakan di daerah berkenaan secara amnya dan melaksanakan *Response Case* bagi kawasan Sungai Siput secara khususnya.
2. Pejabat Unit Pertahanan Awam Sungai Siput telah ditutup pada 31 Julai 2021 yang lalu disebabkan premis berkenaan tidak mendapat sokongan serta kelulusan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan bagi proses permohonan penyewaan ruang pejabat di premis swasta oleh Kementerian / Jabatan Persekutuan.
3. Setiap permohonan penyewaan ruang pejabat di premis swasta oleh Kementerian / Jabatan Persekutuan terlebih dahulu perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Ruang Pejabat, Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri sebelum proses penyediaan kontrak sewaan dan seterusnya menggunakan peruntukan Jabatan bagi bayaran sewa premis berkenaan. Perkara ini selaras dengan ketetapan Surat Pekeliling Am, Jabatan Perdana Menteri Bilangan 3 tahun 2011.
4. Pegawai, kakitangan dan Anggota Pertahanan Awam yang bertugas di Pejabat Unit Pertahanan Awam Sungai Siput telah dibuat penempatan semula di Pejabat Daerah Pertahanan Awam Kuala Kangsar dan Pejabat Daerah Pertahanan Awam Kinta. Begitu juga dengan aset berupa kenderaan operasi dan

kelengkapan bantuan kecemasan di Pejabat Unit berkenaan telah dipindahkan ke pejabat daerah.

5. Pejabat Daerah Pertahanan Awam Kuala Kangsar telah mengambil alih semula semua *Response Case* dan misi bantuan di kawasan Sungai Siput setelah penutupan Pejabat Unit Pertahanan Awam Sungai Siput.
6. Pada masa ini Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) sedang menumpukan usaha untuk memenuhi keputusan Mesyuarat Jemaat Menteri bertarikh 26 Ogos 2015 bersetuju supaya Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (JPAM, JPM) diberi peranan baru sebagai Sekretariat Pengurusan Bencana di peringkat Negeri dan Daerah serta berperanan meningkatkan kesiapsiagaan dan ketahanan komuniti dan masyarakat setempat dalam menghadapi bencana.
7. Di antara perkara yang diberikan tumpuan utama, APM sedang mengukuhkan kemampuan, keupayaan dan kapasiti bagi Pejabat – pejabat Daerah Pertahanan Awam di seluruh Malaysia dari segi personel, logistik dan kelengkapan. Sehingga kini daripada 159 buah daerah di seluruh negara, APM hanya memiliki 124 buah Pejabat Daerah Pertahanan Awam dan masih terdapat 35 daerah yang tidak mempunyai premis sebagai Pejabat Daerah Pertahanan Awam. APM sedang giat berusaha mencari premis – premis yang bersesuaian untuk dijadikan Pejabat Daerah Pertahanan Awam yang baru di daerah – daerah tersebut.
8. Pemerksaan dan Pembukaan Baru Pejabat – pejabat Daerah Pertahanan Awam memerlukan kos yang tinggi terutamanya dalam pembayaran elauan anggota, penyediaan logistik dan kelengkapan. Walau bagaimanapun APM menghadapikekangan disebabkan Pemerksaan dan Pembukaan Baru Pejabat – pejabat Daerah Pertahanan Awam perlu menggunakan peruntukan yang sedia ada.

9. Oleh yang demikian, APM hanya menumpukan proses bagi Pembukaan Baru Pejabat – pejabat Daerah Pertahanan Awam di daerah – daerah yang masih tidak mempunyai pejabat dan seterusnya memperkasakan Pejabat – pejabat Daerah Pertahanan Awam yang telah ditubuhkan dengan menggunakan peruntukan yang sedia ada. Bersesuaian dengan peranan Pejabat Daerah Pertahanan Awam yang menjadi Pusat Kawalan Operasi (PKO) yang menyelaras semua *Response Case* dan misi bantuan di sesuatu daerah, tumpuan pengukuhan kepada Pejabat Daerah Pertahanan Awam juga memberikan kelebihan agar aset dan logistik yang ditempatkan di daerah tersebut lebih mudah dan cepat untuk digunakan bagi misi bantuan dan menyelamat di seluruh kawasan di daerah berkenaan.
10. Perkara ini selaras jua dengan pematuhan semasa iaitu Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam (Dikemas kini 14 Julai 2022) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.
11. Selain itu, walaupun Pejabat Operasi Sungai Siput telah ditutup, Pejabat Daerah Pertahanan Awam Kuala Kangsar telah mewujudkan satu pasukan yang ditempatkan di Pejabat Daerah Pertahanan Awam Kuala Kangsar yang bertanggungjawab untuk menangani *Response Case* bagi kawasan Sungai Siput.
12. Situasi yang sama juga sedang dilaksanakan bagi kawasan Daerah Petaling dan Daerah Gombak di mana tiada Pejabat Daerah Pertahanan Awam di kedua-dua daerah berkenaan. Walaupun begitu pasukan bertindak bagi menangani *Response Case* di Daerah Petaling telah ditempatkan di Pejabat Daerah Pertahanan Awam Klang manakala pasukan bertindak bagi menangani *Respon Case* di Daerah Gombak telah ditempatkan di Pejabat Pertahanan Awam Kuala Lumpur.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
(HULU SELANGOR)**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan mengapakah pelarasan pencen veteran ATM tidak dapat dilaksanakan dengan segera dan apakah tindakan Kementerian dalam menyelesaikan isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perbincangan di antara Kementerian Pertahanan, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan (MoF) masih diteruskan bagi mencari penyelesaian terbaik kepada cadangan penyelarasan pencen melibatkan Veteran ATM yang bersara sebelum 1 Oktober 2004 dan tidak menerima pelarasan pencen mengikut jadual gaji SSM 2004. Semasa sesi libat urus bersama pihak JPA, Kementerian ini telah dimaklumkan bahawa cadangan penyelarasan pencen ini perlu melalui beberapa proses termasuklah meminda akta dan peraturan pencen yang sedang berkuatkuasa sebelum ianya boleh diluluskan.

Sebagai makluman, penjawat awam dari perkhidmatan Kerajaan selain ATM menikmati pencen sehingga 60% berdasarkan tempoh perkhidmatan yang melayakkan, manakala majoriti Veteran ATM yang telah berkhidmat sehingga 21 tahun hanya layak menikmati pencen sebanyak 50%. Justeru itu, sekiranya penyelarasan pencen ATM dapat dilaksanakan sebagaimana kadar peratusan pencen penjawat awam, permasalahan jurang pencen ATM akan dapat dikurangkan.

Hasil kajian dan semakan yang dijalankan oleh Kementerian mendapati penyelarasan ini akan melibatkan implikasi kewangan yang besar. Namun begitu, Kementerian tetap berusaha untuk mengenal pasti opsyen-opsyen terbaik dalam menangani permasalahan ini memandangkan Kementerian mengakui skim perkhidmatan ATM adalah berbeza dengan skim-skim perkhidmatan awam yang lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER
A/L RAJAJI
[JELUTONG]
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN NO. 86

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang giat diambil oleh Kerajaan sekarang untuk memastikan pelaburan antarabangsa yang berterusan di Malaysia demi menyedia dan meningkatkan perkembangan ekonomi yang lestari dan peluang pekerjaan untuk belia negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia terus kekal sebagai destinasi pelaburan utama di rantau ini walaupun berhadapan dengan lanskap pelaburan langsung asing global yang mencabar. Perkara ini diakui dan diiktiraf melalui *Milken Institute Global Opportunity Index* 2022 yang menobatkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang paling menarik dalam kalangan negara-negara Asia Tenggara bagi pelabur-pelabur asing.

Pelaburan yang diluluskan bagi tahun 2021 berjumlah RM309.4 bilion dan merangkumi 4,568 projek dengan peluang pekerjaan sebanyak 105,022. Pelaburan langsung asing mendominasi pelaburan yang diluluskan sebanyak RM208.6 bilion, sementara pelaburan langsung domestik menyumbang sebanyak RM100.8 bilion. Jumlah pelaburan langsung asing menyaksikan lonjakan sebanyak 224.4 peratus berbanding kelulusan pada tahun 2020 sebanyak RM64.3 bilion.

Momentum ini diteruskan ke suku pertama 2022. Bagi tempoh Januari hingga Mac 2022, Malaysia telah berjaya menarik sebanyak RM42.8 bilion pelaburan yang diluluskan; 65 peratus atau RM27.8 bilion daripada jumlah itu merangkumi pelaburan langsung asing manakala 35 peratus atau RM15.0 bilion adalah pelaburan domestik. Sektor perkilangan menyumbang RM30.0 bilion kepada nilai pelaburan yang diluluskan, sektor perkhidmatan sebanyak RM12.7 bilion manakala sektor utama sebanyak RM0.1 bilion.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sentiasa peka dengan keadaan semasa dan telah melaksanakan pelbagai langkah proaktif bagi memastikan kemasukan pelaburan antarabangsa yang berkualiti dan berimpak tinggi secara berterusan di Malaysia dalam meningkatkan perkembangan ekonomi yang lestari dan menyediakan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk rakyat Malaysia termasuk belia. Antara langkah-langkah tersebut adalah:

- i. Melaksanakan Dasar Pelaburan Baharu Negara berteraskan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) yang mensasarkan pelaburan berkualiti tinggi berintensifkan modal dan teknologi dengan menumpukan elemen-elemen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social and Governance - ESG*). Pembaharuan kepada dasar pelaburan negara melibatkan lima teras utama iaitu, meningkatkan *economic complexity*, mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, memperkuuh rantaian domestik, membangunkan kluster baharu dan sedia ada, serta mempertingkatkan keterangkuman. Lima sub-sektor utama yang telah dikenal pasti di bawah NIA adalah Elektrikal dan Elektronik; Ekonomi Digital; Farmaseutikal; Kimia; dan Aeroangkasa;
- ii. Melaksanakan Dasar Negara Mengenai Industri 4.0: *Industry4WRD*. Dasar ini dibantu dengan pengenalan dana-dana seperti Dana Intervensi *Industry4WRD* dan Geran Automasi Pintar (*Smart Automation Grant – SAG*) bagi meningkatkan adaptasi digitalisasi dan automasi dalam kalangan syarikat tempatan, khususnya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) untuk mengaplikasi teknologi Industri 4.0 di dalam operasi syarikat;
- iii. Merancakkan pembangunan ekonomi digital dengan menggubal Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia bagi membina ekosistem digital yang lengkap di samping Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara. Pejabat Pelaburan Digital (*Digital Investment Office*), sebuah kolaborasi digital antara Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) telah ditubuhkan untuk mempercepatkan pelaburan digital di negara ini. Peranan DIO adalah sejajar dengan Rangka Tindakan MyDIGITAL untuk menarik pelaburan bernilai RM70 bilion dalam industri digital menjelang tahun 2025;

- iv. Menawarkan pakej insentif bagi menarik pelabur dengan memperkenalkan pengecualian cukai istimewa untuk menggalakkan syarikat asing memindahkan (*relocate*) operasi atau menubuhkan operasi baharu di Malaysia dan menjadikan Malaysia sebagai pusat rantaian bekalan antarabangsa;
- v. Menambah baik proses pelaksanaan pelaburan dengan penubuhan *Projek Acceleration and Coordination Unit* (PACU) di MIDA bagi mempercepatkan kelulusan daripada pelbagai agensi dan pelaksanaan projek pelaburan di Malaysia di setiap peringkat; dan
- vi. Memperkenalkan inisiatif memudahkan urusan menjalankan perniagaan (*ease of doing business*) seperti #MyMudah di bawah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) sebagai langkah bukan fiskal untuk menyokong pemuliharan ekonomi menerusi langkah-langkah yang efektif dalam mengurangkan beban peraturan tidak wajar dan mengurangkan kos perniagaan sekaligus meningkatkan produktiviti dan daya saing negara.

MITI yakin dasar-dasar pelaburan yang strategik seperti yang digariskan di atas akan menjamin pemindahan teknologi, kewujudan ekosistem dan peluang penglibatan industri tempatan, khususnya PMKS di dalam rantaian bekalan global.

Sebagai sebuah negara dagang yang mengamalkan dasar terbuka, Malaysia komited untuk terus menyokong sistem perdagangan pelbagai hala berdasarkan peraturan (*rules-based multilateral trading system* – MTS) melalui Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) seperti RCEP dan CPTPP. Kesan-kesan positif penyertaan dalam sistem perdagangan pelbagai hala termasuk pengukuhan prestasi eksport, memperluaskan akses pasaran dan membolehkan PMKS mendapat manfaat daripada rantaian nilai global. Selain itu, penyertaan Malaysia dalam IPEF juga akan memperkuuh hubungan ekonomi di antara Amerika Syarikat dengan negara-negara anggota termasuk Malaysia, khususnya dalam empat teras yang dikenal pasti iaitu: Perdagangan;

NO SOALAN: 86

Rantaian Bekalan; Tenaga Bersih, *Decarbonisation* dan Infrastruktur; serta Percukaian dan Anti-Rasuah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION
BIN ISMAIL
[KULIM-BANDAR BHARU]**
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN :

DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [KULIM-BANDAR BHARU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pencapaian atau kemajuan inisiatif-inisiatif dalam Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) yang dilancarkan sejak 2019 serta nyatakan juga sama ada terdapat inisiatif yang ditambah atau digugurkan dan jika ya, berikan rasionalnya.

JAWAPAN

YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)

Tuan Yang di-Pertua,

1. NACP telah bermula pelaksanaannya pada Januari 2019 yang dibahagikan kepada 6 bidang utama dan sehingga Disember 2019, sebanyak 29 inisiatif telah selesai dilaksanakan dengan pencapaian output. Susulan itu, Laporan Kemajuan NACP Bagi Tahun 2019 telah diterbit serta diedarkan di Parlimen pada November 2020.

2. Laporan Semakan Semula Separuh Penggal Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023 pula telah dikeluarkan pada Mei 2021 dengan menggariskan 82 inisiatif berasaskan kepada keperluan penambahbaikan berterusan seiring dengan dasar semasa Kerajaan ke atas inisiatif-inisiatif yang digariskan dalam NACP dengan menggabung, menangguh dan menambah beberapa inisiatif lain.
3. Secara amnya, terdapat 13 inisiatif asal yang telah ditangguhkan pelaksanaannya melalui penerbitan Laporan Semakan Semula Separuh Penggal NACP berkenaan. Inisiatif yang ditangguhkan ini tidak bermaksud dihentikan malah telah diarah supaya kajian yang lebih mendalam dibuat sebelum sesuatu penambahbaikan dibuat ke atas inisiatif-inisiatif tersebut bagi merealisasikan pelaksanaannya kerana kebanyakannya memerlukan pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan dan pengenalan kepada beberapa perundangan baharu.
4. Sehingga Disember 2021 pula, 8 inisiatif lagi telah siap dilaksanakan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 37 inisiatif NACP bersamaan 33% telah berjaya dilaksanakan dengan pencapaian output. Susulan itu, Laporan Kemajuan NACP Bagi Tahun 2020 dan 2021 telah diedarkan semasa sesi Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Parlimen Ke-14 Tahun 2022 yang lepas. Selain itu, terdapat lebih kurang 14 inisiatif lagi dijangka diselesaikan pelaksanaannya pada suku ketiga tahun 2022 yang menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 51 inisiatif bersamaan 44%.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
[TELUK INTAN]
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara teliti adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk meletakkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di bawah pengawasan Parlimen dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki kedudukan negara yang kini telah jatuh dari tangga ke-51 hingga ke-62 di International Transparency Index.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada Mesyuarat JKKMAR Siri 11 Bil. 1 Tahun 2020 dan Siri 12 Bil 2. Tahun 2020 telah menimbulkan berkenaan cadangan bagi memperkasakan SPRM khususnya dalam Pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah (SPPR). Kedua-dua Mesyuarat JKKMAR telah menimbulkan kedua-dua cadangan ini dan memutuskan bahawa kajian terperinci serta perbincangan lanjut SPRM dengan Jabatan Peguam Negara perlu diadakan berhubung kedua-dua cadangan pindaan ini. Sesi libat urus bersama beberapa agensi masih lagi giat dilaksanakan. Suruhanjaya ini juga akur dan terikat dengan peruntukan Perkara 159 (3) Perlembagaan Persekutuan dimana pindaan ini memerlukan sokongan dengan undi sebanyak tidak kurang daripada 2/3 daripada jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen.

SPRM secara keseluruhannya tidak diletakkan di bawah mana-mana kuasa pihak tertentu. SPRM tetap berpegang kepada dua asas utama iaitu prinsip pengasingan kuasa (*separation of powers*) dan keluhuran undang-undang (*rule of law*).

Sejak penubuhannya pada tahun 2009, lima (5) Jawatankuasa Pemantau Bebas telah diwujudkan sebagai mekanisme semak dan imbang terhadap perjalanan SPRM dalam melaksanakan fungsi dan peranannya.

Kerajaan amat terbuka akan pandangan dan saranan yang disuarakan daripada pelbagai pihak bagi meningkatkan keberkesanan SPRM. Namun demikian, buat masa ini kerajaan sedang memberi tumpuan kepada tindakan memperkasakan SPRM sebagaimana inisiatif-inisiatif yang terdapat di dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

CPI merupakan barometer antarabangsa yang diterbitkan oleh Transparency International (TI) yang mengukur tahap persepsi rasuah dalam badan awam termasuk pegawai dan Anggota Pentadbiran bagi negara-negara di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, pengukuran CPI dilaksanakan berdasarkan persepsi melalui kajian oleh institusi-institusi antarabangsa. Indeks ini adalah untuk memberi gambaran kepada

Kerajaan supaya usaha penambahbaikan tadbir urus, integriti dan antirasuah terus dilaksanakan merentasi pelbagai sektor awam, swasta termasuk politik bagi memberi kesan kepada daya saing serta ekonomi negara.

CPI Malaysia untuk tahun 2021 dikira berdasarkan 9 daripada 13 kajian yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi antarabangsa. Laporan tersebut menunjukkan bahawa Malaysia menduduki tempat ke-2 terbaik selepas Singapura di antara 9 negara ASEAN yang terlibat. Antara perkara yang mempengaruhi skor dan kedudukan negara dalam CPI adalah soalan berbeza yang digunakan antara negara, responden atau kumpulan sasar serta jumlah penglibatan negara yang berbeza setiap tahun. Sebagai contoh, kajian CPI tahun 2021 tidak melibatkan negara Brunei.

Kerajaan melalui Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan agar laporan CPI tersebut lebih adil dan dapat memberi gambaran yang sebenar. Kesediaan Malaysia untuk dinilai dalam CPI 2021 menunjukkan ketelusan dan komitmen Malaysia dalam penambahbaikan tadbir urus. Sehubungan itu, Kerajaan kekal komited untuk melaksanakan inisiatif yang telah digariskan di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP). Walau bagaimanapun, harus kita ingat bahawa usaha-usaha penambahbaikan adalah bersifat jangka panjang dan hasilnya juga akan hanya dapat dilihat dalam jangka masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

aDARIPADA TUAN MORDI BIMOL (MAS GADING)
:

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan apakah status terkini tentang kehilangan Lans Koperal Moses Logers dan Koperal David Edmund Rapi semasa operasi di Pulau Perak pada Julai 2009 dan berapa bayaran ex-gratia yang diterima oleh waris atau wakil keluarga bagi kedua-dua askar tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 19 Julai 2019, **Koperal David bin Edmund Rapid** dan **Lans Koperal Moses anak Logers** dari pasukan Batalion Keempat Rejimen Renjer Diraja (4 RRD) telah diisyiharkan hilang akibat dipukul ombak semasa melaksanakan OP PEJARAK di Pulau Perak. Susulan daripada kejadian tersebut, rekod perkhidmatan kedua-dua anggota telah dimasukkan dalam Senarai Latihan Peralihan dan Kontinjen (LPK) – Pegawai-Pegawai dan Anggota-Anggota Yang Telah Disahkan Oleh Lembaga Siasatan dan Diisyiharkan Sebagai Hilang pada 9 Ogos 2019. Faedah yang telah diterima oleh waris anggota adalah seperti berikut:

Koperal David bin Edmund Rapid – Memandangkan beliau seorang duda dan mempunyai tiga orang anak, pembayaran gaji bulanan oleh Angkatan Tentera Malaysia sebanyak RM4,226.51 dibuat sehingga tempoh maksimum 7 tahun dan dimasukkan ke dalam akaun penjaga anak-anak beliau (bekas isteri) iaitu Puan Terry anak Ensup.

Lans Koperal Moses anak Logers – Anggota masih bujang dan pembayaran gaji bulanan oleh Angkatan Tentera Malaysia sebanyak RM1,902.17 dibuat sehingga tempoh maksimum 7 tahun dan dimasukkan ke dalam akaun kepunyaan abang beliau iaitu Encik Thony Hilo anak Logers sebagai waris pertama.

Setelah tamat tempoh 7 tahun, Mahkamah perlu mengisyiharkan kematian kedua-dua anggota berpandukan peraturan-peraturan dalam perkhidmatan. Seterusnya, kedua-dua waris anggota juga disokong untuk menerima pencen, ganjaran dan faedah kematian termasuk bayaran ex-gratia sebaik sahaja pengisyiharan kematian oleh mahkamah tersebut diperolehi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]
TARIKH : 21 JULAI 2022

SOALAN NO. 90

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sebab-sebab kejatuhan kedudukan ke-32 dalam 2022 International Institute of Management Development (IMD) World Competitiveness Ranking dan langkah-langkah yang diambil untuk menangani kelemahan-kelemahan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah badan yang sentiasa berusaha mempertahankan daya saing negara, Perbadanan Produktiviti Malaysia (Malaysia Productivity Corporation - MPC) merupakan Rakan Institut pada *Institute for Management Development* (IMD) bagi penerbitan Laporan World Competitiveness Yearbook (WCY) telah dan sedang mengambil beberapa tindakan bagi menambahbaik prestasi Malaysia dalam laporan WCY 2022.

MPC sedang melaksanakan sesi analisis mendalam (*deep dive session*) ke atas faktor-faktor yang menyumbang kepada penurunan kedudukan termasuk melaksanakan sesi libat urus dengan pihak-pihak

yang berkepentingan dan kumpulan-kumpulan sasaran yang mempunyai hubungkait dengan prestasi kedudukan daya saing Malaysia. Selain itu, sesi konsultasi berkaitan pencapaian daya saing Malaysia dengan Profesor Arturo Bris, Pengarah IMD *World Competitiveness Center* pada 6 Julai 2022, pihak IMD berpandangan prestasi Malaysia pada kedudukan WCY 2022 adalah bersifat sementara disebabkan pelbagai faktor di luar kawalan. Namun, asas ekonomi dan daya saing negara masih kukuh untuk menyumbang kepada peningkatan daya saing pada tahun akan datang. Ini terbukti daripada dapatan WCY 2022 yang mengesahkan bahawa prestasi ekonomi Malaysia berada pada kedudukan ke-12 berbanding kedudukan ke-15 pada tahun sebelumnya.

Berhubung tiga lagi faktor yang digunakan oleh WCY iaitu Kecekapan Kerajaan, Kecekapan Perniagaan dan Infrastruktur memperlihatkan kedudukan negara menurun. MPC berpandangan beberapa faktor atau maklumat terkini tentang usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam meningkatkan prestasi daya saing negara perlu dikongsi dengan pihak IMD. Ia penting bagi memastikan dapatan laporan WCY di masa akan datang lebih adil dan berdasarkan input terkini yang tepat.

Selain itu, pelbagai langkah yang telah diambil untuk mengukuhkan prestasi daya saing negara untuk jangka masa panjang dengan kerjasama pelbagai pihak yang berkepentingan seperti berikut:

a) Memperteguh Pendekatan Keseluruhan Kerajaan (*Whole-of-Government*)

Pendekatan Keseluruhan Kerajaan yang bersepadau menjadi tonggak utama bagi menambah baik kedudukan Malaysia dalam Laporan WCY.

Perancangan, pelaksanaan dan pemantauan inisiatif-inisiatif berpandukan petunjuk Laporan WCY memerlukan kerjasama erat badan-badan kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi memastikan keberkesanan inisiatif.

Petunjuk-petunjuk kritikal daya saing perlu dikenal pasti dan dipadankan dengan petunjuk di kementerian, agensi dan jabatan kerajaan yang berkaitan dan sasaran hendaklah ditetapkan bagi menambah baik kedudukan petunjuk daya saing.

Salah satu contoh terbaik pendekatan Keseluruhan Kerajaan yang berkesan dan bersepadu dapat dilihat dalam pembinaan hospital swasta bertingkat tinggi dengan menggunakan, dengan izin, *Technical Design Reference for Disaster Preparedness in Setting Up New High-Rise Private Hospital*. Usahasama antara semua pihak Kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan serta kerjasama padu pihak industri menjadi asas terpenting kejayaan projek ini.

Menurut senarai semak permohonan ‘pre-establishment’ (prapembinaan) hospital swasta, bagi pembinaan hospital melebihi 12 tingkat, ia perlu disertakan dengan Disaster Management Plan (DMP) atau Pelan Pengurusan Bencana dan pengesahan kestabilan bangunan yang munasabah, praktikal dan komprehensif. Contoh kejayaan inisiatif yang telah dilaksanakan seperti Hospital Avisena di Shah Alam yang telahpun siap dibina dengan ketinggian 18 tingkat sementara di Johor Bahru, Hospital Thompson dengan ketinggian 20 tingkat.

Pada masa lalu, tempoh kelulusan bagi membina hospital swasta mengambil masa sehingga 800 hari telah juga berjaya dikurangkan kepada 300 hari. Inisiatif penambahbaikan ini diteruskan untuk mengurangkan tempoh kelulusan sehingga 100 hari.

b) Menambah Baik Persekutaran Perniagaan

Persekutaran perniagaan yang kondusif menjadi pemangkin kepada peningkatan prestasi, produktiviti dan keuntungan perniagaan. Peraturan perniagaan merupakan antara faktor utama yang

menyumbang kepada ekosistem perniagaan yang menyokong ekonomi untuk berkembang dengan dinamik.

Inisiatif penambahbaikan peraturan perniagaan yang telus dan inklusif memerlukan pendekatan Keseluruhan Kerajaan dan berteraskan bukti. Semakan terhadap peraturan perniagaan hendaklah dilaksanakan dengan berstruktur dan berkala bagi menjamin peraturan yang berkualiti, relevan, tangkas dan responsif dengan keperluan dan keadaan semasa.

Perluasan pelaksanaan program Malaysia Mudah atau MyMudah yang dipelopori MPC dan dipantau PEMUDAH dilihat mampu menangani masalah beban peraturan yang tidak wajar terhadap perniagaan. Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) pada 13 Jun 2022 telah bersetuju untuk memperkuatkukuhkan pelaksanaan MyMudah di semua kementerian, agensi persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan serta persatuan perniagaan. Mesyuarat tersebut juga telah bersetuju untuk mempercepatkan penyelesaian dalam masa 60 hari untuk isu peraturan perniagaan yang kritikal melalui ujikaji peraturan.

c) Memperkuuh Pembangunan Bakat

Tumpuan juga haruslah terhadap membangun, menarik dan mengekalkan bakat yang memenuhi keperluan industri. Pendekatan program pendidikan negara dan latihan kemahiran hendaklah lebih berorientasikan pasaran (*market-driven*) bagi menangani cabaran semasa dan akan datang dalam pasaran buruh.

Academy in Factory (AiF) merupakan satu program kolaborasi inovatif *triple-helix* melibatkan pihak kerajaan, industri dan akademia yang diterajui oleh MPC menyasarkan penyertaan bakat tempatan. AiF dijangka mampu menyelesaikan cabaran kekurangan tenaga kerja di sektor-sektor berproduktiviti tinggi dan mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing. Program AiF sedang giat dilaksanakan untuk industri elektrikal dan

elektronik, automotif dan sains hayat. AiF menyasarkan penyertaan 300,000 bakat tempatan menjelang tahun 2025. Turut dilaksanakan ialah Program Graduate in Factory yang memberi fokus kepada graduan-graduan lepasan institut pengajian tinggi yang masih belum mendapat pekerjaan.

d) Merancakkan Penggunaan Teknologi Digital dan Inovasi

Di peringkat nasional, realisasi rangka kerja MyDigital yang berkesan mampu menambah baik infrastruktur teknologi digital dengan menyeluruh dan meningkatkan digitalisasi dan inovasi di kalangan komuniti perniagaan dan masyarakat.

Bagi menggalakkan penerimanaan teknologi digital di peringkat firma, MPC giat melaksanakan Program Enterpris Produktif yang memfokuskan kepada pemindahan pengetahuan, kepakaran dan teknologi daripada syarikat-syarikat berdaya saing dan berproduktiviti tinggi kepada syarikat-syarikat pembekal mereka terutamanya syarikat PKS.

MPC juga menerbitkan Direktori Perkhidmatan Digital (*Digital Service Directory-DSP*) dan Pelan Tindakan Digital (*Digital Roadmap*) untuk sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan bagi membantu syarikat-syarikat memulakan proses digitalisasi perniagaan secara berstruktur dan menghubungkan syarikat dengan penyelesaian digital (*digital solution*). Usaha ini akan merapatkan jurang penggunaan teknologi digital antara syarikat-syarikat besar dan PKS.

e) Memperkasa Fungsi Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH)

Fungsi PEMUDAH sebagai platform kerjasama awam-swasta yang bertanggungjawab meringankan beban peraturan perniagaan yang tidak wajar dan melancarkan urusan menjalankan perniagaan di

Malaysia perlu terus diperkasa bagi memastikan keberkesanannya usaha meningkatkan prestasi dan kedudukan daya saing negara.

Melalui 13 Kumpulan Kerja Teknikal dan MPC yang bertindak sebagai Sekretariat, PEMUDAH melaksanakan inisiatif pembaharuan peraturan (*regulatory reform*) berpandukan petunjuk daya saing yang kritikal contohnya dalam urusan pengambilan pekerja, proses memulakan perniagaan, kenaikan harga makanan, perdagangan rentas sempadan dan penggunaan teknologi dron.

Kesemua inisiatif yang diutarakan akan dipantau pelaksanaannya secara berkala oleh PEMUDAH yang dipengerusikan bersama oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) dan YBhg Ketua Setiausaha Negara dengan turut dianggotai oleh pemimpin-pemimpin industri.

Melangkah ke hadapan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan MPC selaku agensi peneraju produktiviti di Malaysia akan terus melipatgandakan usaha memperkuuhkan ekosistem perniagaan dalam memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan terpilih di rantau Asia Tenggara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN
MOHD. TAHIR (TEMERLOH)**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN MOHD. TAHIR [TEMERLOH]
minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan bilakah keseluruhan
jajaran lebuh raya dari Bentong ke Kota Bharu akan siap dan berapa kos
keseluruhan yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Projek Jalan Central Spine (CSR) sepanjang 298.6km melibatkan 6 pakej dan Lebuhraya Kota Bharu Ke Kuala Krai (KBKK) sepanjang 67.56km pula dibahagikan kepada 3 pakej adalah projek pembinaan lebuhraya tanpa tol yang menghubungkan Kota Bharu, Kelantan ke Persimpangan Lebuhraya Pantai Timur, Karak, Pahang.

Kos bagi pelaksanaan Projek CSR dan KBKK telahpun diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) melibatkan nilai keseluruhan sebanyak **RM10.08 billion**.

Pada masa kini, sepanjang 89.25km iaitu 29.9% daripada keseluruhan jajaran CSR telah siap pembinaan dan telah dibuka kepada pengguna. Manakala empat belas (14) seksyen sepanjang 151.45km (50.7%) daripada keseluruhan jajaran CSR, dalam peringkat pembinaan manakala baki empat (4) seksyen melibatkan panjang 57.90km (19.4%) di peringkat perolehan.

Bagi jajaran KBKK pula, sepanjang 13.85km atau 20.5% daripada keseluruhan jajaran telah siap pembinaan dan dibuka kepada pengguna. Manakala empat (4) seksyen sepanjang 43.71km (64.7%) daripada keseluruhan jajaran KBKK, dalam peringkat pembinaan dan baki satu (1) seksyen melibatkan panjang 10.0km (14.8%) di peringkat perolehan.

Kementerian Kerja Raya komited dalam melaksanakan kesemua projek infrastruktur Negara terutama projek berskala besar seperti projek CSR dan KBKK. Kerja-kerja pembinaan bagi kedua-dua projek ini sedang giat dilaksanakan di tapak dan dijadualkan **siap sepenuhnya pada akhir tahun 2025**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR
BIN RADIN [KINABATANGAN]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN :

**Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
menyatakan apakah usaha Kementerian dalam membantu pengusaha
tanaman komoditi ketika harga pasaran produk komoditi merudum.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian sentiasa prihatin dan berusaha untuk memastikan harga agrikomoditi sentiasa stabil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga komoditi getah, koko dan lada adalah stabil buat masa ini. Manakala harga komoditi kenaf juga stabil dan tidak terkesan dengan sebarang penyusutan pasaran harga berbanding komoditi yang lain kerana Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) melaksanakan tanaman secara sistem *contract farming*.

Namun begitu, hanya harga komoditi sawit yang sedang mengalami sedikit penurunan kesan daripada perubahan dasar eksport negara Indonesia yang telah membenarkan eksport minyak sawit mentah (MSM) berbanding larangan eksport sebelumnya. Selain itu, isu peperangan antara Ukraine dan Rusia yang masih belum selesai turut memberikan kesan terhadap perubahan harga komoditi sawit di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun harga komoditi sawit ini sedang mengalami kejatuhan, namun harganya masih lebih tinggi daripada tahun-tahun sebelumnya. Harga MSM telah mula menunjukkan trend peningkatan yang ketara bermula pada pertengahan tahun 2020 dan telah beberapa kali memecahkan rekod harga tertinggi dalam sejarah industri sawit negara pada Januari 2021 hingga Mei 2022. Namun begitu, pada Jun 2022 harga MSM telah mula menunjukkan trend kejatuhan dengan kadar kemerosotan sebanyak 11.2% kepada RM6,106.00 satu tan berbanding RM6,873.00 satu tan pada Mei 2022. Bagi bulan Jun, harga harian MSM terus menurun ke paras terendah iaitu RM4,765.50 satu tan pada 24 Jun 2022, atau jatuh sebanyak 29.6% daripada paras tertinggi RM6,771.00 satu tan pada 3 Jun 2022. Kejatuhan harga MSM ini telah menyebabkan harga buah tandan segar (BTS) turut merosot di pasaran.

Sehubungan itu, bagi memastikan harga komoditi sawit kekal stabil di masa hadapan, Kementerian telah mengambil langkah-langkah strategik seperti berikut:

SOALAN NO : 92

- Meningkatkan permintaan terhadap minyak sawit dan lain-lain produk berasaskan sawit melalui pengukuhan pasaran sedia ada seperti di Pakistan, Turki, negara-negara ASEAN dan sebagainya serta penerokaan pasaran baharu seperti ke Benua Afrika, negara Timur Tengah dan Benua Amerika;
- Memperkuuh kerjasama strategik bersama Indonesia menerusi Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (*Council of Palm Oil Producing Countries* atau CPOPC) bagi memantapkan lagi amalan persekitaran mampan, pengurusan bekalan, aktiviti promosi dan pembangunan pekebun-pekebun kecil. Selain itu, kerjasama ini membolehkan perancangan dan pelaksanaan pelbagai aktiviti untuk memperkuuhkan harga; dan
- Pelaksanaan secara mandatori Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO). Pensijilan ini memberi penekanan dalam mempraktikkan amalan pertanian baik (GAP), penjagaan keselamatan dan kesihatan pekerja, pematuhan undang-undang serta melindungi alam sekitar. Ia bagi memastikan minyak sawit terus berdaya saing dari segi tahap kualiti dan kelestarian dengan minyak sayuran lain dunia.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SRI DR. RICHARD RIOT ANAK
JAEM [SERIAN]
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI DR. RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa bilangan orang muda yang bankrap dan apakah langkah yang diambil bagi menangani perkara ini.

JAWAPAN

YB DATO SERI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan orang muda yang bankrap mengikut pecahan umur dari tahun 2018 hingga bulan Mei 2022 ialah 239 kes (0.52%) bagi kategori umur 25 tahun dan ke bawah, 9,913 kes (21.49%) bagi kategori umur 25 - 34 tahun dan 17,213 kes (37.31%) bagi kategori umur 35 - 44 tahun.

Bagi tahun 2022 sahaja sehingga bulan Mei, bilangan orang muda yang bankrap mengikut pecahan umur ialah 5 kes bagi kategori umur 25 tahun dan ke bawah, 370 kes bagi kategori umur 25 - 34 tahun dan 996 kes bagi kategori umur 35 - 44 tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan kadar kebankrapan di kalangan golongan muda pada masa kini dan cara yang terbaik untuk mengelak daripada kebankrapan ialah melalui kesedaran individu golongan muda itu sendiri tentang risiko atau kesan daripada perintah kebankrapan. Kesedaran ini dapat diterap melalui pendidikan dan pendekatan perbelanjaan yang berhemah.

Bagi membantu mengurangkan kadar kebankrapan, Jabatan Insolvensi Malaysia telah dan akan terus melaksanakan pelbagai program bagi mewujudkan kesedaran masyarakat tentang isu muflis dengan melaksanakan program bersama masyarakat (*outreach programme*) serta Mdi Prihatin. Program ini bertujuan untuk menyampaikan maklumat, memberikan pendidikan dan mewujudkan kesedaran kepada orang awam khususnya golongan muda termasuklah taklimat dan ceramah kesedaran mengenai isu muflis kepada agensi-agensi awam, swasta, orang awam dan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta bagi menerangkan kesan dan akibat daripada perintah

kebankrapan. Ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada golongan muda dan pelajar institusi pengajian tinggi supaya masalah ini dapat ditangani di peringkat awal lagi.

Selanjutnya, Jabatan Insolvensi Malaysia juga turut meminda peruntukan perenggan 5(1)(a) Akta Insolvensi 1967 [Akta 360] melalui Akta Insolvensi (Pindaan) 2020 [Akta A1624] yang telah diwartakan pada 22 Oktober 2020 dan berkuat kuasa sejak 1 September 2021. Pindaan ini adalah untuk menetapkan nilai had minima keberhutangan kepada RM100,000.

Selain itu, Kerajaan juga melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) iaitu sebuah agensi di bawah Bank Negara Malaysia telah mengadakan program-program untuk memberi kesedaran tentang isu muflis. Program ini juga melibatkan perancangan kewangan kepada semua golongan supaya dapat menangani masalah pengurusan kewangan di peringkat pra kebankrapan. Pengurusan kewangan yang berhemah akan menjamin kedudukan kewangan di tahap yang terbaik. Melalui program ini akan dapat membantu golongan muda khususnya untuk berbelanja secara berhemah dan bijak dalam pengurusan kewangan bagi mengelakkan kemuflisan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER
A/L RAJAJI [JELUTONG]
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah yang berlaku kepada siasatan berkenan penyelewengan dana MITRA (Malaysian Indian Transformation).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, beberapa Kertas Siasatan (KS) telah dibuka berkaitan penyelewengan dana MITRA. Pada 18 Februari 2022, dua (2) Orang Kena Tuduh (OKT) telah didakwa di Mahkamah Kuala Lumpur dan Mahkamah Ipoh, Perak. SPRM turut membuka Kertas Pemeriksaan dan Perundingan (KPP) untuk menyemak dan mengkaji sistem dan prosedur berkaitan pemberian dana tersebut. Beberapa Kertas Siasatan masih lagi dalam tindakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tugasan harian dan pencapaian J-KOM. Nyatakan juga bilangan pegawai yang telah dilantik di bawah J-KOM sejak penubuhannya.

JAWAPAN

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. J-KOM telah ditubuhkan pada 1 Februari 2021 menerusi 3 teras utama iaitu membangunkan komuniti berbudaya ilmu (peringkat akar umbi), berkemahiran digital dan menghayati makna dan fokus patriotisme. Perjawatan yang diluluskan adalah sebanyak 155 perjawatan tetap (sebanyak 60 perjawatan telah disi, manakala 95 masih belum diisi) dan 307 perjawatan Pegawai Contract of Service (36 pegawai melapor diri pada 1 Jun 2022, 3 menolak tawaran, manakala baki pegawai masih menunggu kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam).

2. Tugasan harian pegawai J-KOM melibatkan dua (2) sektor utama iaitu Sektor Komunikasi Komuniti dan juga Sektor Pengurusan.
3. Tugasan harian pegawai :
 - 3.1 Pelaksanaan program komunikasi komuniti seperti Program *Outreach*, Program Gegar Komuniti, Program Nomad Digital dan sebagainya.
 - 3.2 Hebahan inisiatif kerajaan seperti Keluarga Malaysia, SOP COVID-19, Belanjawan, Kesedaran Peralihan Endemik dan sebagainya.
 - 3.3 Melaksanakan Tinjauan Pendapat Awam (TPA) di peringkat lapangan dan dalam talian mengikut zon.
 - 3.4 Melaksanakan program ala *Corporate Sosial Responsibility (CSR)* bersama komuniti.
 - 3.5 Menyediakan kandungan kreatif mengenai inisiatif dan aktiviti kerajaan.
 - 3.6 Meningkatkan jalinan kerjasama melalui kolaborasi strategik dengan pihak berkepentingan di peringkat komuniti.
 - 3.7 Menganalisa dan menyediakan modul latihan (Modul Komuniti Berbudaya Ilmu, Modul Berkemahiran Digital, Dan Modul Patriotisme).
 - 3.8 Merancang dan menyediakan input bagi pelaksanaan webinar bersama komuniti.
4. Program komuniti yang telah dilaksanakan oleh J-KOM adalah seperti berikut:
 - 4.1 Komunikasi Bersemuka:

Program *Outreach* Komuniti di Negeri Melaka, Program Sukarelawan Mangsa Banjir, Program Komuniti Muhibah Negeri Johor, Program Jelajah Ihya' Ramadan 2022, Program Gegar Komuniti, Program Nomad Digital dan Sembang Integriti.

4.2 Komunikasi Dalam Talian:

Webinar Celik Isu Semasa (Kenaikan Harga Barang), Webinar Komuniti Berbudaya Ilmu (Majlis Ilmu Ramadan), Kursus Pengurusan Media, Kursus Penulisan Minit Mesyuarat, Kursus *Virality*, Kursus pembelajaran Bahasa Isyarat Asas, Kursus Penyediaan Teks Ucapan dan Kursus Penulisan Popular.

4.3 Tinjauan Pendapat Awam (TPA) :

TPA: Penerimaan Komuniti Keluarga Malaysia Terhadap Belanjawan 2022; TPA: Tahap Ketersediaan Perkhidmatan Digital dalam Komuniti; serta TPA: Pengetahuan, Pemahaman dan Penerimaan Komuniti Malaysia Terhadap Program Vaksinasi COVID-19 Kepada Kanak-Kanak (PICKids).

5. Sehingga kini, J-KOM telah melaksanakan inisiatif hebat media secara organik dengan menghasilkan kandungan kreatif iaitu 1028 poster, 130 video dan 69 artikel di 100 kumpulan *Whatsapp*. Kandungan tersebut telah dibuat hantaran (*posting*) dan ciapan (*tweet*) pada media sosial Jabatan seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
(SETIU)**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peratusan dividen yang diberikan kepada Kerajaan Negeri Terengganu hasil daripada keuntungan yang diraih Petronas pada setiap tahun.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini,

1. PETRONAS merupakan syarikat minyak dan gas milik penuh kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kewangan diperbadankan, dan bertanggungjawab di dalam pembangunan sektor serta lapangan minyak dan gas domestik seperti diperuntukkan oleh Akta Kemajuan Petroleum 1974.
2. Pembayaran dividen Petronas kepada Kerajaan Persekutuan adalah berdasarkan rundingan, perbincangan dan kelulusan Lembaga Petronas. Tiada pembayaran dividen PETRONAS khusus diberikan kepada negeri, termasuk negeri Terengganu. Pembayaran dividen kepada Kerajaan Persekutuan adalah bergantung kepada kemampuan syarikat berdasarkan prestasi kewangan syarikat. Dalam menentukan nilai dividen yang berkemampuan, Lembaga Petronas perlu memastikan syarikat mampu dan secara selesa untuk membiayai operasi, kos pinjaman, dan melabur semula bagi menyokong strategi pertumbuhan jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang telah muflis dari tahun 2020 – 2022 mengikut kaum dan apakah tindakan pihak Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan kes kebankrapan dari tahun 2020 hingga Mei 2022 (“tempoh tersebut”) ialah sebanyak 17,599 kes. Jumlah kes kebankrapan mengikut pecahan negeri bagi tempoh tersebut ialah seperti berikut:

NEGERI	TAHUN			JUMLAH
	2020	2021	Mei 2022	
WILAYAH PERSEKUTUAN	872	918	413	2,203
SELANGOR	1,900	1,789	475	4,164
JOHOR	889	702	396	1,987
PERAK	679	423	176	1,278
PULAU PINANG	386	373	190	949
KEDAH	381	359	236	976
KELANTAN	324	253	147	724
TERENGGANU	367	139	63	569
PAHANG	399	256	121	776
MELAKA	254	146	53	453
NEGERI SEMBILAN	444	311	76	831
PERLIS	49	26	24	99
SARAWAK	551	293	104	948
SABAH	856	566	220	1,642
JUMLAH	8,351	6,554	2,694	17,599

Jumlah kes kebankrapan mengikut pecahan bangsa bagi tempoh tersebut ialah seperti berikut:

BANGSA	TAHUN			JUMLAH
	2020	2021	Mei 2022	
MELAYU	4,883	3,816	1,568	10,267
CINA	2,055	1,664	728	4,447
INDIA	581	542	198	1,321

LAIN-LAIN	807	515	194	1,516
BUKAN WARGANEGARA	25	17	6	48
JUMLAH	8,351	6,554	2,694	17,599

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan kadar kebankrapan dan cara yang terbaik untuk mengelak daripada kebankrapan ialah melalui kesedaran individu itu sendiri tentang risiko atau kesan daripada perintah kebankrapan. Kesedaran ini dapat diterap melalui pendidikan dan pendekatan perbelanjaan yang berhemah.

Bertentangan dan berbeza jauh sekali dengan miskonsepsi segelintir orang awam terhadap fungsi dan peranan Jabatan Insolvensi Malaysia, Jabatan Insolvensi Malaysia bukanlah pihak yang memulakan prosiding kebankrapan mahupun menjatuhkan perintah kebankrapan terhadap seseorang individu. Malahan sebaliknya, Jabatan Insolvensi Malaysia merupakan agensi yang mentadbir hal ehwal seseorang individu bankrap selepas perintah kebankrapan direkodkan di Mahkamah Tinggi.

Bagi membantu mengurangkan kadar kebankrapan, Jabatan Insolvensi Malaysia telah dan akan terus melaksanakan pelbagai program bagi mewujudkan kesedaran masyarakat tentang isu muflis dengan melaksanakan program bersama masyarakat (*outreach programme*) serta Mdl Prihatin. Program ini bertujuan untuk menyampaikan maklumat, memberikan pendidikan dan mewujudkan kesedaran kepada orang awam termasuklah taklimat dan ceramah kesedaran mengenai isu muflis kepada agensi-agensi awam, swasta, orang awam dan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta bagi menerangkan kesan dan akibat daripada perintah kebankrapan. Ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada semua lapisan masyarakat supaya masalah ini dapat ditangani di peringkat awal lagi.

Selanjutnya, Jabatan Insolvensi Malaysia juga turut meminda peruntukan perenggan 5(1)(a) Akta Insolvensi 1967 [Akta 360] melalui Akta Insolvensi (Pindaan) 2020 [Akta A1624] yang telah diwartakan pada 22 Oktober 2020 dan berkuat kuasa sejak 1 September 2021. Pindaan ini

adalah untuk menetapkan nilai had minima keberhutangan kepada RM100,000.

Selain itu, Kerajaan juga melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) iaitu sebuah agensi di bawah Bank Negara Malaysia telah mengadakan program-program untuk memberi kesedaran tentang isu muflis. Program ini juga melibatkan perancangan kewangan kepada semua golongan supaya dapat menangani masalah pengurusan kewangan di peringkat pra kebankrapan. Pengurusan kewangan yang berhemah akan menjamin kedudukan kewangan di tahap yang terbaik. Melalui program ini akan dapat membantu masyarakat untuk berbelanja secara berhemah dan bijak dalam pengurusan kewangan bagi mengelakkan kemuflisan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) Langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan; dan
- (b) Mengapa jangka masa selama lebih daripada 2 bulan diambil untuk memproses pendaftaran seorang individu di bawah e-Kasih.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Agenda pembasmian kemiskinan dan pembangunan inklusif sentiasa menjadi prinsip penting dalam dasar pembangunan sosioekonomi negara. Malaysia telah menangani kemiskinan dengan ketara dan merapatkan jurang ketidaksamarataan dalam kalangan rakyat.
2. Pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada kehidupan isi rumah mudah terjejas dan memberikan impak kepada usaha sedia ada dalam mengurangkan kemiskinan dan ketidaksamarataan. Justeru, Malaysia menyaksikan insiden kemiskinan meningkat kepada 8.4% pada tahun 2020 daripada 5.6% pada tahun 2019 dan meluaskan

ketidaksamarataan melalui pekali Gini kepada 0.411 daripada 0.407 daripada dalam tempoh yang sama.

3. Antara strategi jangka sederhana dan panjang untuk membasmi kemiskinan adalah seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), 2021 – 2025, termasuklah meningkatkan pendapatan dan meningkatkan taraf hidup golongan miskin, menambah baik akses kepada kemudahan dan perkhidmatan penting, mengukuhkan mekanisme penyampaian perkhidmatan dan mengurangkan ketidaksamarataan antara isi rumah. Bagi strategi jangka masa pendek, bantuan bersasar termasuk pemindahan tunai akan terus disediakan untuk isi rumah miskin dan berpendapatan rendah bagi meningkatkan pendapatan, kuasa beli dan kesejahteraan mereka.

4. Kemiskinan dan ketidaksamarataan tidak seharusnya diukur berdasarkan nilai kewangan semata-mata dan perlu ditangani dari perspektif multidimensi. Sehubungan itu, akses kepada kesihatan, penambahbaikan berterusan merentasi penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas, rumah mampu milik, pendidikan dan perkhidmatan kesihatan berkualiti, perlindungan sosial serta mekanisme penyampaian perkhidmatan akan terus disediakan. Pada masa yang sama, skim pembiayaan mikrokredit dan program bimbingan usahawan akan diteruskan untuk menggalakkan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah menyertai aktiviti ekonomi.

5. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, data adalah penting dalam usaha untuk menangani kemiskinan. Bagi tujuan operasi pembasmian kemiskinan di lapangan khususnya Program Rintis Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMKTM), data eKasih yang diselia oleh Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri digunakan.

6. Berbanding statistik DOSM yang dilaksanakan melalui kaedah persampelan, eKasih menggunakan pendekatan survei secara bersemuka di lapangan untuk setiap isi rumah yang dikenal pasti. Setiap profil Ketua Isi Rumah dan Ahli Isi Rumah perlu menjalani proses verifikasi di lapangan dan dibawa ke Mesyuarat Focus Group Daerah (FGD)/ Focus Group Negeri (FGN) bagi mengesahkan status kemiskinan isi rumah.

7. Sehubungan itu, jangka masa proses pendaftaran yang diambil adalah realistik dan munasabah bagi memastikan hanya isi rumah yang layak didaftarkan ke dalam Sistem eKasih sebelum profil isi rumah ini disalurkan kepada agensi pemberi bantuan untuk pemberian bantuan yang sewajarnya. Proses ini bagi menjamin kualiti dan integriti data dalam Sistem eKasih.
8. Bagi memastikan tiada golongan miskin yang tercicir, orang awam sama ada individu ataupun masyarakat, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-Ketua Kampung, Tok Batin, dan badan bukan kerajaan (NGO) boleh membuat pelaporan mengenai isi rumah miskin melalui pejabat daerah ataupun terus ke Pejabat Pembangunan Negeri (PPN).
9. Setiap aduan atau laporan atau permohonan pendaftaran eKasih akan melalui sisihan awal dimana pendapatan yang melebihi PGK akan ditolak. Kemudian senarai nama yang melepas tapisan akan dibawa untuk pengesahan Mesyuarat FGD/ FGN. Hanya senarai nama yang disahkan sahaja akan dibuat verifikasi di lapangan sebelum direkodkan di dalam Sistem eKasih.
10. FGN/ FGD berperanan untuk mengesahkan senarai permohonan pendaftaran eKasih yang telah dibuat tapisan selain bertanggungjawab merancang, menyelaras serta memantau program/ projek pembasmian kemiskinan di peringkat negeri dan daerah bagi memastikan program/ bantuan yang disalurkan sampai kepada kumpulan sasar yang layak tanpa mengira kaum dan latar belakang

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PORT DICKSON] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status penyiasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung dengan aduan insiden kecurian balak melibatkan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di seluruh negara khususnya di Nenggiri, Kelantan.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, isu ini masih lagi dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Justeru, SPRM tidak dapat mendedahkan butiran siasatan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
(SANDAKAN)**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menyeragamkan Berat Dengan Muatan (BDM) bagi pengangkutan lori antara Semenanjung dan Sabah dalam mengurangkan kos logistik dan juga kos sara hidup di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbezaan Berat Dengan Muatan (BDM) bagi pengangkutan lori antara Semenanjung dan Sabah adalah disebabkan oleh terdapat beberapa jambatan di Sabah yang perlu dinaiktaraf atau digantikan dengan yang baru sebelum penyeragaman BDM dapat dilaksanakan.

Oleh yang demikian, bagi melindungi jalan dan jambatan di sepanjang Laluan Persekutuan daripada mengalami kerosakan akibat daripada kenderaan yang beroperasi melebihi had muatan yang dibenarkan, Perintah Sekatan Berat Jalan Persekutuan telah diwartakan di mana semua kenderaan perdagangan perlu mematuhi Perintah Sekatan Berat Jalan Persekutuan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Had Berat Kasar Kenderaan Yang Dibenarkan di Sabah adalah termasuk dalam Senarai II iaitu dengan berat maksimum 38 tan bagi jenis kenderaan 6 gandar.

Semua Jalan Persekutuan di Sabah yang melibatkan penggantian jambatan, jajaran skopnya telah dimasukkan dalam pembinaan Lebuhraya Pan Borneo. Oleh itu, penyeragaman BDM di Sabah dijangka akan dapat dilaksanakan apabila Lebuhraya Pan Borneo Sabah siap kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD [SETIAWANGSA] minta MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR menyatakan punca masalah bekalan air di Kelantan dan rancangan penyelesaiannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa komited dalam memastikan rakyat mendapat akses kepada bekalan air bersih dan sedar akan permasalahan yang membelenggu rakyat di Negeri Kelantan.
2. Daripada analisa yang dibuat, masalah utama bekalan air di Kelantan bertitik-tolak daripada kelemahan tadbir urus dan kedudukan kewangan Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) yang tidak mampan. Perkara ini menyebabkan Aksb menghadapi kesukaran untuk menyediakan perkhidmatan bekalan air yang berkualiti kepada penduduk Kelantan.
3. Rentetan daripada itu juga, AKSB menghadapi masalah untuk membangunkan aset air bagi memenuhi permintaan seiring dengan pertumbuhan pembangunan, menaiktaraf aset-aset sedia ada bagi meningkatkan rizab margin, kepatuhan kepada parameter kualiti air

SOALAN NO: 107

minum dan melaksanakan program penggantian paip bagi mengurangkan kadar Air Tidak Berhasil (NRW).

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Penyelesaian kepada isu bekalan air bersih di Kelantan melibatkan beberapa pendekatan. Ini termasuk mengukuhkan kedudukan kewangan AKSB melalui penyelarasan tarif air serta memantapkan tadbir urus AKSB.

5. Bagi meningkatkan rizab margin air terawat kepada tahap yang memuaskan, pelaksanaan projek-projek fizikal seperti naiktaraf dan pembinaan LRA baharu serta program penggantian paip akan menjadi fokus utama. Antara projek-projek yang sedang dilaksanakan bagi menyelesaikan masalah bekalan air dan seterusnya meningkatkan tahap perkhidmatan adalah seperti berikut:

- i. Naik Taraf Loji Rawatan Air (LRA) dengan anggaran peruntukan bernilai RM207.2 juta melalui pinjaman kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) yang dijangka akan siap menjelang tahun 2025. LRA yang terlibat ialah LRA Chicha Fasa 2 berkapasiti 10 juta liter harian (JLH), LRA Tanjung Mas berkapasiti 30 juta liter sehari (JLH) dan LRA Bukit Chupak berkapasiti 10 JLH
- ii. pembinaan LRA Mini Telok Mesira, Bachok berkapasiti 2 JLH di bawah pembiayaan pinjaman Kerajaan Negeri Kelantan yang kini telah siap 96% dan dijangka akan siap sepenuhnya pada Ogos 2022;
- iii. Program Pengurangan Air Tidak Berhasil (NRW) Kebangsaan melalui Pendekatan 1 berjumlah RM69.95 juta dijangka siap pada tahun 2022. Skop kerja termasuk pemasangan meter *System Input Volume* (SIV), penggantian meter pengguna, pembaikan tangki-tangki dan penyediaan *Geographic Information System* (GIS); dan

SOALAN NO: 107

- iv. Pembangunan Sumber Air: Kajian Pembangunan Sumber Air Negeri Kelantan (Fasa 2) telah bermula sejak 26 Januari 2022 dengan tempoh kajian selama 18 bulan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji potensi pembangunan sumber air permukaan di lembangan-lembangan sungai di Negeri Kelantan untuk cadangan pembinaan takungan air pinggiran sungai (TAPS).

Tuan Yang Di-Pertua,

6. Unjuran permintaan air Kelantan pada 2030 adalah sebanyak 860JLH. Menyedari perkara ini, Kementerian mencadangkan pembinaan TAPS dan LRA Bersepadu dengan kapasiti 500 JLH di Labok, Jajahan Machang. Cadangan ini akan melibatkan pembekalan air ke hampir keseluruhan jajahan di Kelantan terutamanya Kota Bharu, Machang, Pasir Puteh, Tumpat, Bachok, Pasir Mas dan Tanah Merah.

7. Dalam hal ini, Kementerian telah mengemukakan permohonan bagi pembinaan TAPS Machang berkapasiti 500 JLH di bawah *Rolling Plan Ketiga Rancangan Malaysia ke-12 (RP3 RMKe-12)*. Projek ini dijangka dapat meningkatkan rizab margin kepada 30%.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @ TUBAU
[LIBARAN]**

TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN:

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana perkembangan teknologi yang pesat, peralihan demografi, serta pemindahan kuasa dan ekonomi dan politik global dari barat ke Asia dapat memanfaatkan Keluarga Malaysia.

JAWAPAN

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perkembangan teknologi yang pesat, peralihan demografi serta pemindahan kuasa dan ekonomi serta politik global dari Barat ke Asia sudah pasti dapat memanfaatkan Keluarga Malaysia. Perkembangan teknologi akan melonjakkan produktiviti dalam semua sektor termasuk komunikasi, pendidikan, kesihatan, ekonomi dan pertahanan. Sebagai contoh, pembangunan teknologi 5G yang dibangunkan oleh kerajaan akan memanfaatkan Keluarga Malaysia apabila seluruh rakyat dijangka dapat menikmati akses kepada teknologi moden tersebut.
2. Kemajuan ini antaranya akan meningkatkan akses rakyat kepada maklumat, peluang perniagaan melalui e-dagang dan e-pembelajaran yang berkesan. Justeru, perkembangan teknologi yang seiring dengan aspek keselamatan amat penting kepada Keluarga Malaysia dalam memastikan kepentingan rakyat dan kedaulatan negara terus dipelihara.
3. Walau bagaimanapun, Keluarga Malaysia perlu sentiasa berhati-hati dalam penggunaan teknologi supaya tidak mudah tertipu oleh sindiket penipuan dalam talian yang berleluasa. Data-data pengguna Keluarga Malaysia juga perlu dilindungi bagi mengelakkan dieksplotasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.
4. Dari segi ekonomi pula, Keluarga Malaysia akan dapat meneroka akses pasaran yang lebih luas terutama kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (SMEs) melalui penggunaan ekonomi digital. Dengan penggunaan teknologi, Keluarga Malaysia dapat

meningkatkan lagi kualiti produk yang dihasilkan bagi memenuhi piawaian yang ditetapkan agar lebih berdaya-saing.

5. Dari sudut peralihan demografi, peningkatan pesat penduduk di India, Indonesia dan Bangladesh dijangka dapat terus menyokong keperluan tenaga kerja bagi membantu pembangunan ekonomi di rantau Asia, khususnya di Asia Tenggara dan Malaysia. Sehubungan ini, pemindahan kuasa ekonomi dan politik global dari Barat ke Asia akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada Keluarga Malaysia menerusi pembukaan lebih banyak sektor ekonomi oleh pelaburan asing.
6. Menjelang tahun 2030, perubahan besar dijangka berlaku dalam kuasa ekonomi global, di mana ekonomi terbesar dunia adalah dalam kalangan negara-negara di Asia, terutamanya China, India dan Jepun. Negara-negara Barat telah memberi tumpuan di Wilayah Indo-Pasifik dan Keluarga Malaysia boleh mengambil peluang daripada inisiatif rangka kerja ekonomi Indo-Pasifik (IPEF) yang telah diumumkan oleh Amerika Syarikat (AS) pada bulan Mei 2022.
7. Peranan Malaysia sebagai negara yang berkecuali adalah penting dari segi menggalakkan perpaduan dalam Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) serta memastikan keamanan dan kestabilan serantau melalui diplomasi. Kestabilan dan keharmonian negara turut akan menyumbang kepada perpaduan masyarakat di dalam konteks Keluarga Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN NOORITA BINTI SUAL
[TENOM]
TARIKH : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)

SOALAN :

PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai undang-undang untuk tidak menjadikan cubaan bunuh diri sebagai kesalahan jenayah di bawah Akta Kanun Keseksaan.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara telah mengambil inisiatif untuk mengkaji undang-undang berkenaan dengan kesalahan persubahatan dan percubaan membunuh diri di Malaysia. Isu percubaan membunuh diri menjadi lebih meruncing pada masa ini atas beberapa faktor seperti keadaan sosioekonomi dan tahap kesihatan mental masyarakat. Oleh yang demikian, pendekatan yang lebih holistik perlu diambil untuk mengekang perbuatan tersebut.

Berdasarkan hasil kajian perbandingan peruntukan undang-undang mengenai percubaan membunuh diri di United Kingdom, New Zealand, India dan Singapura, didapati negara-negara tersebut telah mengeluarkan percubaan membunuh diri daripada sistem keadilan jenayah dan memasukkan orang yang membuat percubaan membunuh diri ke dalam sistem rawatan kesihatan mental. Ini bermakna percubaan membunuh diri bukan lagi suatu kesalahan jenayah di negara-negara tersebut.

Justeru, Jabatan Peguam Negara sedang menimbang cadangan dan pandangan daripada pihak berkepentingan bagi mengeluarkan kesalahan percubaan membunuh diri daripada sistem keadilan jenayah dan menggantikannya dengan rawatan kesihatan yang sewajarnya.

Seterusnya, Jabatan Peguam Negara juga sedang meneliti dengan lebih lanjut pilihan perundangan yang ada serta implikasi perundangan sekiranya kesalahan percubaan membunuh diri dikeluarkan daripada sistem keadilan jenayah. Di samping itu, Jabatan Peguam Negara sedang meneliti keperluan untuk meminda undang-undang lain yang berbangkit daripada pengeluaran kesalahan percubaan membunuh diri daripada sistem jenayah bagi mengelakkan berlaku kelompongan dalam undang-undang berkenaan perkara ini.

Pada masa ini, Jabatan Peguam Negara sedang mengkaji dan menyelesaikan isu-isu utama berbangkit daripada pemansuhan kesalahan percubaan membunuh diri dalam seksyen 309 Kanun Keseksaan dan akan memuktamadkan kajian tersebut dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 18 JULAI 2022 (ISNIN)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah yang akan berlaku kepada industri petroleum kita dengan pengharaman kenderaan petrol di Eropah bermula dari tahun 2035, dan sama ada Malaysia akan mengikut polisi yang sama ini, dan kalau tidak, apakah sebabnya.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan mengambil maklum akan keputusan Ahli Parlimen Kesatuan Eropah (EU) yang menyokong cadangan Suruhanjaya Eropah (EC) untuk mengharamkan secara total kenderaan baharu yang mengeluarkan karbon dioksida (CO₂) menjelang tahun 2035 kerana kereta menyumbang 12 peratus daripada pelepasan di EU. EU turut berhadapan krisis tenaga ekoran konflik Rusia-Ukraine yang berlarutan sejak Februari 2022. Ini mengakibatkan harga minyak meningkat dankekangan bekalan yang melonjakkan harga tenaga. Jika tiada penyelesaian dicapai, ini akan membawa implikasi besar terhadap pasaran tenaga memandangkan Eropah adalah pasaran utama Rusia

bagi eksport minyak dan gas aslinya manakala Rusia adalah sumber utama minyak dan gas asli bagi Eropah.

2. Eropah telah mula mempelbagaikan sumber tenaga bagi menggantikan 40 peratus gas asli yang diperoleh dari Rusia. Bahkan, EU turut merancang untuk melabelkan nuklear dan gas asli sebagai sumber hijau untuk pelaburan. Jika majoriti negara anggota menyokong, ianya akan menjadi undang-undang EU berkuat kuasa pada 2023.

3. Kerajaan Malaysia belum berhasrat untuk mengharamkan kenderaan petrol. Sebaliknya, di bawah Dasar Automotif Nasional 2020 (NAP2020) Kerajaan menasarkan untuk membangunkan Malaysia sebagai hab automotif serantau bagi kenderaan cekap tenaga (EEV), termasuk termasuk EV dengan ciri-ciri yang berfungsi mengurangkan pelepasan karbon ke udara tetapi juga penggunaan tenaga yang optimum.

4. Petrol masih menjadi sumber tenaga yang penting di negara ini. Berdasarkan data tahun 2019 oleh Suruhanjaya Tenaga, penggunaan petrol merupakan 43% daripada keseluruhan penggunaan produk petroleum selain diesel (31.2%) khususnya bagi pengangkutan. Adalah dijangkakan pengharaman total kenderaan petrol pada tahun 2035 tidak akan mempunyai implikasi yang ketara terhadap industri petroleum negara memandangkan pasaran utama produk petroleum negara adalah tertumpu di Asia dan tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 21 JULAI 2022

SOALAN

TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah dasar Kementerian berkaitan dengan sumber lautan dan aktiviti marin dan sama ada Kementerian berhasrat menetapkan satu Dasar Lautan Negara (National Ocean Policy) demi memelihara kepentingan biodiversiti, sekuriti makanan, alam sekitar serta kedaulatan sempadan air negara sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan SDG14.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian pada masa ini sedang melihat kepada beberapa komponen yang berkaitan dengan lautan iaitu isu sisa marin dan juga Inisiatif Segitiga Terumbu Karang (*Coral Triangle Initiative - CTI*).
2. Program CTI adalah merupakan kerjasama di antara enam (6) buah negara iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Papua New Guinea, Solomon Islands dan Timor Leste. Tujuannya adalah untuk mengekalkan sumber laut dan pantai dengan menangani isu seperti keselamatan makanan, perubahan iklim dan kepelbagaian biologi marin.
3. Malaysia juga merupakan negara ahli bagi *Intergovernmental Oceanographic Commission (IOC)*. IOC merupakan badan antara kerajaan di bawah UNESCO yang menyokong kajian dan penyelidikan

saintifik marin untuk menyokong pembangunan mampan marin. Dekad 2021-2030 telah diisyiharkan sebagai UN Ocean Decade dan Malaysia telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menyokong UN Ocean Decade tersebut.

4. Dari segi kawalan tumpahan minyak bagi mengawal pencemaran berlaku di laut, KASA melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan menjalankan siasatan ke atas kes tersebut mengikut peruntukan Seksyen 27, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Kementerian melalui JAS akan bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan di laut seperti Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) akan mempertingkatkan lagi pemantauan dan penguatkuasaan secara bersepadu dan rondaan di perairan negara. Selain daripada itu, JAS juga dalam proses pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang akan meningkatkan jumlah denda bagi sabitan kesalahan penjenayah alam sekitar yang membuang minyak ke laut.

5. KASA menyambut baik saranan untuk mewujudkan polisi atau dasar berkaitan lautan yang inklusif dan menyeluruh seperti yang dicadangkan. Namun, memandangkan spektrumnya yang luas serta meliputi pelbagai fungsi seperti aspek perundangan lautan (ocean legislation), keselamatan, maritim, pengangkutan, pelancongan, pengurusan biodiversiti sumber marin serta dasar perindustrian, maka satu kajian yang lebih meluas serta kolaborasi di antara kementerian dan agensi berkaitan adalah penting untuk diterokai dan Kementerian ini berbesar hati untuk bekerjasama dengan pihak yang berkaitan untuk menjadikan dasar ini satu kenyataan sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals - SDG*).

Sekian, terima kasih.